

Bil. 70

**Selasa
7 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1) - Pembunuhan Rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh Tentera Israel - <i>Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]</i>	(Halaman	20 /68)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual:</u> Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40	(Halaman	21)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> Maksud P.6 dan P.7	(Halaman	21)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	41)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. " Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. " Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

-
- | | | |
|-----|----------------|--|
| 7. | Yang Berhormat | Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO |
| 8. | " | Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO |
| 9. | " | Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO |
| 10. | " | Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP |
| 11. | " | Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA |
| 12. | " | Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO |
| 13. | " | Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA |
| 14. | " | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP |
| 15. | " | Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) - UMNO |
| 16. | " | Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA |
| 17. | " | Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN |
| 18. | " | Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA |
| 19. | " | Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) - UMNO |
| 20. | " | Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO |
| 21. | " | Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC |
| 22. | " | Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC |
| 23. | " | Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA |
| 24. | " | Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO |
| 25. | " | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO |
| 26. | " | Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA |
| 27. | " | Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP |
| 28. | " | Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS |

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

11. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS

-
17. Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
 18. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
 19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
 20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
 21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
 22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
 23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
 24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
 25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
 26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
 27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
 28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
 29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
 30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
 31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
 46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
 47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
 48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
 49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
 50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
 51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
 52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
 53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
 54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS

-
- | | | |
|-----|----------------|--|
| 55. | Yang Berhormat | Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO |
| 56. | “ | Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO |
| 57. | “ | Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC |
| 58. | “ | Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS |
| 59. | “ | Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP |
| 60. | “ | Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN |
| 61. | “ | Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN |
| 62. | “ | Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP |
| 63. | “ | Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB |
| 64. | “ | Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA |
| 65. | “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP |
| 66. | “ | Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP |
| 67. | “ | Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA |
| 68. | “ | Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA |
| 69. | “ | Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO |
| 70. | “ | Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP |
| 71. | “ | Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO |
| 72. | “ | Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO |
| 73. | “ | Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO |
| 74. | “ | Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO |
| 75. | “ | Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO |
| 76. | “ | Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO |
| 77. | “ | Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO |
| 78. | “ | Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO |
| 79. | “ | Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO |
| 80. | “ | Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS |
| 81. | “ | Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO |
| 82. | “ | Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO |
| 83. | “ | Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO |
| 84. | “ | Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO |
| 85. | “ | Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO |
| 86. | “ | Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO |
| 87. | “ | Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO |
| 88. | “ | Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO |
| 89. | “ | Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO |
| 90. | “ | Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO |
| 91. | “ | Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP |

92. Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) – MCA

127. Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
SELASA, 07 November 2006
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**[Soalan No.1 – Y.B Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
[Parit Buntar] tidak hadir]**

2. Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang] minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah syarikat yang dikawal oleh orang Melayu (tidak termasuk badan-badan amanah kepentingan Melayu) dan nilai saham pegangan orang Melayu berbanding dengan pihak lain pada akhir 2005 dan berapakah bilangan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan nilai sahamnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sebanyak 717,935 buah syarikat telah didaftarkan sehingga 31 Disember 2005 dan daripada jumlah ini terdapat 172,568 buah syarikat yang dikawal oleh orang Melayu iaitu 24% dari segi jumlah syarikat yang didaftarkan dan jumlah 172,568 buah syarikat bumiputera ini juga berdasarkan kepada pemilikan lebih daripada 50% yang dimiliki oleh bumiputera.

Manakala berdasarkan kepada laporan tahunan yang dikemukakan oleh syarikat tersenarai setakat 31 Disember 2005, peratusan pegangan saham oleh bumiputera di dalam syarikat tersenarai di Papan Utama, Papan Kedua dan Bursa Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) bagi syarikat-syarikat di mana pemilikan bumiputera adalah kurang daripada 30% sebanyak 539 buah syarikat;
- (ii) bagi pemilikan antara 30% hingga 50% oleh bumiputera, jumlahnya ialah 187 buah syarikat; dan
- (iii) bagi pemilikan lebih 50% oleh bumiputera jumlahnya ialah 186 buah syarikat.

Kalau dikira dari segi peratusan, sebanyak 59% adalah syarikat-syarikat di mana pemilikan bumiputera adalah 30% ke bawah, 20.5% di mana pemilikannya adalah 30% hingga 50% dan hanya 20.4% pemilikannya adalah lebih daripada 50% oleh bumiputera.

Kalau dikira berdasarkan kepada pecahan nilai yang dibuat oleh Bursa Saham, berdasarkan kepada pengumuman pemilik-pemilik saham ini sama ada bumiputera atau bukan bumiputera ataupun asing di mana *nominee*, juga dipecahkan berdasarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh pemilik-pemilik ini maka nilainya ialah:

- (i) bumiputera RM78.4 bilion iaitu 36.6%;
- (ii) bukan bumiputera RM100.4 bilion iaitu 46.9%; dan
- (iii) asing adalah RM35.2 bilion iaitu 16.45% peratus.

Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan *equity holding* orang Melayu dan bumiputera ini telah banyak dibincangkan selama dua bulan ini. Semalam kita telah mendengar panjang lebar huraian yang dibuat oleh Ketua Pembangkang.

Pihak kerajaan pula menentukan satu ketetapan lain yang jauh berbeza dengan pendapat seorang rektor daripada pengkaji dan juga daripada Ketua Pembangkang. Adakah kementerian berhasrat untuk melihat perkara ini secara terperinci kerana kajian-kajian mengikut ilmiah bahawa kajian *property holding* ini mesti berlandaskan beberapa fakta?

Adakah fakta-fakta umpamanya *inherited property*, *direct holding* dan benda-benda yang tidak mungkin dalam perhitungan EPU juga diambil kira untuk menentukan macam mana keadaan *holding* orang Melayu ataupun kaum bumiputera itu secara sebenarnya. Jangan di *speculate* kan dan jangan di politikkan benda ini. Kita hendak kementerian mengambil tindakan khusus dan adakah tindakan dirancang pada masa ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Kita jelas bahawa pendirian kerajaan ialah kaedah yang digunakan oleh kerajaan sejak awal hingga ke hari ini adalah konsisten, adalah kaedah yang lebih tepat, lebih menyeluruh. Umpamanya, saya sebutkan tadi bahawa jumlah syarikat yang diambil kira oleh kerajaan dalam pengiraan ekuiti adalah sebanyak 717,935 buah iaitu jumlah syarikat yang didaftarkan dan ekuiti-ekuiti ini diambil kira diklasifikasikan berdasarkan bumiputera, bukan bumiputera dan sebagainya.

Kalau kita hanya menumpukan pengiraan kita kepada syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham sahaja umpamanya, ianya hanya merupakan lebih kurang 1,000 syarikat sahaja. Jadi, apakah kita harus mengira berdasarkan kepada jumlah syarikat yang 1,000 lebih ini ataupun lebih menyeluruh sekiranya kita mengambil kira jumlah syarikat yang melebihi 717,000 ini.

Memang kaedah-kaedah ini dalam apa juga kajian boleh dibuat, boleh dipilih. Kadangkala mengikut kepercayaan dan fahaman penyelidik-penyelidik itu sendiri. Tetapi bagi kerajaan, kita yakin kaedah yang kita gunakan sehingga hari ini adalah lebih menyeluruh dan lebih adil untuk menggambarkan apa yang sebenarnya wujud di dalam ekonomi negara kita. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan satu kajian yang dibuat oleh Universiti Malaya, CEDER, oleh Dr. M. Fazilah Abdul Samad yang bertajuk, *Bumiputeras in the Corporate Sector - three decades of performance 1970-2000*, yang menyatakan bahawa untuk tahun 1997, dengan izin, *ownership at par value of limited companies*, sudah pecah 30%, sudah sampai 33.7% ialah untuk perseorangan 3.1%, untuk korporat 30.6%. Adakah Yang Berhormat menerima kajian ini?

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa mengikut *recent company* atau *registered companies*. Kalau begitu, bukankah benar bahawa laporan ASLI betul? Ini kerana asas berbeza sahaja, bukan kajian ASLI tidak betul. Kenapa perkara ini tidak diterangkan dengan jelas? Di sini mengikut laporan sendiri, Rancangan Malaysia Kesembilan, kita boleh lihat bahawa pemilikan modal saham bumiputera di beberapa sektor telah jatuh dengan teruknya di antara 2002 dan 2004 semacamnya untuk modal saham di bidang utiliti sudah jatuh daripada 12.4% ke 6.3% dan bagi sektor kewangan sudah jatuh daripada 20.7% ke 12.5%. Ini dalam dua tahun sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sebab kenapa ini berlaku?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Pertama, kajian-kajian yang disebut oleh Yang Berhormat tersebut, oleh individu-individu tertentu dan meminta sama ada saya menerima atau bersetuju. Saya tidak dapat menerima ataupun bersetuju kerana pertamanya saya belum membaca dengan teliti kajian-kajian tersebut, jadi sewajarnya saya tidak boleh menerima, bahkan tidak boleh membuat kupasan lanjut tetapi kalau saya dapat melihatnya, membacanya dan melihat asas-asasnya, perkiraan, barangkali boleh saya beri kupasan yang lebih lanjut...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Menyampuk]

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang keduanya... Tidak, Yang Berhormat sudah tanya soalan, saya hendak jawab ini. Ataupun Yang Berhormat hendak bertanya sepanjang hari, saya boleh duduk. Yang Berhormat sudah tanya, jadi bagi saya jawab. Kalau setakat Yang Berhormat hendak bagi, selepas ini pun Yang Berhormat boleh jumpa saya. Terima kasih. Ini kerana kita sering berjumpa di luar. Yang Berhormat pun sering minta benda-benda lain daripada saya. Minta data pun saya bagi, tidak ada masalah itu.

Jadi kalau hendak suruh saya jawab, biar saya jawab dahulu. Selepas itu soal *bilateral*, dengan izin, antara kita berdua, di luar pun boleh. Sepanjang hari pun boleh, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Setahun.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya, setahun pun boleh.... [Ketawa] Soal kajian-kajian khusus ini banyak. Ada juga kajian-kajian yang menunjukkan bahawa pencapaian bumiputera itu lebih kurang daripada yang secara rasmi pun tetapi oleh kerana ini semua berbeza-beza dan asas-asas yang berbeza serta kaedah yang berbeza maka bagi pihak kerajaan, kita kena menerima apa yang kita yakin, yang lebih *representative*, yang lebih menyeluruh.

Tentang kajian ASLI yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, saya difahamkan dengan bacaan-bacaan secara kasar, walaupun saya tidak baca dengan teliti dia punya pendekatan ataupun *approach*nya, satu masalah yang ditimbulkan ialah bagaimana kita harus menerima ataupun memberi *treatment*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat milik kerajaan. Saya difahamkan dalam laporan ASLI itu, sebahagian besar daripada syarikat-syarikat milik kerajaan ini 70% adalah di *assign*, dengan izin, kepada bumiputera.

Mungkin atas dasar 70% ini merupakan gambaran pecahan penduduk bumiputera. Maka kita hendak agihkan yang dimiliki oleh kerajaan itu berdasarkan pecahan penduduk. Itu satu kaedah yang dibuat oleh penyelidik tetapi apa yang kita hendak katakan bahawa kaedah itu tidak semestinya yang diterima. Saya yakin di kalangan orang-orang bukan bumiputera juga barangkali merasa tidak mahu menyerah 70% GLC ini kepada bumiputera. Bukan sahaja di kalangan bumiputera yang menganggap bahawa GLC ini bukan dimiliki oleh bumiputera 70%, saya yakin di kalangan bukan bumiputera juga tidak berasa senang dengan penyerahan seperti itu.

Jadi inilah masalahnya Yang Berhormat, sesuatu yang dibuat oleh seseorang individu tidak semestinya merupakan yang luhur, yang *truth* dengan izin, dan ia boleh dibahaskan dan boleh dibincangkan dengan secara lanjut. Banyak lagi sebenarnya perkara-perkara ini yang boleh kita bincangkan dan saya rasa dengan soalan mulut seperti ini kita tidak dapat bereskan dengan semua. Sekian, terima kasih.

3. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah rancangan JKR untuk memaksimumkan penggunaan CIQ Johor Bahru dari segi aliran trafik sama ada dalam Bandaraya Johor Bahru atau di atas Tambak Johor tanpa mengambil kira faktor jambatan yang telah dibatalkan itu.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi penggunaan penuh secara berkesan Kompleks KIK Johor Bahru, yang sedang dibina berfungsi seperti yang dirancang. Tindakan seperti berikut sedang dan akan diambil:

- (i) satu laluan tetap atau *permanent link*, dengan izin, yang menghubungkan Kompleks KIK yang baru dengan Tambak Johor akan dibina;

- (ii) menyediakan laluan jangka pendek atau *short term access*, dengan izin, yang akan membolehkan Kompleks KIK yang baru dapat beroperasi untuk kenderaan ringan sahaja iaitu bas, kereta dan motosikal. Laluan jangka pendek ini akan membolehkan trafik Timur-Barat, Johor Bahru melalui jambatan Tanjung Puteri dapat menyelesaikan masalah kesesakan trafik di bandar Johor Bahru oleh kerana pengasingan trafik ke Singapura dan bandar Johor Bahru.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana maksud maksimum tadi mungkin tidak jelas kerana maksimum itu sampai ke tahap 100% ataupun lebih rendah daripada itu. Berapa peratus kah kegunaan CIQ dengan penyelesaian trafik tadi, sama ada 80%, 70% ataupun sampai ke tahap 100%?

Dan yang kedua, adakah dia juga telah mengambil kira Wilayah Pembangunan Iskandar ataupun Wilayah Pembangunan Johor Selatan yang telah dirasmikan baru-baru ini? Maksudnya, adakah itu juga mengambil kira Wilayah Pembangunan Iskandar yang telah pun dilancarkan? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan baru seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat sedang dikaji oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

4. Tuan Muhamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah kerajaan sanggup memberikan taraf kerakyatan sementara atau PR, kepada ahli sukan negara lain dalam usaha memartabatkan sukan tempatan di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negara sememangnya menjadikan hasrat untuk mempertingkatkan prestasi sukan tempatan di peringkat antarabangsa sebagai satu agenda penting. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan dan memartabatkan sukan di negara ini.

Penglibatan ahli-ahli sukan negara lain dalam arus pembangunan sukan tempatan jelas dapat dilihat di dalam beberapa jenis sukan seperti bola sepak, hoki, ragbi dan kriket di mana pemain-pemain dari negara luar dijemput ataupun ditawarkan bermain mewakili negeri atau kelab dalam liga tempatan. Kerajaan sememangnya sentiasa terbuka dalam penglibatan ahli sukan negara lain dalam arus pembangunan tempatan tetapi pada ketika ini kerajaan masih belum bersedia untuk memberikan taraf kerakyatan sementara.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau lihat senario sukan sama ada pada masa sekarang atau pun dahulu sememangnya sukan ini adalah antara alternatif yang memberi keterampilan dan imej negara di peringkat antarabangsa. Soalan tambahan saya ialah bagaimana dengan peruntukan yang besar, yang diberikan kepada jurulatih asing selama ini dalam sukan negara? Adakah juga usaha ini berbaloi kepada negara dan apakah bidang sukan yang cemerlang di bawah kendalian jurulatih-jurulatih asing ini?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan pokok adalah berkenaan dengan pemberian kerakyatan sementara. Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1998 memberi kerakyatan kepada tiga orang. Sebelum saya menjawab berkenaan dengan jurulatih, pada tahun 1998 tiga orang atlet dari luar negara iaitu Muhamad Hidayat Hamidon, Yuan Yu Fang dan Irena Maharani. Di antara ketiga-tiga atlet tersebut, hanya Muhamad Hidayat Hamidon dan Yuan Yu Fang sahaja yang berjaya secara konsisten menyumbang pingat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan jurulatih, hasrat Kementerian Belia dan Sukan, kita boleh beri *permanent residence* ataupun kerakyatan sementara kepada ramai ahli-ahli sukan, tetapi untuk memartabatkan sukan di negara ini kita kenalah memberi *concentration*, dengan izin, kepada anak-anak tempatan.

Sehingga kini kita telah berjaya menggilap anak-anak tempatan untuk menjuarai pentas sukan dunia di dalam sukan-sukan seperti boling, skuasy, badminton, terjun, wushu, karate do dan beberapa sukan lain. Ini semua dapat dicapai oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan menawar dan memberi input dalam sukan ini daripada pelatih-pelatih dari luar negara. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memperbetulkan fakta. Sebenarnya kita tidak boleh memberi PR kepada mana-mana atlet atau ahli sukan negara asing. Kita hanya memberi kerakyatan tetap kewarganegaraan, kita memang tidak boleh bagi. Saya cuma hendak bertanya, itu pun kalau kita hendak menawarkan kewarganegaraan, kita mesti mendapat keizinan daripada negara asal mereka setelah mereka mewakili negara tersebut.

Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga atlet, daripada Ukraine penembak, Irena, Muhamad Hidayat, angkat berat, mereka sudah menang *Commonwealth Games*, tidak apalah, *gold medal* dan daripada China, Yuan Yu Fan ini dia memenangi *bronze medal*, bukan *gold medal*. Apakah jaminan dalam proses pengambilan mereka ini selepas prestasi mereka menurun, mereka tidak lagi boleh mewakili negara kita? Apakah tawaran jawatan yang diberikan kepada mereka kerana mereka tidak boleh ke negara asal mereka? Jadi ini akan menjadi satu pemerhatian kepada atlet atau ahli sukan lain yang hendak datang ke negara kita ini.

Jadi apakah jaminan, kontrak, selepas mereka gagal lagi hendak menjadi atlet, prestasi mereka menurun, sudah tidak boleh menjadi wakil negara? Apakah mereka ini selain daripada diberikan jawatan jurulatih, ada jawatan-jawatan lain? Ini amat penting, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menggalakkan atlet dan ahli-ahli sukan yang lain mewakili negara kita di masa hadapan sebagaimana yang dibuat oleh Amerika dan negara-negara Eropah yang lain.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Buat masa kini, program yang diadakan oleh Kementerian Belia dan Sukan mengenai bekas-bekas atlet adalah jurulatih tetapi cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat ini akan dibawa kepada perhatian kementerian. Terima kasih.

5. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, komitmen kementerian berhubung cadangan pembinaan sebuah '*interchange*' di laluan persekutuan 3215 Jalan Putra Permai dan Lebuhraya Putrajaya-KL. Adakah kesesakan teruk di laluan antara Pasar Borong Selangor dan Pasar Raya Jusco menghala ke pekan Seri Kembangan tidak cukup untuk cadangan ini dipertimbangkan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menyedari masalah kesesakan teruk di laluan Pasar Borong Selangor dan Pasar Raya Jusco menghala ke pekan Seri Kembangan. Hasil kajian kementerian terhadap masalah ini, pihak kementerian telah mencadangkan supaya jalan utama Serdang Raya iaitu FT 3215 dinaiktarafkan. Cadangan ini telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Namun begitu Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah tidak meluluskan cadangan tersebut berdasarkan keutamaan di lokasi lain. Pihak kementerian akan memajukan semula cadangan menaik taraf jalan Serdang Raya dalam Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah meluluskan dua daripada tiga jejantas pejalan kaki di kawasan Puchong. Saya mengucapkan tahniah.

Akan tetapi mengenai soalan ini, ada beberapa isu yang saya hendak bangkitkan iaitu isu perancangan dan juga pelaksanaan. Walaupun Unit Perancang Ekonomi tidak meluluskan *interchange* ini tetapi sedarkan Yang Berhormat perkembangan dan juga pembangunan di kawasan persekitaran ini telah menyebabkan ramai penduduk akan tinggal di kawasan ini. Saya tidak hendak nanti *highway* ini akan menjadi macam lebuhraya di antara Seremban dengan Port Dickson di mana tidak cukup kenderaan ataupun *volume* trafiknya tidak cukup.

Jadi, saya merayu kepada Yang Berhormat, buatlah kajian yang betul-betul di mana satu *interchange* mesti dibina di kawasan bahagian negeri Selangor. Seperti yang telah saya *brief* ataupun beri taklimat kepada Yang Berhormat semasa saya berjumpa dengan Yang Berhormat bahawa *highway* ini kira-kira 26 kilometer, tetapi 13 kilometer yang pertama ini ada empat jalan susur keluar masuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, baik Yang Berhormat beri soalan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akan tetapi di kawasan Puchong ataupun di kawasan Selangor satu pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Soalan saya, adakah kereta ataupun trafik daripada Selangor ini tidak boleh bayar tol kalau ada tol di sana? Saya berharap Yang Berhormat beri satu kajian yang lebih menyeluruh supaya memberikan *treatment* yang *fair*....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...Kepada orang Selangor dan juga orang KL. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan buat ucapan, ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita bandingkan dengan negeri-negeri yang lain, Selangor sahajalah yang dapat banyak peruntukan... [*Dewan riu*] Banyak peruntukan. *Interchange*..., persimpangan bertingkat di sini, di sana..., di sana, semuanya di Selangor. Itu pun tidak cukup lagi, ya? Bagilah negeri-negeri lain sikit!

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, keputusan berkenaan dengan pemberian peruntukan akan diberi oleh EPU. Jikalau EPU kata tidak, kami tidak sentuh perkara itu. Terima kasih.

6. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pertahanan menyatakan, adakah berbaloi kerajaan berbelanja jutaan ringgit untuk membeli banyak kapal *frigate* berbanding pesawat pejuang sedangkan kuasa ketenteraan sekarang lebih bersifat udara globalisasi.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, terima kasih di atas soalan ini. Yang Berhormat telah bertanya apakah membeli kapal *frigate* ini dari segi keuntungan berbanding dengan pesawat pejuang? Saya ingin memaklumkan bahawa konsep pertahanan negara tidak hanya berteraskan kepada laut, udara ataupun darat sahaja, ia meliputi semua.

Maka kalau keadaan kewangan kita baik dan penyusunan strategi pertahanan negara kita sesuai, maka kelengkapan-kelengkapan ini kita beli untuk kepentingan rakyat dan pertahanan negara. Untuk pengetahuan, perairan negara kita merupakan satu laluan perkapalan yang sangat penting, bukan sahaja kepada ekonomi negara bahkan kepada kawasan serantau dan global. Perdagangan dunia menggunakan laluan laut dan Selat Melaka adalah merupakan laluan paling sibuk dan terpenting di dunia. Oleh sebab itu, kalau laluan laut ini maka menjaga laut dan perairan, kita tidak hanya boleh menggunakan pesawat udara maka kita terpaksa menggunakan kelengkapan laut.

Oleh yang demikian, demi menjamin keselamatan dan keamanan, maka aspek pertahanan maritim turut diberi perhatian. Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai agensi utama negara dalam aspek keselamatan dan pertahanan maritim perlu mempunyai kekuatan dan kemampuan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan berkesan. Kelengkapan Tentera Laut yang sedia ada dan perolehan kapal *frigate* yang dicadangkan adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang untuk memastikan keupayaan mempertahankan kawasan maritim sentiasa dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertahanan kawasan maritim memerlukan kehadiran kapal perang yang segenap pelosok perairan negara pada sebilangan masa sebagai *deterrent* kepada anasir-anasir yang ingin mengancam keselamatan negara.

Kehadiran kapal seperti *frigate* di perairan negara melaksanakan tugas dan rondaan, dan pemantauan juga akan memberi keyakinan kepada rakyat jelata bahawa keselamatan negara kita terjamin dan kegiatan ekonomi dapat dilaksanakan tanpa perasaan bimbang dan takut. Dalam aspek maritim pula, aset udara seperti pesawat tidak boleh menjadi galang ganti kepada kapal perang yang mempunyai fungsi dan impak yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Bagi Kuala Pilah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu menyeluruh dan begitu informatif. Cuma saya melihat bahawa soal keselamatan ini bukan lagi setakat persempadanan negara masing-masing, tetapi juga boleh melangkaui persempadanan zon-zon benua. Oleh sebab itu tidakkah Kementerian Pertahanan terfikir, adalah lebih baik membeli satu kapal pengangkut pesawat yang serba-serbinya ada. Maksudnya, saya melihat langkah ini lebih proaktif berdasarkan negara kita adalah sebuah negara maritim yang luas dan guna sama kapal seperti itu lebih menyeluruh kerana disokong kekuatan udara yang dilengkapi pesawat tempur, dilengkapi sistem peluru berpandu umpama jenis NK29C Spero dan RIM16 dan dibantu oleh sistem radar yang canggih seperti pengesan udara, radar sasaran serta radar kawalan trafik udara. Malah kita juga boleh mewujudkan kira-kira 4000 peluang pekerjaan di atas kapal seperti itu. Jadi ini pandangan sayalah, sama ada terfikir di Kementerian Pertahanan di atas konsep yang saya kemukakan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat untuk kita membeli kapal pengangkut yang besar bagi melengkapkan kekuatan tentera laut kita adalah baik, tetapi Yang Berhormat juga bertanya kenapa kita membeli kapal *frigate*? Ia juga sebagai kapal sumber pertahanan negara. Membeli kapal pengangkut ini kalau kita menjangkau untuk mengadakan satu siri *exercise* dan pertahanan yang lebih jauh, sekiranya kekuatan tentera udara kita tidak mampu.

Untuk ketika ini kekuatan tentera udara kita, kemampuan jet pejuang kita boleh terbang daripada Butterworth ke Kuching dalam tempoh 30 minit, dan dalam masa itu sebarang kejadian yang tidak baik untuk mempertahankan ruang udara dan perairan kita, kekuatan tentera udara kita masih boleh mampu dan kita ketika ini, kita ada jet-jet pejuang MIG29, Skyhawk dan F18 dan kita menunggu untuk kehadiran Sukhoi pada tahun 2007 dan 2008. Dan pada masa yang sama juga *frigate* yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat kita baru ada dua, dan kita berhajat untuk tambah dua lagi. Ini Yang Berhormat kata, kenapa kita beli? Memang untuk kekuatan tentera laut kita, kita perlu untuk mengadakan satu skuadron tentera laut kita daripada skim *frigate* ini dan untuk 2007 dan 2009 mungkin kita dapat menambah, menjadikan satu skuadron empat kapal.

Saya tidak mengatakan rezeki kita tidak baik, tetapi kalau ada kekuatan kewangan kita, kita akan tambah skuadron ini daripada empat yang kita cadangkan untuk menjadi enam. Kita juga akan menambah kekuatan untuk membeli pesawat pejuang yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Untuk menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, untuk kita ada satu kapal pengangkut untuk ketika ini, kita tidak bercadang untuk mengangkut kapal terbang kita ke mana-mana sasaran yang tertentu bagi mempertahankan perairan kita. Cukup untuk kita terbang daripada pelabuhan yang kita ada dan cukup untuk kita membuat penangkisan di kawasan yang kita ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Apa jadi dengan *Offshore Petrol Vessel* iaitu OPV yang rasa pernah kita beli dulu, sehingga sekarang rasanya tak dengar, tak kedengaran. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebenarnya, Yang Berhormat kalau mengikuti perkembangan perairan di negara kita dan kekuatan penyeliaan pemantauan di perairan kita, telah kita bahagikan sama ada oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dan oleh APMM sebahagian yang kita perlu tubuh pada tahun lepas dan Polis Marin sendiri. Maka mana-mana kapal yang telah ditetapkan yang akan diberikan kepada APMM, maka termasuk *Offshore* yang mungkin telah kita beri kepada bahagian kumpulan ini bagi memantau perairan iaitu dalam kalangan 20 kilometer pantai yang dikawal oleh APMM yang lainnya ialah di bawah kawalan Tentera Laut Diraja Malaysia. Dalam masa yang sama Polis Diraja Malaysia juga mengawal perairan negara kita termasuk tentang pertahanan dan keselamatan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Mabong.

7. **Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah rasional dan sebab-sebab kerajaan memilih IPT di Indonesia sebagai destinasi untuk pelajar-pelajar negara kita, sedangkan diketahui umum bahawa standard pendidikan di negara itu lebih rendah daripada standard di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan menghantar pelajar-pelajar kita untuk menyambung pelajaran di Indonesia hanya di universiti-universiti yang diiktiraf oleh kerajaan kita. Pengiktirafan yang dibuat oleh kerajaan adalah mengambil pelbagai faktor seperti kualiti kurikulum, *facilities*, tenaga pengajar dan lain-lain. Pengiktirafan hanya akan diberi jika kursus tertentu itu telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Oleh itu tidak timbul persoalan di negara mana pelajar dihantar, kerana kursus di universiti tertentu telah memenuhi syarat yang ditetapkan. Untuk pengiktirafan kelayakan adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan ataupun singkatnya JTPPK yang diurus setia kan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

JTPPK ini dianggotai oleh 21 orang ahli termasuk pengerusi dan dibantu oleh empat buah jawatankuasa kecil yang dibentuk mengikut disiplin kelayakan utama iaitu:

- (i) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sains;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Teknik; dan
- (iv) Jawatankuasa Kecil Kelayakan Perubatan dan Separa Perubatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10, Tahun 2001, terdapat 12 kriteria pengiktirafan bagi universiti luar negara. Para pelajar Malaysia yang dihantar ke Indonesia adalah dalam bidang-bidang perubatan, pergigian dan farmasi dan antara faktor mengapa universiti-universiti telah dipilih dan diiktiraf oleh kerajaan ialah kerana universiti-universiti tersebut telah memenuhi tahap kualiti dan standard pengiktirafan kelayakan yang ketat dan antara yang penting dalam bidang perubatan dan pergigian kesemuanya telah diiktiraf oleh *Malaysian Medical Council* dan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

Yang kedua, universiti-universiti tersebut telah lama beroperasi dan mempunyai tenaga pengajar yang berkepakaran tinggi malahan telah lama beroperasi daripada IPT dalam negara kita.

Yang ketiga, kos pengajian yang jauh lebih rendah berbanding dengan kualiti pendidikan yang bermutu tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara spesifiknya jika kita lihat pelajar perubatan ketika ini sehingga tahun 2005 Disember terdapat 1,427 pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di fakulti perubatan di Indonesia.

Kementerian sentiasa memantau dan memastikan para pelajar Malaysia di luar negara mendapat akses, mendapat kemudahan dan proses pembelajaran dan pengajaran yang terbaik yang disediakan dalam negeri. Untuk itu hanya universiti yang benar-benar berkualiti sahaja yang diiktiraf sebelum para pelajar boleh dihantar ke sana. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya, telah disuarakan ramai oleh penduduk-penduduk di Parlimen Kuala Krai dan saya kira apa yang telah diutarakan oleh Setiausaha Parlimen tadi kita mestilah perbanyakkan dahulu IPT dalam negeri. Ini contoh, pada 26 Jun 2005 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra (1) di Kuala Krai, Parlimen saya yang mana telah diisytiharkan di situ lebih daripada 1000 orang oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh waktu itu Menteri Pengajian Tinggi dan rata-rata di Parlimen saya sudah tahu hampir setahun lebih iaitu politeknik. Kenapa sampai hari ini perkara itu tidak ada apa-apa kesannya.

Jadi saya berharap bagi pihak rakyat di Parlimen Kuala Krai supaya perkara yang telah diisytiharkan janganlah dipindahkan ke Jeli. Ada suara di Jeli kalau bertukar menteri ke Jeli maka hendak pindah ke Jeli. Rakyat sudah tahu saya rasa tidak kena. Mestilah ikut apa yang telah disuarakan. Jadi apa pendapat kementerian kerana rakyat tertanya-tanya mengenai dengan perkara yang telah diisytiharkan di satu Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini berkaitan dengan kualiti.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Akan tetapi ada kaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengagumi hasrat dan juga pandangan Yang Berhormat. Kita memang mengakui bahawa keperluan untuk mengadakan IPT-IPT tempatan sangat tinggi dan justeru itu memang telah pun kita mengisytiharkan sebuah politeknik akan dibina di Kelantan. Walau bagaimanapun pihak kami sentiasa akan berbincang dengan pihak Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita menilai kualiti sesebuah IPT daripada prestasi graduan-graduannya. Oleh yang demikian saya juga ingin tahu bagaimanakah prestasi-prestasi graduan daripada IPT dari Indonesia khususnya dalam bidang perubatan dan pergigian?

Yang kedua, adakah pihak kementerian menjalankan penilaian ke atas kursus-kursus yang tertentu seperti melawat ke universiti untuk sentiasa meng *update* sama ada profesor-profesor di situ, bilangan mereka masih ada di situ dan kualiti mereka pun diiktiraf oleh peringkat antarabangsa?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini 2,444 pelajar kita sedang belajar di Indonesia dalam bidang perubatan dan lain-lain termasuk farmasi, pengajian agama Islam dan juga dalam bidang teknologi dan seramai 1,427 orang sebenarnya yang dalam bidang perubatan. Kita ada mengiktiraf 13 buah universiti yang telah pun Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan tadi itu mengiktiraf universiti tersebut, dan prestasi graduan daripada IPT Indonesia sehingga kini telah pun mendapat pengiktirafan di universiti kita dan sebab itulah pihak MMC dan juga pihak Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan ini bersungguh-sungguh dan saya sendiri telah pun pergi ke beberapa universiti di Indonesia. Sebagai seorang doktor perubatan, saya sendiri menilai dan telah mendapati bahawa kualiti yang ditawarkan adalah setanding dengan negara kita daripada banyak universiti yang ada dalam Malaysia. Terima kasih.

8. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah, jenis dan kos prasarana pertanian moden yang telah dan akan dibina di seluruh kawasan penanaman padi di bawah kawal selia MADA bagi RMK-9 dan unjuran jumlah penambahan hasil pengeluaran padi di akhir RMK-9 di kawasan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM34.5 juta telah diperuntukkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau MADA, bagi projek-projek yang melibatkan kerja-kerja memulihkan, menaik taraf dan membangunkan infrastruktur kawasan penanaman padi. Di antara kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah pembangunan rangkaian jalan ladang, pembangunan sistem tersier, pembangunan sistem pengurusan air serta pemulihan infrastruktur pengairan dan saliran.

Pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan pengeluaran padi di kawasan Muda dijangka meningkat daripada 930,000 tan metrik pada tahun 2005 kepada 1.3 juta tan metrik dalam tahun 2010 iaitu peningkatan berjumlah 370,000 tan metrik iaitu sebanyak 39.8%.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha kerajaan untuk memodenkan sektor pertanian terutamanya dalam kawasan penanaman padi MADA di Kedah tetapi daripada apa yang diusahakan oleh kerajaan saya dapati bahawa terdapat beberapa perkara yang boleh membantut usaha-usaha kerajaan untuk menghasilkan pengeluaran padi yang banyak seperti yang dirancang terutama sekali masalah banjir yang menyebabkan banyak hasil penanaman padi telah rosak dan kerugian berjuta-juta ringgit oleh petani-petani di kawasan MADA, dan juga serangan daripada siput gandang emas yang telah merugikan petani berjuta-juta ringgit.

Jadi apa yang saya hendak tanya daripada kementerian, apakah perancangan kementerian untuk memperbaiki saliran yang telah menakung air banjir dan membunuh penanaman padi di kawasan MADA dan juga rancangan kerajaan untuk membasmi siput gandang emas ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Secara keseluruhannya saya telah memberitahu apakah perancangan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu secara terperinci Yang Berhormat, memang satu daripadanya untuk mengatasi masalah banjir tadi iaitu untuk kita membangunkan sistem tersier. Sistem tersier ini bermakna sampai ke peringkat ketiga ada parit dan tali air. Bermakna kita sampai ke peringkat ketiga.

Selepas itu kita hendak membangunkan sumber air, lepas itu kita akan membangunkan juga sistem pengurusan air dan termasuk Yang Berhormat mengenai penyakit, satu daripadanya kita cuba melalui penyelidikan mencari jalan dari segi hendak memusnahkan perosak tersebut dan juga mencari pengeluaran benih padi yang berkualiti tinggi.

Satu, yang kita tegaskan iaitu supaya petani-petani mengamalkan penggunaan amalan pertanian terbaik iaitu dari segi pengurusan dan juga dari segi cara-cara kita menanam padi menggunakan teknologi yang terkini. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kos menanam padi adalah lebih kurang RM800 satu ekar. Pendapatan adalah lebih kurang RM1400 hingga RM1600. Ertinya petani mendapat lebih kurang RM600 satu ekar untuk tempoh enam bulan. Ertinya sebulan hanya RM100. Itu pendapatan petani.

Sebulan RM100, maknanya di bawah *poverty level*. Kerajaan baru-baru ini, tambah harga padi. Jadi harga padi sudah naik RM100 untuk satu tan, untuk *average* empat tan, dia dapat RM400 tambahan. Jadinya, dia dapat lebih kurang RM1000 untuk enam bulan. Ertinya, naik hanya RM200. Soalan tambahan saya ialah, kenaikan harga padi ini sebenarnya pada masa ini tidak menguntungkan petani kerana harga beras tidak dinaikkan. Maka pembeli padi akan membeli padi dengan harga yang lebih tinggi daripada dahulu tetapi dia terpaksa *absorb*, dengan izin, kos jual beras itu kerana beras tak naik. Ertinya, dia pun potong lebih. Ini yang timbul soal potong lebih. Dahulu, potong harga padi 25 peratus maksimum. Hari ini potong harga padi 25 peratus minimum.

Jadi soalan tambahan saya, apakah kerajaan sedar bahawasanya kenaikan harga padi yang dibuat oleh kerajaan baru-baru ini, mesti melalui satu mekanisme yang baik supaya manfaat ini dapat kepada petani, bukan dapat kepada pengilang padi atau BERNAS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, mengenai isu kenaikan harga padi, iaitu dari segi padi yang bermutu dan yang kering Yang Berhormat. Jadi memang sekarang ini menjadi banyak isu yang telah timbul termasuk adanya picket, adanya memberontak, bermacam-macam tetapi Yang Berhormat, kita memang amat sedar dan kita mencari jalan yang terbaik. Memang pada satu masa dicadangkan naik harga beras tetapi Yang Berhormat, kalau harga beras, bermakna sebagai pengguna menjadi satu isu juga.

Jadi oleh yang demikian, kerajaan telah mencari kaedah yang terbaik. Tetapi saya telah memaklumkan semalam, kadang-kadang yang terbaik yang kita fikirkan untuk rakyat jelata, tetapi dengan kadang-kadang pelaksanaannya memang masih ada masalah sedikit-sebanyak. Kita cuba atasi dan untuk makluman Yang Berhormat, kita sekarang ini hendak menentukan dengan penambahan harga padi yang bermutu. Kita hendak memastikan bahawa betul-betul padi yang kita keluarkan yang bermutu. Sebab kita ada satu lagi tambahan insentif dinamakan iaitu dari segi peningkatan, kita akan berikan lagi kepada petani. Jadi oleh yang demikian, kita ini dalam proses mendidik.

Yang Berhormat, bila kita kata peratus pemutuan, bermakna peratus padi rosak campur peratus kelembapan, campur peratus kotoran, campur peratus padi muda. Jadi yang ini, memang harus kita terima. Jadi untuk makluman, selama ini kita sampai kepada satu mekanisme di mana harga potongan adalah berdasar kepada rundingan. Iaitu rundingan di antara petani, di antara pembeli padi dan kilang. Jadi ini rundingan dan selalunya rundingan ini telah ditentukan awal-awal. Iaitu selalunya di antara 18 hingga 19 peratus.

Akan tetapi, sekarang ini kita tidak mahu melalui rundingan. Sekarang ini kita hendak menentukan atas mutu sebenar. Jadi mutu sebenar Yang Berhormat, dia bukan terus ke 25 peratus, tidak. Mutu sebenar adalah antara potongan 16 hingga 24 peratus. Untuk makluman, baru-baru ini dua hari yang lepas, hari Ahad ini, yang terbaik yang kita dapat dalam rekod iaitu di BERNAS Tumpat... [*Dewan riu*] Seorang petani, hanya dipotong 14 peratus.

Bermakna, kita boleh serendah-rendah sehingga 12 peratus. Jadi, kita hendak menggalakkan mereka betul-betul menggunakan mutu sebenar dan bukan rundingan. Bila rundingan, ini termasuk yang tak baik pun dimasukkan ke dalam ini. Jadi, sekarang kita hendak mutu yang terbaik. Jadi, sebagai rekod saya katakan di BERNAS Tumpat, hanya 14 peratus. Jadi, petani itu, dia sangat gembira. Sebanyak 14 peratus sahaja dipotong dan kita hendak supaya ramai lagi petani yang hanya dipotong daripada 12 peratus, yang kuranglah daripada 18 peratus.

Untuk makluman, setiap peningkatan, kita ada insentif Yang Berhormat. Sebenarnya itu harga padi Yang Berhormat, RM650 tetapi Yang Berhormat tidak sebut lagi yang kita bagi *extra* RM240. Selepas itu, *extra* lagi setiap peningkatan ditambah lagi RM650. Jadi sebenarnya Yang Berhormat, tak mengapa. Saya pun faham. Saya pun sebenarnya, sama-samalah. Jadi, kita akan ada *road show*. *Road show* untuk memberitahu bukan sahaja kepada pegawai kami, tetapi *direct* kepada petani. Kadang-kadang ramai yang *protest* Yang Berhormat, adalah *broker*. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]: Tunggu peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Usaha untuk meningkatkan mutu itu akan memakan kos, bukan?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Memang, memang Tuan Yang di-Pertua. Memang semua memakan kos. Jadi kita hendak kos dia biarlah berbaloi dan sampai kepada petani.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi potongan itu tidak bermaknalah ya?... [Dewan riuh] [Ketawa].

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim; Potongan, potongan itu atas kita hendak menghasilkan...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Potongan itu Tuan Yang di-Pertua atas kita hendak mutu. Jadi kalau yang bermutu tinggi, potongan dia sikit.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Penjelasan, boleh kah tak boleh?... [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

[Soalan No. 9 - Yang Berhormat Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) tidak hadir]

10. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: minta Menteri Kewangan menyatakan, kaedah pemberian kontrak bagi membina projek-projek awam dan apakah dasar atau kriteria pemilihan kontraktor mengikut harga siling projek. Perihalkan projek-projek yang ditawarkan secara tender terbuka tanpa mengira kaum bagi meningkatkan ketelusan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, pemberian kontrak bagi membina projek-projek awam terbahagi kepada beberapa kaedah utama, iaitu:

- (i) Secara lantikan terus di kalangan kontraktor kelas 'F' bumiputera bagi kerja-kerja yang tidak melebihi RM20 ribu;
- (ii) secara undian atau pusingan di kalangan kontraktor kelas 'F' bumiputera bagi kerja-kerja yang dipanggil secara *requisition* iaitu kerja-kerja yang tidak mengubah struktur bangunan dan mempunyai jadual kadar harga serta bernilai melebihi RM20 ribu hingga RM100 ribu;
- (iii) secara sebut harga di kalangan kontraktor kelas 'F', bumiputera juga. Bagi kerja-kerja yang tidak mempunyai jadual kadar harga dan melebihi RM20 ribu hingga RM200 ribu; dan
- (iv) secara tender bagi kerja-kerja yang melebihi RM200 ribu

Kriteria bagi pemilihan kontraktor, di antaranya adalah dari segi kesempurnaan tender yang meliputi dokumen yang lengkap, modal yang mencukupi dan prestasi kerja semasa. Selain itu, keupayaan kewangan, teknikal dan loji serta peralatan juga akan dinilai. Penender juga akan dinilai daripada harga tawaran yang akan dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, jabatan juga akan membuat harga anggaran jabatan, untuk memudahkan sesuatu tender tersebut dinilai. Anggaran jabatan dibuat oleh pegawai teknikal yang berkepakaran berdasarkan skop kerja projek, harga semasa dan jenis bahan-bahan yang digunakan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, pemilihan kontraktor bukanlah berdasarkan kepada siling projek semata-mata. Dasar dan peraturan perolehan kerajaan adalah digubal berdasarkan dasar pembangunan nasional. Justeru, dasar perolehan kerajaan juga mempunyai matlamat untuk memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera bagi memberi peluang kepada mereka menimba pengalaman dan peningkatan keupayaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, projek-projek kerja di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan PFI yang tidak melebihi RM50 juta, akan di tender untuk syarikat bumiputera, dan yang melebihi RM50 juta, akan terbuka kepada semua orang Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menceritakan kriteria pemilihan kontraktor tetapi nampaknya ia bergantung pada budi bicara orang yang menentukan. Jadi saya hendak tahu, apakah justifikasi selain daripada harga yang disebut itu? Saya nampak, ada budi bicara di kalangan orang yang menentukan kontrak itu secara terus, secara *direct nego*.

Saya rasa, saya hendak dapatkan jawapan daripada Yang Berhormat bagaimana kita dapat membanteras sebarang penyalahgunaan kuasa di peringkat bawah dan saya hendak bertanya Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat dapat menjamin bahawa semua golongan tidak tersisih dalam menikmati limpah pembangunan? Kerana ini saya rasa dari segi pengagihan kekayaan juga, saya rasa semua kaum perlu dijaga. Bagaimana Yang Berhormat dapat memastikan agenda ini dapat juga diberi perhatian? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *in practise* Tuan Yang di-Pertua, di peringkat pejabat daerah dan sebagainya, bagi projek-projek yang di bawah RM20,000 diberi dan mengikut giliran sebenarnya. Tuan *DO* di peringkat daerah, dia ada senarai dia masing-masing. Katakan, di daerah saya contohnya, ada 200 kelas 'F'. Tuan *DO*, akan senaraikan dan dia akan bagi tiap-tiap orang yang di bawah RM20,000 ini akan dibagi ikut senarai. Setelah habis satu pusingan, dia akan pusing balik pusingan yang kedua. Bermakna, ada yang akan mendapat satu projek, ada yang mendapat dua projek, dan kalau banyak lagi dapat sampai tiga projek satu tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Dan tiap-tiap daerah ada Lembaga Tender masing-masing di pelbagai peringkat termasuk juga agensi-agensi kerajaan ada Lembaga Tender masing-masing dan saya ingat terusan akan ada di peringkat masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila ada projek-projek kerajaan, memanglah keutamaan kita bagi kepada kontraktor bumiputera tetapi sebenarnya *on the ground*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, semua orang akan mendapat manfaat termasuk juga rakan-rakan daripada bukan bumiputera. Sebenarnya saya dalam hal ini pengalaman banyak di Pulau Pinang dahulu. Saya sebagai Exco Infrastruktur dua penggal kemudian sebagai Timbalan Ketua Menteri satu penggal, saya tahu benarlah. Sebenarnya apabila ada projek kerajaan, memang semua orang dapat manfaat kerana kalau dia tengok, setiap projek yang berjalan yang dibuat, 60% adalah bekalan binaan termasuk juga jentera loji dan sebagainya.

Kalau kita lihat dari segi praktiknya, praktiknya tidak ada ataupun mungkin sedikit sangat di kalangan bumiputera yang buat industri bekalan ini. Majoritinya adalah bukan bumiputera dan sebenarnya apa juga projek yang bumiputera dapat, limpahannya akan berlaku lebih banyak sebenarnya kepada bukan bumiputera, dari segi bekalan contohnya, 60% loji lagi. Memang sebenarnya semua orang dapat manfaat daripada projek kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih. Saya ingin tanya kepada Setiausaha Parlimen tentang VO atau *variation order*. Kadang-kadang dia nampak keterlaluan, kadang-kadang *estimate* agar projek itu kita katalah RM100 juta, tetapi VOnya kadang-kadang mungkin melebihi daripada kos asal dan juga kadang-kadang 50%. Jadi, yang saya hendak tanya, apakah kriteria dan saya faham kadang-kadang kriteria yang selalu diberi kerana di luar jangkaan dan sebagainya tetapi, apakah *estimate* ataupun anggaran dibuat itu kadang-kadang tersilap menyebabkan terpaksa *variation order* ini diguna pakai. Kadang-kadang disebabkan *variation order* inilah menyebabkan projek itu terbengkalai atau lambat disebabkan oleh untuk mendapat pengesahan daripada pihak-pihak yang tertentu.

Jadi mengatasi, bagaimanakah cara pihak kerajaan hendak mengatasi masalah-masalah *variation order* yang kadang-kadang sengaja di *variation-order*kan untuk kepentingan-kepentingan individu tertentu? Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan Yang Berhormat tadi, kita kena pegang, bahawa kadang-kadang kerajaan bagi projek kepada bumiputera, tetapi yang bukan bumiputera pun dapat untung. Jadi yang ini tidak usah duk tanya kerap-kerap sangat. Saya sudah muak duk dengar dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, pasal apa bumiputera, bumiputera, bumiputera..., bukan bumiputera tidak dapat...

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang kes ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Jawab..., marah kah....?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada dua bahagian daripada soalan itu daripada Yang Berhormat. Yang kedua itu, memanglah saya setuju. Saya ingat semua orang dapat manfaat daripada projek-projek kerajaan sama ada *direct* ataupun *indirect*. Memang dapat. Yang keduanya tentang VO ini, memang kalau projek itu dirancang dengan tepat, dengan baik dengan *consultant*nya, dengan semua pihak. Saya ingat tidak timbul masalah VO, *variation order* tetapi, kadang-kadang berlaku *unforeseen circumstances*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya *on the surface*, mungkin tapak misalnya kalau tengok di atas, buat *drilling*, tidak ada batu, bila korek ada batu. Ini yang menyebabkan kadang-kadang ada *variation order* yang banyak Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini berlaku tetapi ada hadnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sebenarnya berapa had, tetapi ada had yang boleh diluluskan di peringkat agensi ataupun Kementerian. Kalau lebih daripada had itu, hendaklah dibawa kepada Kementerian Kewangan. Jadi, ada kontrol di situ Tuan Yang di-Pertua, maknanya tidak sewenang-wenangnya diVOkan oleh pihak-pihak tertentu, tidak sewenang-wenangnya boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ada kawalan. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana tunggu menjawab soalan nombor sebelas.

11. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah kesesakan jalan raya di:

- (a) jambatan melintas Sungai Petagas-Putatan; dan
- (b) jalan yang melintasi jalan kereta api dari Sungai Petagas hingga ke Kem Lok Kawi, apabila pembinaan penaikan taraf jalan kereta api negeri Sabah kelak.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengambil tindakan yang berikut untuk menangani masalah kesesakan jalan raya. Jambatan Sungai Petagas, kerajaan telah meluluskan Projek Skim Pengurusan Trafik Jalan Kepayan Kota Kinabalu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana pelebaran Jalan Kepayan termasuk jambatan Sungai Petagas telah dimasukkan ke dalam skop projek ini. Skop kerja projek ini ialah menaik taraf Jalan Kepayan dari dua lorong sehalu kepada tiga lorong sehalu sepanjang lima kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM30 juta.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerja-kerja mereka bentuk projek ini, kini telah berada di peringkat akhir dan pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 2007.

Jawapan untuk soalan,

- (b) Jalan yang melintasi jalan kereta api dari Sungai Petagas hingga Ke Kem Lok Kawi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan supaya masalah di atas dapat diatasi apabila projek menaik taraf laluan kereta api dilaksanakan. Cadangan konsep reka bentuk, iaitu *conceptual design* dengan izin jejambat telah dibincangkan di antara kementerian dengan Jabatan Kereta Api Sabah dan projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan tambahan. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sungguh baik, terima kasih. Akan tetapi, apa yang saya soal Yang Berhormat Menteri, adalah daripada Sungai Petagas hingga ke Kem Lok Kawi, bukan Jalan Kepayan. Saya sedar bahawa pelebaran Jalan Kepayan memang saya nampak sendiri wujud. Apa yang saya soal, adakah kementerian membuat satu pendekatan supaya Jambatan Petagas itu diperlebar atau buat jambatan alternatif sekiranya apabila projek penaikan taraf jalan kereta api. Soalan saya ini berdasarkan daripada dialog saya dengan Kementerian Kerja Raya Kota Kinabalu dengan kontraktor yang melaksanakan projek *railway* ini, kereta api. Soalan ini tidak dapat dijawab oleh mereka, kerana ini adalah bidang kuasa Kementerian Pusat berkenaan dengan kesesakan jalan.

Mereka telah mengarah semua *access* yang *illegal* yang haram itu ditutup dan ditinggalkan dua *access* sahaja. Jadi saya punya pandangan sekiranya ini dibuat, maka kesesakan jalan raya *access* itu melintasi kereta api itu, memang sesak.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri faham.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab kepada ahli Yang Berhormat dengan dua bahagian. Bahagian pertama berkenaan dengan jalan dan juga jambatan dan lain-lain sudah termasuk dalam projek ini. Yang kedua ialah berkenaan dengan jalan lintasan kereta api. Itu saya tidak boleh jawab sekarang kerana ini saya kena rujuk balik kepada jabatan yang lain. Jabatan yang lain mesti ada *priority* yang lain dengan izin, kami tidak ada kuasa. Kami kena mohon kepada mereka. Kalau kami mohon, mereka tidak terima, saya akan jawab balik dalam Parlimen dia tidak terima. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik, tadi saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kawasan bandar sudah banyak peruntukan diberi, sedangkan di kawasan luar bandar...., seperti di tempat saya, permohonan untuk menyelesaikan masalah lintasan kereta api telah dikemukakan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi, dan sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan pun tidak diluluskan dan saya telah pun memohon kepada Yang Berhormat Menteri dan juga EPU tentang lintasan kereta api di Tanah Merah ataupun Tanah Merah *Bypass*, sedangkan satu pun peruntukan projek pembinaan jalan raya di Tanah Merah tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri apakah masalah lintasan kereta api di Tanah Merah dapat diselesaikan ataupun dapat dimasukkan dalam kajian separuh penggal kerana ia sangat diperlukan dan ini merupakan janji saya setelah saya memegang jawatan Ahli Parlimen di Tanah Merah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sudah bincang perkara ini kepada saya. Saya masih dalam perbincangan dengan pihak berkuasa.

[Soalan No. 12 – Yang Berhormat Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) tidak hadir]

13. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah ukuran atau kriteria yang digunakan untuk melantik pegawai Ketua Eksekutif atau CEO, bagi mengetuai sesuatu syarikat milik kerajaan atau GLC; dan
- (b) sama ada kerajaan berpuas hati dengan prestasi mereka setakat ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan berkaitan dengan GLC yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Gopeng pada hari ini dan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung pada 29 November nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi GLC secara keseluruhannya. Langkah pertama adalah melalui Program Indeks Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* dan Ganjaran Berasas Prestasi ataupun *Performance-Linked Compensation* bagi GLC yang dilancarkan pada bulan Mei 2004. Pendekatan ini menekankan aspek kebertanggungjawaban pihak pengurusan di samping memberi insentif berasaskan pencapaian dan prestasi syarikat.

Dalam hal ini, pengurusan kanan GLC akan dilantik secara kontrak dengan pembaharuan kontrak, perkhidmatan bergantung kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan. Mereka juga boleh disingkirkan daripada jawatan mereka jika gagal mencapai sasaran Indeks Prestasi Utama yang ditetapkan. Dalam erti kata lain program KPI dan PLC tidak hanya terhad kepada aspek ganjaran pihak pengurusan tetapi juga kepada penetapan arah strategik serta sasaran pencapaian GLC dan kepada proses pengurusan dan pemantauan bagi meningkatkan prestasi GLC. Selain itu, satu program menyeluruh untuk memantapkan pencapaian GLC telah dilancarkan pada 29 Julai 2005 di mana satu buku garis panduan yang dipanggil Manual Transformasi ataupun *Transformation Manual* telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Manual tersebut memberikan gambaran terperinci akan langkah-langkah yang perlu diambil oleh GLC untuk mempertingkatkan pencapaian mereka. Ini termasuk melakukan perubahan dalaman, penawaran khidmat pelanggan dan budaya saing di peringkat global. Bagi memantau keberkesanan program tersebut, satu badan pemantau iaitu *the Putrajaya Committee on GLC High Performance* ataupun PCG yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua telah ditubuhkan pada Januari 2005 dengan mandat menerajui dan menjadi pemangkin program transformasi syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC. Keahlian badan ini ialah terdiri daripada Syarikat Pelaburan Kerajaan atau *Government-Linked Investment Companies*, termasuk Khazanah Nasional Berhad yang turut diberi peranan untuk menyelaras pelaksanaan program ini khususnya bagi syarikat tersenarai.

Perkembangan pelaksanaan inisiatif-inisiatif program transformasi GLC dipantau oleh PCG melalui mesyuarat jawatankuasa yang tersebut yang diadakan pada setiap tiga bulan sekali. Berhubung pelantikan pengurusan kanan syarikat seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan, setiap GLC mempunyai kriteria dan syarat yang berbeza apabila melantik seseorang untuk menerajui syarikat tersebut. Walau bagaimanapun secara amnya calon peneraju syarikat GLC haruslah mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (i) mempunyai kelayakan akademik yang sesuai;
- (ii) mempunyai kebolehan dan pengalaman teknikal yang sesuai;
- (iii) mempunyai *managerial skill*;
- (iv) memahami dengan mendalam *financial drivers*; dan

- (v) mempunyai kemampuan untuk mempelajari bidang tugas yang baru.

Pelantikan peneraju GLC lazimnya melalui satu proses pemilihan yang teliti untuk memastikan bahawa pelantikan tersebut adalah didorong oleh keperluan *servicing the best interest of* GLC yang berkenaan. Kecekapan calon, menghormati digniti calon dan Ahli Lembaga Pengarah serta ketelusan dan penglibatan semua yang terlibat di setiap peringkat proses pemilihan. Peneraju syarikat GLC yang akan dilantik untuk tempoh dua tahun berdasarkan pencapaian KPI oleh Lembaga Pengarah syarikat GLC yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, 15 GLC yang terbesar telah mengumumkan KPI masing-masing pada bulan Mac 2005 di mana prestasi pihak pengurusan syarikat akan diukur berdasarkan KPI yang diumumkan. Keberkesanan tindakan pihak pengurusan syarikat dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif tersebut hanya akan diketahui apabila laporan kewangan tahunan syarikat dibentangkan pada Mesyuarat Agung yang berikutnya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada kriteria yang dibacakan oleh Setiausaha Parlimen tadi satu *glaring*, satu perkara yang besar yang saya rasa tertinggal ialah salah satu syarat hendak jadi CEO GLC ini ialah dia mesti memahami dasar kerajaan sama ada yang tersurat atau yang tersirat. Yang itu tidak ada, yang lain semuanya hendak cari untung, KPI dan sebagainya. Kerana tidak ada syarat memahami dasar kerajaan yang tersurat dan tersirat inilah maka terdapat dalam GLC ini, TNB dan Telekom, perkara-perkara yang sekarang ini menyebabkan banyak kita tidak puas hati di antaranya ialah pembangunan vendor bumiputera.

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bersedia untuk memasukkan syarat tersebut tadi iaitu hendak jadi CEO GLC mesti faham *social responsibility* kepada rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar? Terutamanya untuk mempertahankan bumiputera, pembangunan bumiputera, vendor bumiputera dalam GLC tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh. Dengan izin, *it goes without saying* dan semua CEO ini mestilah faham tentang dasar kerajaan yang tersurat dan tersirat. Maknanya agenda bumiputera juga kenalah diberi perhatian oleh mereka. Dan sebenarnya dalam *social responsibility* dalam bajet yang lepas, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri disebut tentang *corporate social responsibility* atau CSR. Ini termasuklah berbagai-bagai perkara sosial dan termasuk juga agenda bumiputera hendaklah diberi perhatian oleh CEO-CEO yang telah dilantik. Prestasi mereka akan dinilai tiap-tiap tahun dan pada akhir dua tahun setelah dilantik, kalau prestasinya tidak baik, mereka akan digugurkan ataupun dinasihatkan berhenti...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan. Beberapa hari ini saya dengar banyak soalan *corporate social responsibility* ini tetapi saya banyak bercakap dengan CEO-CEO ini, dia tidak tahu sebenarnya apa *corporate social responsibility* secara sebenarnya. Ada yang membuat *social responsibility* hendak dapat Tan Sri, ada yang hendak dapat Dato', ada yang hendak dapat anugerah dari sesiapa tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh itu memang relevan Tuan Yang di-Pertua, amat relevan. Kalau *social responsibility* secara ketara untuk mendapat *title* yang kita buat, tetapi secara yang tersirat, yang tidak dilihat oleh orang kita, menekan pula, *social responsibility* kita *extinguish* oleh kerana tindakan komersial yang begitu kejam dan tidak betul. Jadi macam mana pemantauan kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku.

Sebab kalau CEO itu dilantik dua tahun tetapi kontrak sudah buat. Selepas dua tahun CEO boleh lulus tetapi yang kontrak ini masih *subsisting* beberapa tahun akan datang.

Jadi macam mana pemantauan supaya *unfair bargaining term* ini tidak dilaksanakan oleh pihak-pihak CEO ini. Macam mana pemantauan kerajaan supaya tidak menekan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, CEO ini dia bekerja ialah dia *manage* dengan izin, syarikat itu tetapi dia ada Lembaga Pengarah yang mestilah dirujuk sebelum membuat apa-apa keputusan yang dasar. Dalam hal ini, Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga memainkan peranan dan sosial memanglah tanggungjawab mereka. Hari ini kita bercakap tentang banyak *corporate social responsibility* dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah ada usaha untuk hendak adakan *Social Responsibility Index* yang telah pun dibentangkan ke peringkat kementerian dan saya yakin ini satu perkara baik, yang patut dibuat terhadap tiap-tiap syarikat GLC khususnya dan syarikat-syarikat korporat yang lain. Di mana dalam hal ini boleh dilihat apakah *social responsibility* yang telah dijalankan oleh syarikat masing-masing dan di mana pihak rakyat, pihak kerajaan dan pihak *international* boleh menilai prestasi syarikat bila ada *Social Responsibility Index* ini.

14. **Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada pihak kementerian dapat menyediakan prasarana sukan seperti padang bola, gelanggang takraw dan lain-lain di peringkat kampung-kampung.

Timbalan Menteri Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar secara menjalankan usaha-usaha yang berterusan bagi membaiki dan juga menaikkan taraf kemudahan-kemudahan sukan yang ada supaya ianya dapat digunakan oleh masyarakat setempat.

Buat masa ini kebanyakan prasarana sukan seperti padang bola, gelanggang takraw dan lain-lain adalah disediakan oleh kerajaan tempatan dan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Belia dan Sukan mempunyai peruntukan sebanyak RM364.9 juta dalam pembangunan kompleks sukan dan Kementerian Belia dan Sukan akan membina kompleks sukan komuniti sebanyak 50 buah kompleks sukan komuniti akan dibina di kawasan-kawasan Parlimen di seluruh negara. Kompleks sukan komuniti ini akan dilengkapi dengan prasarana asas untuk kegiatan sukan seperti badminton, bola tampar, bola jaring, bola keranjang dan dewan serba guna. Di mana kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan yang sedia ada termasuk yang terdapat di kawasan pendalaman tetapi adalah juga satu manifestasi yang jelas kementerian dan juga kerajaan di dalam menggalakkan masyarakat termasuk masyarakat di luar bandar untuk menjadi sihat dan cergas melalui kegiatan sukan. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Saya bertanyakan soalan ini berasaskan kepada keadaan sebenarnya di peringkat bawah. Sebenarnya selama ini sumber dan peruntukan yang kita guna pakai untuk pembangunan prasarana sukan termasuk padang bola sepak dan lain-lain, datangnya daripada pembangunan luar bandar. Tidak banyak ataupun tidak ada yang datang daripada sumber-sumber lain yang saya tahu.

Jadi di dalam usaha kita khususnya negara kita untuk menaikkan prestasi sukan di negara ini, perkara ini tidak di beri perhatian banyak. Jadi saya juga ada memohon peruntukan daripada pihak kementerian dahulu, dua tahun dahulu tetapi tidak mendapat balasan dan soalan ini juga berasaskan kepada perkara-perkara seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat tadi, memang kita sedar bahawa Kementerian Belia dan Sukan amat mengambil berat tentang pembinaan tapak-tapak permainan dan gelanggang sukan agar kita dapat membudayakan sukan di peringkat akar umbi. Oleh itu, berhubung dengan permohonan Ahli-ahli Parlimen yang terus kepada kementerian saya akan mengambil perhatian dan membuat susulan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan ini sudah diumumkan dua tahun yang lalu Yang Berhormat. Jadi persoalannya bila mahu bikin? Sebab ini sudah berkali-kali, bila sebenarnya kompleks sukan ini mahu dibina, sudah dua tahun? Yang keduanya, kalau tidak dapat bina ini sebab sudah dua tahun sebenarnya balai-balai muhibah di kampung-kampung boleh dibina dengan murah atau pembinaan padang-padang seperti mana diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Dengan kos yang lebih rendah, kenapa mesti yang canggih-canggih kompleks sukan dan sebagainya. Kita boleh bina lebih banyak padang-padang di kampung-kampung dan kos yang lebih rendah daripada itu. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang supaya ditukar sahaja kompleks sukan kepada yang lebih murah dan lebih praktikal? Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih. Berhubung dengan pelaksanaan kompleks sukan komuniti ini sebanyak 50 buah kompleks sukan komuniti, setiap buah lebih kurang RM3 juta akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga beberapa buah akan dilaksanakan dalam tahun ini juga dan selebihnya dalam tahun hadapan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat tadi, memang kalau Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan gelanggang serba guna yang kosnya lebih rendah dan lebih kurang RM150,000, kementerian akan menimbang permohonan-permohonan daripada Ahli-ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

15. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah anggaran angka bilangan pendatang asing tanpa izin yang berada di Sabah yang dinyatakan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 80,000 hingga 100,000 dan yang dinyatakan oleh Kerajaan Negeri Sabah iaitu 500,000 amat jauh perbezaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, anggaran tepat mengenai bilangan parti di Sabah sukar dipastikan kerana tidak ada rekod rasmi yang mencatatkan kehadiran mereka, namun begitu agensi-agensi penguat kuasa seperti PDRM dan Imigresen bersetuju anggaran kehadiran PATI di Sabah adalah di antara 100 ribu ke 150 ribu, kita tidak boleh beri yang tepat sebab dia di sini berkahwin, dia beranak, dia bertambah ya.

Angka ini juga telah juga diperakui oleh kerajaan negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri, bilangan 1 tahun 2006. Dalam hubungan ini terdapat pihak-pihak tertentu di Sabah yang menyebut bilangan kehadiran PATI dianggarkan sekitar 500 ribu. Bilangan tersebut tidak dapat disahkan oleh mana-mana rekod rasmi kerajaan ataupun mana-mana rekod yang ditunjuk oleh pihak NGO.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana yang kita tahu, ada enam kawasan atau *resettlement* atau penempatan pelarian yang dimulakan pada tahun 70-an. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah kaedah yang digunakan oleh PDRM ataupun pihak Jabatan Imigresen dalam memastikan atau menganggarkan bilangan pendatang asing tanpa izin ini tetapi satu soalan asas saya rasa adalah, adakah penelitian dokumen, identiti atau pengembaraan dan adakah bancian dibuat di keenam-enam kawasan penempatan yang tersebut tadi? Terima kasih.

Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada sebut sebentar tadi iaitu bahawa jumlah yang saya katakan itu adalah jumlah yang kita dapat daripada PDRM dan juga Imigresen. Jadi adalah baik kalau soalan itu ditanya kepada agensi berkenaanlah ya.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang isu PTI saya rasa kalau bilangannya yang dikatakan iaitu 100,000 atau 500,000 kah itu tidak berapa penting. Apa yang lebih penting ialah apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan? Tindakan yang lebih efektif kerana banyak persoalan telah dibangkit dalam Dewan yang mulia ini. Jawapan-jawapan yang diberi boleh dikatakan standard sahaja kerana keadaan di negeri Sabah tentang PTI ini walaupun tindakan dikatakan telah diambil tetapi masalah masih sangat serius.

Jadi isu PTI ini amat dibenci oleh warga Malaysia di Sabah kerana pelbagai masalah yang dibawa oleh PTI ini. Mereka mendapat dokumen berkenaan dengan cara yang tidak betul dan didaftar sebagai pengundi sehingga mereka lebih bumiputera daripada kaum-kaum di Sabah. Jadi ini pun membawa kesan yang negatif kepada kedaulatan negara kita. Mereka juga membanjiri hospital-hospital kerajaan dan secara tidak langsung mereka merampas hak-hak warga Malaysia kita.

Jadi penglibatan mereka dalam kes-kes jenayah dan juga masalah sosial adalah serius dan ini telah selalu dilaporkan di dalam media. Ini keadaan yang sebenarnya jadi ada juga pemindaan supaya sebuah jawatan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi saya ingin meminta penjelasan bilakah kerajaan untuk menubuhkan jawatan Suruhanjaya Diraja itu? Sekian terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertamanya kita kena ingat bahawa dalam soal, ini bukan soal PATI, ini soal Filipina ini *refugee* kerana ada berlaku peperangan di tanah airnya, maka mereka lari ke negara kita. Jadi sudah tentu yang pertamanya kita nak selesai masalah ini, kita kena selesai di tempat punca asalnya, iaitu mesti ada penyelesaiannya di Selatan Filipina, barulah kita boleh kalau mahu hantar balik mereka yang berada di kem-kem ini, itu pertama.

Keduanya, kita kena ingat mereka adalah pelarian. Jadi di bawah Konvensyen *Refugee United Nations*, walaupun kita tidak menjadi penanda tangan kepada konvensyen ini. Namun sebagai warga Bangsa-Bangsa Bersatu, kita perlu akur dengan peraturan-peraturan berkenaan *refugee*. Kita tidak boleh halau mereka begitu sahaja. Dan sekarang ini UNHCR sebenarnya yang bertanggungjawab dalam perkara ini dan kita memberi kerjasama. Bagi mereka yang datang selepas bukan kerana pelarian, kita tangkap mereka dan kita ada hantar balik, ada dekat 130 ribu yang kita hantar balik tetapi yang dalam kem ini merupakan, sudah menjadi perkara yang di maklum oleh UNHCR, jadi kita tidak boleh angkut mereka letak dalam bot dan halau balik begitu sahaja kerana ini tidak dipersetujui oleh konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan pelarian ini.

Jadi sebab itu kita terpaksa mengendalikan perkara ini dengan peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Dan bagi masalah yang mengatakan mereka mengambil hak kita yang pergi ke hospital itu, kita sedang mengambil pertimbangan untuk kalau betul kita akan caj mereka lebih daripada apa yang dikenakan kepada rakyat kita. Dan kita sememangnya mempunyai satu jawatankuasa sekarang ini untuk dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengatasi masalah yang berbangkit berkenaan dengan pelarian di dalam kem-kem ini tetapi saya kira untuk kita secara henta kromo mengatakan semua masalah yang berlaku di negeri Sabah itu disabitkan kerana mereka, saya rasa itu cuma persepsi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Pembunuhan Rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh Tentera Israel

11.34 pg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan mesyuarat ini ditangguhkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu pembunuhan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh tentera Israel yang sehingga hari ini telah masuk hari yang keenam dan telah membunuh 54 orang rakyat Palestin.

Selain daripada pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan, kediaman mereka juga dirobuhkan dengan menggunakan jentolak tentera. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat antarabangsa hendaklah bertindak segera menekan rejim Zionis ini agar menghentikan tindakan zalim dan kejam ini dengan segera.

Perkara ini adalah tertentu kerana ia melibatkan pembunuhan rakyat Palestin dan tindakan zalim merobuhkan kediaman mereka oleh tentera Israel yang berterusan sehingga hari ini.

Perkara ini ternyata berkepentingan ramai kerana tindakan zalim rejim Zionis adalah tindakan membunuh sesama manusia. Dan ini adalah merupakan jenayah kemanusiaan, kalau dibiarkan berterusan boleh menjadikan dunia terus tidak aman dan boleh menjadi pencetus kepada peperangan dunia.

Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menuntut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Persidangan Negara Islam, Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali serta masyarakat antarabangsa. Terus mengenakan tekanan terhadap rejim Zionis agar mereka menghentikan tindakan kejam mereka itu terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza dengan serta merta.

Dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya percaya hujah-hujah di atas memenuhi kriteria yang menunjukkan Usul ini penting untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Gombak pada hari Isnin, 6 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkecenderungan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)B, Usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [*Hari Kedua*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] –
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Yang di-Pertua: Jabatan Perdana Menteri, Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita harap akan dapat mulakan jawapan daripada Perdana Menteri pada jam 2.30 petang ini. Oleh itu saya akan menghadkan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga pukul 1 ini, lebih kurang 10 dan 15 minit tiap-tiap orang. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Serdang untuk menyambung berucap.

11.38 pg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengumumkan bahawa terdapat lebih sejuta warga negara yang layak untuk sebagai pemilih baru tetapi mereka masih belum didaftarkan sebagai pemilih sepanjang masa ini. Berertinya kempen untuk menjalankan pendaftaran pemilih baru ini yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya menghadapi masalah kerana begitu ramai tidak berniat untuk didaftar sebagai pemilih untuk menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka sebagai rakyat Malaysia.

Dengan demikian itu, Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil tindakan dengan melantik penyelia-penyelia atau penolong-penolong pendaftaran daripada badan-badan politik untuk menjalankan tugas supaya kempen ini dapat kesedaran mereka yang masih belum didaftarkan sebagai pemilih itu tampil ke hadapan untuk menjalankan pendaftaran mereka. Sepanjang masa ini, kempen dijalankan masih tidak dapat satu keputusan yang berkesan. Maka itu, Suruhanjaya Pilihan Raya perlu memberitahu sepanjang masa ini pelantikan penyelia-penyelia atau penolong-penolong pendaftaran daripada badan-badan politik sepanjang masa ini dengan jumlah pemilih-pemilih berdaftar sepanjang kempen dijalankan.

Dan jumlah perbelanjaan yang telah dibiayai untuk kempen ini kita akan mengkaji sama ada kempen yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ini sama ada berkesan atau menghadapi kegagalan. Dan juga bagaimana untuk mencari ikhtiar atau tindakan sewajarnya untuk memberi kemudahan supaya menarik lagi ramai pemilih yang layak untuk dijadikan pemilih itu untuk datang ke hadapan untuk menjalankan pendaftarannya. Ini satu masalah. Hendaklah memberi satu pandangan atau satu keputusan kepada Dewan yang mulia ini supaya masyarakat Malaysia akan memahami langkah yang diambil oleh Suruhanjaya sama ada berkesan atau tidak.

Tuan pengerusi, Unit Perancang Ekonomi. Badan ini merupakan satu agensi terpenting dalam perancangan atau tanggungjawab untuk merangka dasar, strategi atau program, di mana untuk menentukan projek-projek yang dikemukakan oleh kementerian-kementerian sama ada projek yang dijalankan itu dapat disetujui untuk dilaksanakan.

Saya rasa, Unit Perancang Ekonomi begitu penting untuk menentukan projek yang dikemukakan oleh pihak kementerian melalui wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, di mana kepentingan rakyat hendaklah terjaga. Saya hendak memberi satu contoh. Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan satu projek yang kritikal, yang terlibat dengan kepentingan orang ramai dan juga menjejaskan sosioekonomi di kawasan tersebut dan juga akan menjejaskan kestabilan politik di kawasan itu. Maka, Kementerian Kerja Raya meneliti dan mengkaji sedalam-dalamnya setelah mendapati bahawa projek yang dicadangkan itu perlu disegerakan dan belum dapat disetujui. Dan maka itu cadangan telah dikemukakan kepada EPU, iaitu cadangan pembinaan *underpass* atau terowong di Kajang Utama kerana perkara itu begitu penting kerana melibatkan kepentingan orang ramai, kestabilan politik, dan sosioekonomi di kawasan tersebut. Oleh sebab itu IKS terjejas, kerana tanpa terowong yang dibina pada masa pembinaan Lebuh Raya SILK dahulu.

Semasa kawasan ini masuk dalam Parlimen Serdang pada tahun 2004, saya rasa terkejut. Apa sebab terowong tidak dibina untuk memberi kemudahan kepada lapisan masyarakat di kawasan tersebut, kerana apa yang dikaji oleh Kementerian Kerja Raya selepas cadangan yang diberi olehnya.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum dan amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh para penduduk Taman Kajang Utama dan Kajang Sentral. Termasuklah Kompleks Induk Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi di bawah Kementerian Pertahanan. Dan juga terjejas dengan aktiviti IKS serta pendidikan di kawasan tersebut. Sebab termasuk dalam...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat,

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tidak ada masa, hanya 15 minit, tak boleh. Saya tidak ada masa, minta maaf. *You* boleh cerita sebab ini adalah penting. Maka itu sebab...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: EPU, EPU.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...Sebab itu cadangan Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia mengambil berat perkara ini. Begitu penting kerana putuslah antara dua kawasan ini. Terlibat dengan beribu-ribu rakyat. Maka itu sebab cadangan dikemukakan. Masih belum dapat keputusan. Ini kepentingan, ini kritikal. Akan jejas kestabilan politik dan masa depan Dewan Undangan Negeri Bangi. Saya minta pegawai kanan daripada EPU hendaklah mengkaji sedalamnya. Datang ke kawasan tersebut untuk meninjau bagaimana seriusnya kedudukannya.

Ini telah melanggar dasar IKS. Kerajaan telah meminta, menggalakkan kegiatan IKS merata tempat tetapi tanpa terowong melintas Lebuh Raya SILK itu telah menjejaskan ekonomi IKS. Dengan itu saya mintalah pihak EPU begitu bijaksana untuk menentukan projek-projek yang dicadangkan oleh kerajaan itu, kementerian itu, maka inilah salah satunya. Dengan ada tambahan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang baru-baru ini dinyatakan oleh pihak kerajaan. Dengan adanya peruntukan tambahan tersebut, maka ambil kiralah tugas sebenarnya yang dibentangkan oleh Kementerian Kerja Raya supaya projek yang kritikal ini terlibat dengan keadaan politik sosial dan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut hendaklah diambil kira.

Dan juga ambil kira pentadbiran yang begitu pentingnya tadi kepada Kementerian Pertahanan yang telah disebut. Jadi, datanglah ke kawasan tersebut untuk meninjau supaya mendapat gambaran yang nyata. Apa yang dikatakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan lapisan masyarakat tersebut akan memberi satu nafas baru kalau projek ini dapat diluluskan oleh EPU dan boleh dijalankan di mana komitmen Kementerian Kerja Raya termasuk Yang Berhormat Menteri telah secara terbuka untuk menjamin kepada masyarakat setempat itu, maka projek ini akan dihasilkan jika EPU beri kelulusan.

Tuan pengerusi, satu perkara akhirnya. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pada tempoh kebelakangan ini, sesetengah pemimpin politik telah mengeluarkan kenyataan atau hujah-hujah, telah mencadangkan atau menghasilkan satu kontroversi di kalangan masyarakat. Kerana hujah-hujah dan kenyataan-kenyataan ternyata dan tersentuh dengan dasar kerajaan yang telah diamalkan begitu lama tetapi telah menimbulkan persoalan.

Saya menganggap bahawa masyarakat Malaysia rasa bimbang dan risau terhadap sesetengah kenyataan dan hujah-hujah yang dikeluarkan atau disuarakan pada kebelakangan ini. Dengan adanya hujah-hujah atau kenyataan-kenyataan yang begitu sensitif, telah menimbulkan kebimbangan dan juga akan menjejaskan perpaduan negara kita. Sepanjang masa ini, pemimpin negara dahulu telah mewujudkan semasa memperjuangkan, untuk memperkukuhkan lagi perpaduan negara kita. Dan jadikan satu contoh begitu cemerlang kepada negara-negara lain. Negara-negara asing telah mengambil teladan negara Malaysia begitu rapat, mesra kaum, berbilang kaum di negara Malaysia ini. Jadi, dengan adanya kenyataan-kenyataan atau hujah-hujah yang menjejaskan perpaduan negara kita...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan. Siapa yang membuat kenyataan itu?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tak payahlah. *You* boleh cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Siapa, siapa? Tolong bagi tahu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya, baru-baru ini *Berita Harian* ada menyatakan..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini *round-round*, tak ada apa. Siapa, siapa yang bercakap?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya beranggapan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut menyatakan bangsa Malaysia ini yang dibangkitkan baru-baru ini, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri katakan, saya petikkan, "*Jika kita anggap ia sebagai state of the mind, maka saya fikir kita boleh mengelakkan diri pada polemik dan juga definisi yang jika cuba dilakukan tentu sekali menimbulkan banyak persoalan dan menghangatkan debate mengenai hal ini. Kerana dengan isu yang dibangkitkan baru-baru ini berkaitan dengan konsep bangsa Malaysia ini, ini merupakan satu atau dianggapkan bahawa punca, ini akan menjejaskan perpaduan, semangat perpaduan dan juga Perlembagaan Persekutuan*". Saya bangkitkan perkara ini kerana saya cintakan negara. Saya cintakan perpaduan negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah, Yang Berhormat, gulung.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Maka itu sebab, saya haraplah sesetengah pemimpin politik ini jangan mempertahankan untuk kepentingan politik sendiri atau kepentingan politik individual dan akan menjejaskan dengan adanya hujah-hujah yang akan merosakkan atau menjejaskan kestabilan negara kita yang begitu lama wujud.

Dengan demikian saya haraplah pemimpin-pemimpin politik negara kita ini hendaklah merasakan bahawa begitu susah kita wujudkan semangat perpaduan seperti mana Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dijalankan. Apa aktiviti yang dijalankan sepanjang masa ini memelihara, meningkat, mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar kerajaan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Aktiviti-aktiviti ini telah memberikan satu semangat mengukuhkan perpaduan negara untuk mewujudkan satu arah ke Wawasan 2020.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup masa Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Kerana adanya aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara ini setakat ini tidak akan berjaya jika hujah-hujah terus berlaku demikian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya mendesak bahawa pemimpin-pemimpin yang.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: masak, yang matang untuk menghadapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...Keadaan dan isu-isu semasa untuk kepentingan negara kita. Dengan demikian, saya terima kasihlah kepada Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak berani gunakan kepada UMNO, *not for us*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

11.52 pg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian untuk membahaskan Maksud Pembangunan 6, Butiran 03400 Kompleks Selatan Islam Tahfiz Pusat Komuniti Orang Asli. Apa yang saya perhatikan setakat ini banyak Orang Asli yang telah memeluk agama Islam dan mereka ini perlukan perhatian dari segi panduan untuk menjadi seorang Islam. Jadi apa yang saya tengok sekarang ini banyak surau yang ada yang dibina dalam perkampungan Orang Asli yang terbiar. Sudah menjadi bangunan usang dan buruk, tidak dipakai lagi dan juga penggerak-penggerak Orang Asli ada yang sudah tidak datang ke tempat perkampungan Orang Asli. Jadi apa yang saya harapkan ialah usaha murni kita untuk mengislamkan Orang Asli dan sebagainya janganlah terbiar, tindak ikut mestilah dibuat.

Yang keduanya saya hendak masuk Butiran 17200 Pusat Aktiviti Perpaduan dan 17300 Pusat Rukun Tetangga. Usaha ini sangat baik kerana memang apa yang kita harapkan ialah perpaduan dalam negara kita diwujudkan dan sebagainya dan saya percaya usaha sebegini patut diteruskan. Jadi apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi memang kita alu-alukan. Janganlah sentuh perkara-perkara yang sensitif dan sebagainya.

Bagaimanapun, ada kalanya pusat-pusat ini telah dijadikan oleh segelintir masyarakat sebagai bukan pusat untuk memupuk perpaduan tetapi juga untuk memecahbelahkan kaum, digunakan oleh segelintir masyarakat. Apa yang saya harapkan pihak yang bertanggungjawab mengenai dengan pusat aktiviti perpaduan dan pusat Rukun Tetangga ini perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara yang sebegini. Jadi sepatutnya tempat perpaduan tetapi sudah menjadi tempat untuk memecahbelahkan masyarakat dan juga menjadi tempat berpolitik sesuatu parti politik. Jadi kita minta diberi perhatian.

Seterusnya saya hendak menyentuh Maksud Bekalan 7, 030600 Perkhidmatan Psikologi. Apa yang saya harapkan pegawai-pegawai yang ditempatkan di dalam perkhidmatan psikologi di jabatan-jabatan atau bahagian-bahagian kerajaan menjalankan tugasnya untuk memberi kaunseling kepada *staff* atau pekerja-pekerja di situ dengan lebih berhati-hati. Apa yang saya lihat sekarang sama ada di sekolah ataupun di jabatan ahli-ahli psikologi ataupun guru-guru kaunseling atau pegawai-pegawai kaunseling banyak melaksanakan tugas-tugas motivasi jadi *motivator* mungkin kerana duit lebih banyak di situ.

Akan tetapi apa kerja yang sebenarnya atau *core business* mereka dengan izin, ialah menjalankan kaunseling dan memberi perhatian kepada kebajikan pekerja itu sebenarnya bukan menjalankan kerja-kerja motivasi untuk mencari kewangan dengan menggunakan perkhidmatan psikologi ini.

Yang berikutnya ialah dari Butiran 040100 Pertambahan Pelajar Bagi Program Ijazah Luar Negara dan Program Pembangunan Kepimpinan. Baru-baru ini saya berpeluang melawat ke luar negara dan berjumpa dengan pelajar dan pelajar-pelajar di luar negara apa yang saya lihat kehidupan mereka agak daif. Bila saya bertanya kepada mereka elaun yang diberi oleh kerajaan tidak mencukupi untuk mereka menyara diri.

Jadi kesannya mereka terpaksa bekerja untuk menyara hidup dan sebagainya. Jadi ini memberi kesan kepada prestasi pelajar itu sendiri dari segi pelajaran mereka kerana sepatutnya mungkin sebelah malam mereka belajar tetapi mereka terpaksa pula bekerja di restoran di kedai-kedai makan dan sebagainya untuk hanya menambah elaun yang tidak cukup itu. Jadi saya berharap pastikanlah elaun bukan sahaja dibuat secara negeri tetapi juga melihat keadaan bandar-bandar kerana di sesetengah negara bandar-bandar ini berbeza dari segi kos sara hidupnya.

Yang seterusnya ialah dari Butiran 050400 Pelaksanaan PTK empat kali setahun. Bagi saya Penilaian Tahap Kecekapan seperti yang ada sekarang ini membuang masa, merugikan duit dan sebagainya, eloklah dihapuskan. Sepatutnya Penilaian Tahap Kecekapan dibuat oleh jabatan masing-masing itu yang sebetulnya bukan melalui peperiksaan dan sebagainya setahun sekali kerana pekerja bekerja sepanjang tahun dari hari ke hari mereka mempunyai *mood* yang berbeza-beza.

Mungkin satu hari mereka mempunyai prestasi yang baik dan besoknya mungkin ada hari prestasinya kurang baik tetapi kita lihat secara keseluruhan bukan dengan sekali peperiksaan. Jadi apa yang saya harapkan kaji balik dan kalau boleh hapuskan terus Penilaian Tahap Kecekapan seperti yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang ada ramai lagi masa yang tinggal hanya satu jam. Jadi keputusan telah dibuat, pukul 2.30 Menteri akan jawab. Jadi saya minta kerjasamalah sebelum saya akan had sekali lagi sehingga lima minit jadi saya mintalah kerjasama semua pihak. Baik Yang Berhormat bagi Santubong sila. Yang Berhormat cubalah ringkaskan supaya peluang dapat kita berikan kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya akan cuba Tuan Pengerusi saya akan buat. Minta tetapkan berapa minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah kalau macam ini lima minitlah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jangan cakap lima minit, kalau saya lima minit saya minta semua kena lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apalah sekarang saya beri mulai Yang Berhormat 10 minit selepas itu saya akan buat keputusan lagilah.

11.58 pg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Masa 10 minit, *alhamdulillah* Tuan Pengerusi terima kasih. Saya ingin Tuan Pengerusi menyebut dua, tiga perkara dalam Maksud Bekalan 6 ini di bawah Butiran 01000 Pentadbiran. Kita melihat Tuan Pengerusi di negara kita banyak idea-idea yang canggih ke hadapan yang bergerak dengan zaman dan masanya yang melonjak dengan cepat. Kita semua tahu zaman sekarang ialah zaman yang bergerak dengan cepat. Siapa sahaja mengkaji keadaan masa sekarang semenjak tahun 90, apabila industri ICT mula menjadi satu mekanisme penggerak, apa-apa sahaja sama ada pentadbir kerajaan ataupun industri ataupun apa sahaja aktiviti manusia, pergerakan kita cepat, perubahan cepat dan sebagainya cepat.

Akan tetapi kita di sini melihat ada konflik berlaku Tuan Pengerusi khususnya satu saya hendak sebutkan pelantikan suruhanjaya-suruhanjaya di semua peringkat sama ada suruhanjaya ini daripada Suruhanjaya Pilihan Raya ataupun suruhanjaya untuk melantik orang bekerja dengan jabatan kerajaan.

Semua suruhanjaya dan badan-badan lembaga ini semuanya dilantik oleh pihak kerajaan. Jadi dalam masa yang sama kita ini melihat keadaan yang bergerak cepat tetapi orang yang kita lantik menjadi ahli lembaga ini, semua orang yang pencen, orang yang terikat dengan zaman mereka sendiri. Kalau kita nilai dan lihat dalam semua lembaga yang kita lantik, boleh dikatakan 80% daripada mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan ataupun ahli-ahli politik yang sebahagian kecil sahaja yang sudah bersara. Mereka ini terikat dengan zaman mereka sendiri dan tidak berubah dengan keadaan semasa.

Jadi ini satu konflik yang besar. Kita hendak maju tetapi kita diikat oleh mereka ini. Jadi saya hendak tanya dengan pihak kerajaan, yang pertama saya hendak peratusan yang khusus, berapa banyak kah mereka yang mengetuai badan-badan, lembaga dan juga suruhanjaya-suruhanjaya seluruh negara ini sama ada di peringkat negeri ataupun peringkat Pusat, peratusannya daripada pihak-pihak yang mereka ini yang satu, tidak mempunyai ciri-ciri pendidikan yang sepatutnya diguna pakai pada zaman ini dan juga tidak mempunyai ciri-ciri mahu belajar berterusan dan mengetahui berterusan. Itu yang pertama.

Yang kedua, berapa banyak mereka ini daripada golongan-golongan *pensioners* yang memang dia sudah kata kalau mesyuarat itu dia tidur sahaja. Saya dimaklumkan bahawa banyak lembaga pengarah, lembaga pentadbir atau sebut sahaja lembaga apa dan suruhanjaya-suruhanjaya ini bila seorang, dua bercakap sebab umur sudah sampai 70 tahun, dia pun mengantuk, dia pun tidur. Habis mesyuarat, kopi pun sudah habis, teh pun sudah habis, berhenti masa sudah habis, habis mesyuarat. Semua lulus, semua beres.

Jadi kalau perkara ini berlaku, macam mana lembaga-lembaga yang sepatutnya menjadi nadi penggerak kepada pemajuan negara ini untuk memikirkan benda baru, memikirkan benda canggih, untuk memikirkan benda ke hadapan, untuk memikirkan benda yang boleh menggerakkan negara ini dengan cepat dan maju, kerana mereka ini sudah tidak ada lagi selera hendak kerja, sudah tidak ada semangat lagi, semua hendak *relax* sahaja. Patut suruhlah *relax*, jangan ganggu dia. Bukan caranya untuk membantu mereka ini. Ada cara lain. Cari mekanisme lain untuk mencari mereka. Janganlah mereka ini sudah pencen, mungkin sudah dua, tiga kali tambah kontrak dia, dia disuruh duduk dalam lembaga. Sepatutnya dia bersaralah kalau dia tidak boleh lagi sudah. Jadi kita masih lantik jadi lembaga.

Saya hendak peratusan ini yang duduk dalam lembaga ini daripada mereka yang tua, umur sudah 65 tahun ke atas dan sudah tidak bermaya lagi tetapi kalau mereka masih bermaya, mereka masih cergas, mereka masih mahu mengetahui benda-benda baru dan tidak terikat dengan pendapat-pendapat lama, boleh diguna pakai. Baru orang inilah boleh dikatakan orang yang mempunyai ciri-ciri *lifelong learning*. Jadi saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, berapakah lembaga-lembaga ini diketuai dan terdiri daripada ahli-ahli, mereka yang sudah tidak bermaya lagi ini. Jadi itu yang pertama.

Yang kedua, soalan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Lipis. Saya amat bersetuju, Tuan Pengerusi, peperiksaan kadang-kadang ia tidak mengikut apa yang sepatutnya dibuat untuk satu-satu jabatan. Umpamanya, kalau seorang jurutera, dia akan kekal dalam jabatan umpamanya Jabatan Kerja Raya dan dia ini diperiksa dengan benda-benda yang tidak ada relevan, tidak ada hubung kait dengan tugas-tugas dia sebagai seorang jurutera ataupun sebagai pentadbir Jabatan Kerja Raya, dia diperiksa dengan benda-benda lain yang dia tidak pernah amalkan dan tidak akan amalkan tugas dia dan penilaian ini dikatakan mereka ini kurang baik.

Begitu juga seorang doktor, kalau dia dinilai dari segi pentadbiran umum lain tetapi tidak dinilai daripada *skill* dan kepandaian dia sebagai seorang doktor. Tuan Pengerusi kata dua, maknanya tinggal lagi dua minitlah itu. Jadi kita nilai orang ini berasaskan penilaian yang kurang tepat. Jadi kita hendak adakan peperiksaan, nilailah berlandaskan kepakaran, keperluan dan kehendak jabatan dia. Bukan yang tidak ada relevan dengan jabatan dan tugas harian dia walaupun dia akan melonjak ke hadapan.

Jadi Tuan Pengerusi, ini amat penting kalau kita hendak mencari pegawai yang betul-betul sempurna dan baik. Jangan gunakan kriteria peperiksaan ini sahaja. Bahkan dahulu mengikut laporan tahunan dan bulanan yang dibuat, *assessment* dahulu mungkin lebih tepat daripada apa yang berlaku kita buat menerusi peperiksaan ini. Banyaklah pegawai yang begitu baik, begitu berprestasi, begitu rajin, sekarang sudah tidak mampu lagi hendak menduduki peperiksaan dan tidak mahu lagi bekerja kerana sudah *give-up*, sudah tidak mahu lagi kerana tidak dapat lulus peperiksaan kerana peperiksaan berlandaskan benda-benda lain.

Jadi, Tuan Pengerusi, oleh kerana saya ada dua minit, saya sudah janji dengan Tuan Pengerusi, so itu sahajalah. Saya minta menteri boleh menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Sila Yang Berhormat bagi Larutlah.

12.06 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap dua perkara sahaja di bawah Butiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu perkara dua minit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua perkara empat minit... [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 02000 – EPU dan 01010 – JPA. EPU ini saya pun hairan, Perdana Menteri sudah umum tentang peruntukan banjir RM1 bilion untuk mengatasi masalah banjir di Shah Alam, di Selangor. Sampai hari ini kita tidak nampak lagi apakah sebabnya lewat.

Jadi kalau ini masih berterusan, sistem penyampaian kita masih berada di takuk yang lama. Jadi kita mintalah EPU ini, kalau ini masih berlaku lagi, sampai bila pun tidak dapat digerakkan Rancangan Malaysia Kesembilan kita. Itu belum yang lain-lain lagi. Saya minta, apa sebablah.

Kalau perlu dirombak, dirombaklah EPU ini kerana ini telah menyebabkan kelewatan program pembangunan. Itu satu, Tuan Pengerusi, tentang EPU dan kita berharap pentadbiran yang ada dapat melihat tentang kelewatan dan kelambatan untuk mengatasi masalah yang telah saya sebutkan tadi. Wang sudah disediakan, peruntukan sudah disediakan tetapi kenapa sampai hari ini masih belum ada lagi permulaan projek mengatasi masalah banjir ini.

Yang keduanya tentang perkhidmatan. Saya telah ditemui oleh Setiausaha Sekelompok Pegawai Sementara ini, Tuan Pengerusi, di bawah N41 yang telah bekerja lama dalam perkhidmatan awam dalam jabatan-jabatan kerajaan yang memohon untuk diserapkan menjadi kakitangan sepenuh masa, kakitangan kerajaan. Yang menyedihkan lagi ialah ada di antara mereka ini melalui peperiksaan sebanyak tujuh kali, lulus tetapi tidak mendapat tawaran pekerjaan. Jadi saya berharap supaya sama ada pihak SPA yang mengendalikan temu duga ini dapat mengutamakan mereka yang berpengalaman supaya dapat ditawarkan pekerjaan diserapkan dalam kerajaan.

Sedangkan kita tahu bahawa masalah pengisian jawatan sebanyak 32,000 ini yang telah pun disebut berulang kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, bahkan saya berkesempatan baru-baru ini menghubungi pihak yang berkenaan dan telah diberitahu bahawa pengisian 9,000 jawatan kosong ini kalau boleh dapat disegerakan dan mengutamakan mereka yang ada pengalaman yang ada status kontrak ini dapat diberikan jawatan tetap, Tuan Pengerusi. Saya pun tahu bahawa masalah ini telah pun dibincangkan sampai ke peringkat Majlis Menteri-Menteri Besar tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

12.09 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 02000, halaman 123 – Unit Perancang Ekonomi, 03000, halaman 124 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 24000 – Institut Integriti Malaysia dan juga halaman 128, 20000 – Jabatan Perpaduan Negara dan seterusnya mengenai BPR, halaman 163,01000.... [*Disampuk*] Tuan Pengerusi, banyak, kita mesti ada banyak.

Yang pertamanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah sebutlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang pertamanya mengenai itu kenyataan Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani yang mengatakan hapuskanlah bangsa Malaysia dan hapuskan sistem meritokrasi itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya faham. Cuma macam ini, saya hendak pihak kerajaan menerangkan kepada Dewan yang mulia ini apakah sikap dan pendirian kerajaan mengenai sistem meritokrasi dan juga sistem bangsa Malaysia di negara ini. Dan seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai tempoh kelulusan peruntukan. Semua peruntukan misalnya tahun ini kita ada peruntukan untuk pembangunan ialah RM35.5 bilion dan juga untuk tahun depan, peruntukan bagi pembangunan ialah RM46.5 bilion. Saya hendak pihak EPU mengkaji setakat mana tempoh kelulusan peruntukan ini. Kadang kala kita dapat tempoh kelulusan peruntukan ini sampai ke hujung tahun. Ini bermakna bulan September, bulan Oktober dan bulan November. Macam mana pihak jabatan boleh menggunakan peruntukan ini, kalau itu diluluskan dengan begitu lewat.

Saya setuju bahawa sebelum kita luluskan sesuatu peruntukan, kita mesti memastikan peruntukan ini akan digunakan dengan tepat, dengan *persist* dan dengan jitu. Saya setuju tetapi walau bagaimanapun janganlah kita luluskan peruntukan yang terlalu

lewat ini dan begitu juga kita hendak bangunkan Johor Selatan. Itu baik dan peruntukan untuk kawasan pembangunan Iskandar ini memang baik. Kita galakkan semua ini tetapi peruntukan bagi misalnya dia kata dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita memperuntukkan RM4.3 bilion untuk pembangunan Johor, itu baik tetapi kita mesti memastikan semua ini sampai ke sasaran dengan tempoh yang munasabah. Tambahan pula, kita adakan 880 projek dan lain-lain projek untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita bermula 1 Januari tahun ini tetapi setakat ini, saya dapat tahu bahawa projek-projek ini tidak dibuka secara tender dan ada dibuka secara dalaman sahaja. Pelantikan dengan begitu sahaja.

Ini saya tidak boleh setuju dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan di dalam Dewan ini juga, dia hendak semua projek itu ada sistem tender yang terbuka. Saya hendak pihak EPU mengkaji sama ada semua tender yang dikeluarkan misalnya 880 projek ini adalah mengikut kriteria-kriteria tender terbuka antarabangsa kerana kita meningkatkan negara ini, ada 14 tahun lagi kita wujudkan Malaysia sebagai negara yang maju. Dalam 14 tahun ini, adakah kita mampu untuk mengadakan sistem tender terbuka bagi semua projek? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi terima kasih. Sedikit sahaja iaitu berhubung dengan Unit Perancang Ekonomi. Saya ingin meminta agensi ini kalau boleh mengkaji satu cadangan yang telah dikemukakan oleh Pejabat Daerah Kinabatangan dan juga telah dikemukakan melalui JKR negeri Sabah kepada agensi Unit Perancang Ekonomi iaitu menaik taraf Jalan Layunakan-Penanga. Tuan Pengerusi, jalan ini pada banjir baru-baru ini telah terputus hubungan di antara kampung dengan kampung dan menyebabkan penghantaran makanan bekalan budak sekolah tidak dapat dilakukan dan hanya boleh dilakukan melalui helikopter tentera dan ini telah melibatkan 22 buah kampung yang terlibat iaitu lebih kurang 57,000 penduduk. Jadi malangnya apabila dikemukakan, EPU tidak memasukkan pula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sepanjang 47 kilometer.

Saya meminta kepada kerajaan dan juga EPU kalau boleh memasukkan Jalan Layunakan-Penanga ini dalam pertengahan penggal Rancangan Malaysia Kesembilan sebab ini merupakan kepentingan rakyat. Setiap di mana 22 kampung ini, 22 sekolah juga terlibat dan sebagainya dan ini merupakan satu keperluan, jalan untuk menghubungkan antara kampung dengan bandar. Dalam kes-kes yang lain terdapat juga mereka yang berpenyakit tidak dapat dimasukkan ke hospital sebab pertengahan jalan sudah tidak dapat sampai ke hospital sebab jalan tidak baik. Saya meminta EPU ini melihat bagaimana kepentingan dan keperluan itu harus dikategorikan sebagai keperluan. Saya tidak melihat mereka lebih serius dan memang banyak rungutan-rungutan daripada orang ramai, EPU ini seolah-olah ada kronisme di dalam. Iaitu jalan projek tidak perlu, menjadi keperluan. Yang menjadi perlu, diketepikan. Saya minta kepada mereka ini bekerjalah sebaik mungkin untuk kepentingan rakyat dan negara. Jangan bekerja atas kepentingan diri sendiri. Dengan ini terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh B.6 Butiran 20000, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Tuan Pengerusi, kerajaan selama ini telah pun mengadakan pelbagai ikhtiar dan program untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan kaum. Terbentuknya sebuah negara yang berbilang kaum yang berharmoni dan makmur telah dibanggakan dan dianggap sebagai asas kepada pembangunan dan kemajuan negara tetapi kebelakangan ini timbul isu peminggiran, isu pengagihan hasil pembangunan negara yang begitu hangat. Semua ini perlu diberi hala tuju oleh kerajaan setelah perbincangan, renungan secara dalam dan teliti.

Jika dibiarkan perdebatan secara *laissez-faire* ataupun bebas tanpa panduan dan kawalan akan menimbulkan kekeliruan dalam pemikiran rakyat khususnya dalam persepsi perhubungan kaum di kalangan generasi muda. Perpaduan kaum adalah asas kepada kekuatan negara dan satu pencapaian negara yang selama ini dibangga-banggakan oleh rakyat keseluruhan dan kerajaan seharusnya tidak membenarkan sesiapa yang ingin mengeksploitasi sentimen perkauman untuk tujuan politik sendiri.

Dasar kerajaan harus berlandaskan Rukun Negara demi menghasilkan keadilan dan kesaksamaan kepada semua kaum di negara ini dan tidak boleh dipermainkan sebagai isu-isu politik dan saya mencadangkan program Rukun Tetangga harus dipergiatkan lagi di semua taman-taman kediaman untuk memupuk semangat perkampungan dan kesetiakawanan di antara kaum. Ini adalah penting bagi menambahkan ruang dan peluang untuk menjalinkan perasaan silaturahim antara kaum. Dan juga menangani masalah keselamatan di kawasan kediaman. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berucap sedikit sebanyak mengenai harga petrol dan diesel di dalam negara kita. Ini amat penting dalam rancangan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rancangan yang mana satu?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: UPE. Ia adalah amat penting mengenai rancangan ekonomi negara kita. Saya masih ingat dengan jelasnya semasa kerajaan menaikkan itu harga diesel dan petrol. Alasan yang diberi kepada rakyat Malaysia adalah kerana harga minyak mentah antarabangsa sudah naik sebab itu kerajaan terpaksa, terpaksa adalah perkataan yang digunakan. Terpaksa menaikkan harga petrol dan diesel di dalam negara kita tetapi pada masa ini harga minyak mentah antarabangsa sudah turun. Semasa kerajaan menaikkan harga petrol dan diesel dalam negara kita, harga minyak mentah antarabangsa adalah lebih kurang USD65 per *barrel* dan sekarang ia telah turun kepada kurang daripada USD60 per *barrel*. Maknanya telah 10% turun harganya.

Akan tetapi kenapa kerajaan tidak menurunkan harga petrol dan diesel dalam negara kita? Adakah ini adalah satu alasan yang diberi oleh kerajaan semasa itu adalah satu penipuan, penipuan terhadap rakyat Malaysia? Kerana, kalau itu alasan yang benar, maka sekarang ia haruslah turunkan harga petrol dan diesel di negara kita.

Saya ada tengok itu *airline*, syarikat *airline* antarabangsa Virgin Airline di Australia. Dia sudah turunkan itu *fuel charges* dan di Eropah itu Lufthansa telah turunkan *fuel charges by more than 10%*. Dan Singapore Airlines juga telah turunkan *fuel charges* tetapi kenapa MAS Airlines dan AirAsia tidak turunkan *fuel charges* nya? Adakah ia tindakan mereka selaku itu serupa dengan Kerajaan Barisan Nasional satu penipuan terhadap rakyat Malaysia? Oleh itu saya seru kerajaan supaya menurunkan dan UPE supaya menimbang, menurunkan harga diesel dan petrol di negara kita.

Itu perkara satu, perkara kedua adalah mengenai perkataan-perkataan yang telah disebutkan oleh pemimpin jiran kita Lee Kuan Yew. Mengenai "*Chinese in Malaysia, is systematically marginalize*". Saya anggap perkataan ini adalah benar dan saya berasa kesal terhadap reaksi-reaksi yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara kita. Semasa itu kritikan dibuat oleh jiran kita dan ini adalah hakikat, hakikat di negara kita. *Chinese* di *marginalize systematically* tetapi pemimpin-pemimpin Cina, pemimpin-pemimpin di dalam Barisan Nasional mengutuk Lee Kuan Yew atas perkataan yang sangat benar ini. Saya harap EPU boleh bertimbang dengan seriusnya dan menukarkan polisi-polisi setakat ini yang *marginalizing the Chinese* dan *including the Indian*. *Systematically marginalize Chinese* dan *Indian*, dan orang Dayak, Iban di Sarawak dan juga Kadazan Dusun di Sabah.

Ini adalah satu hakikat yang benar yang telah berlaku di negara kita berdekad-dekad sudah. Masa ini sudah sampai untuk kita memperbetulkan polisi kita supaya kita mengamalkan meritokrasi ini adalah untuk masa depan negara kita dan untuk kebajikan semua rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 04000 - Penyeretaan Bumiputera Pulau Pinang. Saya ingin tahu selepas mengadakan jawatankuasa ini apakah kejayaannya? Adakah bumiputera di Pulau Pinang lebih maju, lebih berdikari dan mereka lebih mampu bersaing dengan bangsa lain? Ataupun mereka jauh lebih mundur lagi kerana dikatakan bahawa bumiputera di Pulau Pinang telah dipinggirkan kalau berbanding dengan bumiputera di tempat-tempat di negeri yang lain. Jadi saya, apakah *standard committee* ini?

Adakah mereka bekerja, mereka tidur ataupun mereka hanya memberi kekayaan kepada segelintir orang sahaja? Jadi kebanyakan bumiputera di Pulau Pinang dipinggirkan, tetapi pada masa yang sama mereka yang di UMNO itu telah menjadi kaya.

Yang kedua ialah, 16400 – Pembangunan Masyarakat dan Pembersihan Sungai Pelbagai Negeri. Saya ingin tahu sama ada peruntukkan di bawah butiran ini telah diberi kepada Pulau Pinang seperti pembersihan Sungai Pinang dan juga Sungai Juru yang dikatakan sungai yang tercemar sekali di South East Asia. Sungai ini telah membawa masalah banjir dan juga masalah kepada masyarakat di tepi sungai seperti nelayan. Jadi saya ingin tau apakah peruntukkan yang diberi, adakah peruntukkan ini juga memanfaatkan Sungai Pinang dan juga Sungai Juru.

Mengenai perpaduan dan integrasi nasional, saya juga bersama-sama mengutuk apa yang dikatakan oleh Menteri Besar Johor yang juga ialah seorang pemimpin UMNO. Dan ini adalah masalah kita hari ini ialah UMNO, pemimpin UMNO tidak faham polisi Kerajaan Barisan Nasional yang tunggakannya ialah dari UMNO. Kita masih ingat bahawa apabila Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dari MCA yang dikatakan membongkar atau memberi kenyataan tentang penyelewengan peruntukkan yang digunakan untuk membaiki bangunan sekolah sebanyak RM30,000 dan hanya RM3,000 sahaja di guna untuk pekerjaan tersebut tetapi RM27,000 itu telah lenyap atau lesap. Tak tau pergi mana lah.

Oleh kerana membongkar perkara ini, beliau diberi amaran oleh Kabinet kerana tidak mengikut apa yang dikatakan peraturan di dalam Barisan Nasional. Jadi adakah Menteri Besar ini di Johor...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini saya tak nampak ada berkaitan dengan butiran...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan juga ini juga mengenai perpaduan, jadi perkataan beliau akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah ini peruntukkan ada berkaitan juga...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, saya hanya membanding apakah, apa yang beliau kata sebagai contoh. Kerana saya rasa ramai pemimpin MCA telah protes dalam surat khabar. Itu Gerakan pun protes...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bersetuju tetapi bukan untuk ambil masa ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, yang contoh ialah apakah Kabinet akan buat ke atas percakapan seperti itu yang bertentangan dengan polisi Barisan Nasional sendiri? Atau pun kerana beliau dari UMNO jadi apa yang dia cakap boleh di maafkan, tak apa tetapi apa yang di cakap oleh timbalan menteri kerana dari MCA dia mesti di sensual atau di arahkan untuk mintak maaf. Adakah ada dua standard untuk pemimpin MCA dan juga pemimpin UMNO walaupun mereka sama-sama di dalam Barisan Nasional?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ucapan dasarnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang kedua, saya rasa dan mengatakan bahawa kita hari ini ada *perceived corruption* yang *in-depth perceived corruption* oleh Transparency International mengatakan bahawa kedudukan Malaysia telah jatuh ke tempat yang ke 44 dari 39 tahun 2004 dan 2005. Tahun 2003 ialah di tempat yang ke 37. Ini menunjukkan bahawa usahanya atau usaha Perdana Menteri tidak berhasil untuk membanteras korupsi. Kita mesti tahu apakah sebabnya? Apakah sebabnya? Walau pun telah diwujudkan Institut Integrasi Malaysia hendak melawan korupsi tetapi tidak berhasil. Apakah sebabnya?

Saya rasa sebabnya ialah kita tidak mengadakan perubahan struktur. Kita tidak memberi lebih kebebasan kepada media untuk membongkar isu-isu korupsi, tetapi kita memberi tahu dan menekankan media supaya jangan membongkar isu-isu seperti ini.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan Barisan Nasional mengadakan *Freedom of Information Act* supaya membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional betul-betul ingin membanteras korupsi dan bukan secara slogan sahaja dan apabila pilihan raya untuk memberi cakapan yang manis sahaja.

Selain daripada itu, kita perlu adakan suatu undang-undang supaya mengarahkan semua Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai tinggi serta keluarga mereka untuk mengumumkan harta benda yang mereka ada setiap tahun. Ini adalah dikatakan oleh *Transparency International*. Kedua-dua cara ini ialah cara yang berkesan untuk membanteras korupsi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, banyak lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hah, masa cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa mengapa kerajaan tidak mahu mengadakan kedua-dua cadangan ini dan menerima kedua-dua cadangan ini, bukan daripada pihak DAP sahaja tetapi juga daripada *Transparency International*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau Kerajaan Barisan Nasional betul-betul ingin membanteras korupsi, inilah dua cara yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sudah cakap Yang Berhormat tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Diterima pakai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sila duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagi Sekijang.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, mengapa tiba-tiba lagi tambah?...
[Ketawa] Baiklah, baiklah. Sekejap, okay.

12.33 tgh.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Unit Perancang Ekonomi.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap sesama sendiri]*

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Ada lagi yang hendak bercakapkah? Sudah habis, diamlah, sekarang saya punya *turn...* *[Disampuk]*

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Apa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adalah, adalah.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Saya ingin menyentuh tentang pembinaan jalan di antara Segamat dan Tangkak, yang mana jalan negeri telah pun dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan juga oleh JKR Negeri Johor dan diletakkan keutamaan nombor satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Sekijang juga Yang Berhormat bagi Kulai.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kulai sokong, terima kasih. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan, pembinaan ini tidak dimasukkan dan saya kluatir juga kerana apabila Johor Selatan di bawah Pembangunan Wilayah yang dinamakan Pembangunan Wilayah Iskandar dan juga di Johor Utara tidak ada pembangunan, jadi keadaan ketidakseimbangan ini akan berlaku dan ini tentunya untuk pembangunan wilayah begitu cantiklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Tujuan Yang Berhormat supaya projek ini dikaji semulalah? Dapat dilaksanakanlah.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Surat projek ini dapat dipertimbangkan semula terutamanya dalam

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bolehlah. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: ...*Mid-terms review* supaya penduduk-penduduk di Johor Utara juga mendapat faedah yang sama supaya pembangunan ekonomi di Johor Utara juga dapat berkembang dengan pesat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Putatan.

12.35 tgh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu Butiran 020000 – EPU. Apa yang kita lihat Tuan Pengerusi adalah banyak dasar-dasar kerajaan yang dirangka dalam RRGP3 iaitu OPP3 yang tersenarai dalam MAPIN2 iaitu perkara soal dengan bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak.

Kalau kita lihat dokumen-dokumen RMK-8 pada muka surat 81 perkara 3.50 maka tersenarailah *ethnic group* yang memerlukan pembangunan ekonomi dan saya menyarankan di sini oleh kerana dalam bajet 2007 ini tidak tersenarai, tiada butiran bagi kemajuan ekonomi golongan ini, saya mencadangkan supaya *mid-terms review* nanti satu butiran khas untuk mengkaji perkembangan atau penilaian di peringkat bukan bumiputera terutamanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Tumpat.

12.36 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara 070000 – Perkhidmatan Guaman. Sebagaimana yang kita baca dalam akhbar hari ini dan laporan-laporan berita dan TV semalam tentang kes liwat Sukma telah dibebaskan.

Ini adalah keputusan oleh Peguam Negara tidak lagi meneruskan kes ini kerana tidak ada bukti-bukti baru yang Peguam Negara ada setelah kes ini berlanjutan selama lapan tahun dan setelah ia ditolak oleh Mahkamah Rayuan dan diarahkan supaya kes ini dibicarakan semula.

Tuan Pengerusi, kes ini adalah penting sebagaimana kita tahu dia telah menyebabkan pergolakan politik selama lapan tahun yang lalu berpunca daripada tuduhan bahawa pemimpin kerajaan ketika itu Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri telah dituduh sebagai meliwat orang-orang termasuklah Sukma yang telah dituduh membenarkan diri beliau diliwat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Sekarang ini mahkamah telah menerima bahawa tidak ada kes tentang ini. Seruan saya tidak ada kaitan dengan masa depan politik sesiapa ataupun masa lampau politik sesiapa tetapi adakah kerajaan, adakah Jabatan Peguam Negara akan membuat sesuatu *inquiry* dalaman atau *inquiry* terbuka untuk menyelidik kenapa dan bagaimana suatu penuduhan yang berat terhadap seorang pemimpin negara yang begitu tinggi ketika itu boleh dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara, boleh dilakukan oleh Peguam Negara.

Dan hanya selepas lapan tahun baru Peguam Negara mengakui bahawa tidak ada kes untuk diteruskan terhadap beliau itu.

Kedua Tuan Pengerusi, sebagaimana Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sebutkan tadi tentang perkara rasuah dalam negara ini. Saya tahu Yang Berhormat Menteri biasanya akan mengatakan betullah kita jatuh daripada 39 kepada 44 sebab jumlah negara yang diambil kira pun meningkat daripada 158 kepada 163 tetapi untuk mengingatkan Yang Berhormat Menteri supaya tidak mengulangi jawapan itu. Maklumat juga mengatakan bahawa markah yang kerajaan dan negara kita perolehi kalau tahun lalu 5.1, tahun ini 5.0. Maknanya markah *rear absolute reason*, dan, *calculation* dengan izin, pun menunjukkan kita jatuh dari segi rasuah ataupun bermakna kadar rasuah negara kita meningkat berbanding dengan tahun lalu.

Point ketiga Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Suruhanjaya Pilihan Raya adalah badan yang penting maka dengan sebab itu parti PAS telah banyak kali merayu supaya ada perubahan-perubahan dan pembetulan-pembetulan dan pembaikan-pembaikan. Kita telah menulis surat dan ini jawapan daripada SPR, saya petik dua perkara.

Pertamanya kita tegur tentang undi pos yang mana ia telah membebaskan pemerhatian yang membolehkan penipuan-penipuan, ia membolehkan komander-komander pasukan-pasukan keselamatan untuk menentukan undi kepada parti kerajaan sahaja dan sebagainya. Jawapan ringkas SPR yang telah akan saya baca semuanya, dia kata ini adalah amalan antarabangsa maka tidak boleh ditukar.

Dalam *point* yang satu lagi, kita menuntut supaya cap jari kepada pengundi-pengundi. Walhal cap jari itu adalah amalan antarabangsa negara demokrasi yang tertua di Asia seperti India pun cap jari, dan banyak negara mengamalkan amalan cap jari supaya tidak ada peluang untuk mengundi dua, tiga atau empat oleh seseorang pengundi.

Jawapan di sini pula, tidak menggunakan alasan amalan antarabangsa. Dia kata ini bercanggah dengan amalan agama, melibatkan amalan agama.

Setakat yang saya tahu, agama Islam tidak menghalangnya, agama-agama lain dalam seluruh dunia tidak menghalang daripada cap jari ini dilakukan oleh SPR. Jadi, saya mendesak SPR supaya tidak berdolak-dalik, tidak menggunakan alasan untuk satu kes, alasan yang lain pula, kes yang lain yang bercanggah dengan amalan yang dihujahkan awalnya. Inilah *point* saya, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

12.40 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin berucap mengenai perkara Unit Perancang Ekonomi. Tuan Pengerusi, faktor utama ia diwujudkan di antaranya ialah memberi syor-syor dan pengakuan kepada kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dan mengukuhkan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, nampaknya perkara-perkara atau apa yang dibuat oleh EPU ini tidak membawa apa-apa kebaikan terutamanya kepada masyarakat-masyarakat yang terpinggir seperti masyarakat India, Orang Asli dan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana tekanan masa, saya akan terus khusus berkaitan dengan masyarakat India.

Tuan Pengerusi, kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa masyarakat India, dengan izin, *has got the highest alcoholic rate, highest dropout rate* dalam sekolah-sekolah, *highest unemployment rate, highest society rate, highest* dalam kes-kes *criminal* di negara ini. Jumlah 33% kes-kes *criminal* di negara ini adalah berkaitan dengan masyarakat India dan lebih daripada 50% orang-orang yang ditahan di Simpang Renggam adalah orang India.

Jadi, apakah syor-syor yang dibuat oleh EPU dan dikatakan lebih daripada 30% daripada masyarakat India tidak mempunyai rumah langsung - kepunyaan mereka sendiri? Ini berbanding dengan masyarakat-masyarakat yang lain, masyarakat Melayu kurang daripada 25%, masyarakat Cina kurang daripada 16%. Ramai di antara masyarakat India tinggal di setinggan-setinggan. Apakah yang telah dibuat oleh EPU untuk mengatasi masalah-masalah ini?

Dan, syor-syor yang dibuat di antaranya oleh *Centre for Public Policies Studies* dan banyak NGO. Di antaranya adalah mengesyorkan supaya kerajaan sediakan satu agensi yang kena-mengena terus, spesifik kepada masyarakat ini supaya tiap-tiap tahun pengagihan sekurang-kurangnya RM1 bilion dan wang ini diguna pakai untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam sistem di negara ini dan agensi ini melaporkan terus kepada Parlimen. Setiap tahun adakan *review* supaya pihak yang terlibat, pihak-pihak yang mundur, dipinggirkan dapat mengatasi. Dan juga boleh adakan *benefit* dalam sistem yang sedia ada di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, dalam kajian-kajian yang telah dibuat – oleh kerana tekanan masa saya terus pergi. Di antara perkara-perkara yang disyorkan adalah pihak-pihak yang disingkir atau dikeluarkan dari estet-estet, diberi tanah-tanah, diberi pelajaran usahawan-usahawan supaya mereka juga akan dapat manfaat dan juga *child care centers*, mengadakan *improving quality of live of plantation workers* dan program kepada pemuda-pemudi. Apakah ini tidak langsung diambil kira oleh EPU?

Dan, juga program-program yang spesifik, *skill training program* dan juga *scholarship* untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti. Oleh kerana ramai di antara masyarakat India, walaupun ada kelayakan untuk masuk ke universiti tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana kerajaan tidak ingin atau tidak memberi peluang-peluang kepada masyarakat-masyarakat ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin juga membangkitkan apakah pemantauan kerajaan mengenai Maika Holdings Berhad. Pada tahun 1983 lebih dari RM100 juta telah dikutip daripada masyarakat India dan dalam proses ini masyarakat India melabur dalam syarikat ini adalah kerana kerajaan

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa dia sensitif? Saya tidak ada masa.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, saya tidak sensitif, saya bangun untuk mendapatkan penjelasan. Kenapa Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata saya sensitif?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, biar saya habiskan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya bangun hendak tanya. Saya sebagai Ahli Parlimen...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan. Cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Pasal dia menyentuh suatu perkara yang salah, Tuan Pengerusi. Saya hendak menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini perkara yang berkaitan dengan kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, lebih daripada RM160 juta telah dikutip daripada masyarakat India untuk menolong masyarakat India. Pada masa itu Menteri telah memberi janji...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana boleh kaitkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berkaitan dengan apa yang

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini tidak ada kaitan Tuan Pengerusi. Tidak ada kaitan langsung. Ini adalah satu entiti yang peribadi, yang mempunyai mekanisme pemantauannya sendiri oleh kerajaan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila saya tanya satu soalan kepada kerajaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi, apakah pemantauan kerajaan....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sangkaan buruk, Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:Kerana masyarakat India telah melabur wang ini atas syor atau pendirian Menteri dari Sungai Siput pada masa itu. Hingga sekarang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti siapa akan jawab sebab tidak berkaitan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, ini tidak ada kaitan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Berkaitan dengan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Niat Yang Berhormat ini salah, Tuan Pengerusi. Niat beliau salah untuk memesongkan Dewan. Ini tidak ada kaitan dengan butiran-butiran untuk dibahaskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak perlu takut, tidak perlu takut. Ini benar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya tidak takut. Saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa Speaker?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: MIC sendiri tipu masyarakat India.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Masyarakat India telah ditipu bukan sahaja oleh kerajaan tetapi oleh MIC sendiri. Ini orang yang dipercayai.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini adalah sangkaan buruk. Tuan Pengerusi, ini satu sangkaan yang buruk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sepuluh tahun lebih tidak ada dividen langsung.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Izinkan saya memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan masanya untuk.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Izinkan saya, saya boleh beri penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit lagi, sedikit lagi. Tuan Pengerusi, satu lagi adalah mengenai sumber manusia – 01000.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1980 masyarakat Cina terlibat sebagai kakitangan kerajaan 29.7%, masyarakat India 9.8% dan pada tahun 2006, sekarang masyarakat Cina sudah turun hingga 8% dan masyarakat India hanya kurang daripada 5%. Jadi, apakah strategi-strategi yang sedia ada selain dari menyatakan bahawa masyarakat ini digalakkan untuk mengambil peluang-peluang yang diberi oleh kerajaan.

Macam mana mereka juga akan diambil sebagai kakitangan dalam sistem – *civil service* yang sedia ada, untuk memberi galakan-galakan yang tertentu. Adakah masanya sudah tiba supaya kita ada kuota, supaya sekurang-kurangnya 30% untuk masyarakat bukan Melayu diserap sebagai kakitangan kerajaan.

Tuan Pengerusi, Jabatan Perpaduan dan Integrasi. Semalam, dua hari dahulu di Ipoh ada perkara yang besar di kawasan saya di mana lebih daripada, bukan 300 seperti yang dinyatakan di surat khabar, saya sendiri telah pergi ke *church* tersebut, lebih seribu orang, di antaranya ialah Mat Rempit yang datang ke sana yang ingin mengacau. Semalam, pukul 9.30 batu-batu telah dibuang di gereja tersebut dan beberapa orang telah tercedera.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak di mana tindakan bukan sahaja oleh polis, tetapi orang ramai perlu diberi perhatian supaya perkara-perkara sensitif dapat diambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh.... [*Disampuk*] Lebih daripada 2,080 orang kakitangan kerajaan tidak mengisytiharkan harta-benda mereka kepada kerajaan.

Jadi, soalan saya apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka? Baru saya baca dalam Malaysia Kini, dikatakan bahawa lebih daripada 100,000 kakitangan kerajaan tidak memberi apa-apa laporan kepada pihak-pihak berkenaan dan adakah kerajaan rela dan sudi supaya mereka laporkan terus kepada Parlimen dan bukan kepada Perdana Menteri atau kerajaan di mana pihak-pihak ini tidak tahu?

Macam Ahli-ahli Parlimen di Australia, di England dan New Zealand, jika mereka menggunakan apa-apa *benefit members interest* ini perlu disiarkan di dalam internet supaya semua orang tahu, mana dia pergi, apa bonus dia dapat, berapa dia punya - ini adalah satu perkara yang perlu dilihat.

Dan, akhir sekali, ini mengenai Speaker, saya harap kerajaan akan ambil perhatian bahawa soal jawab, supaya kita ada dengan spesifik soalan yang ditanya dan bukan macam buat ucapan. Saya telah beritahu beberapa kali, macam di Kanada setiap kali seorang Ahli Parlimen bangun dia hanya diberi dua minit untuk bertanya soalan dan kerajaan hanya diberi dua minit untuk menjawab soalan. Ini akan memberi lebih peluang kepada semua orang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

12.49 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Unit Perancang Ekonomi. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional kerana melalui dasar-dasar memajukan agenda Melayu dan bumiputera telah berjaya mencapai prestasi yang memenuhi matlamat, iaitu pegangan Melayu dan bumiputera di Bursa Saham telah mencatat peratusan 36% atau nilainya mencecah RM78.4 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan pada pagi ini telah menyatakan mengikut laporan yang diserahkan kepada Bursa Saham menunjukkan peratusan kepentingan Melayu dan bumiputera di dalam syarikat-syarikat yang telah tersenarai yang mempunyai ekuiti yang melebihi 30% sudah mencapai 41% tetapi dalam kes ini, Tuan Pengerusi, pihak kerajaan tidak rela menerima ucapan tahniah atas usahanya mencapai matlamat kaum bumiputera mencapai ekuiti korporat sebanyak 30%. Kerajaan masih menganggap matlamat belum tercapai dan terus mengubah dasar-dasar untuk mengejar matlamat ini dan mahukan NEP itu menjadi *network ending policy*.

Jadi, Unit Perancang Ekonomi perlu merancang untuk memenuhi aspirasi politik UMNO untuk memajukan agenda Melayu yang menjadikan teras Misi Nasional Perdana Menteri.

Apa yang membimbangkan ialah dalam mengejar matlamat agenda Melayu ini, Unit Perancang Ekonomi akan memperkenalkan rancangan dan aktiviti-aktiviti yang menjejaskan kadar persaingan negara di samping menjejaskan hak dan kepentingan lain-lain kaum di negara ini. Setelah mencapai kejayaan ini saya menyeru Unit Perancang Ekonomi untuk memberi perhatian kepada usaha pengagihan kekayaan di dalam setiap kaum sebab jurang semakin bertambah buruk sehingga menjadikan rakyat yang miskin menjadi lebih miskin.

Saya juga berharap Unit Perancang Ekonomi juga memberi pertimbangan kepada kepentingan rakyat dan bukan semata-mata menjaga kepentingan syarikat yang mempunyai pertalian politik apabila EPU memilih syarikat konsesi untuk melaksanakan projek-projek yang mempunyai impak yang besar kepada ekonomi kita. Kerajaan telah mengumumkan banyak projek dan ada yang akan dibiayai melalui PFI. Saya ingin tahu sama ada EPU akan memastikan janji Perdana Menteri untuk mengadakan sistem tender terbuka dan telus dapat dikotakan. Saya ingin tahu mengapa projek PFI seperti jambatan kedua negeri Pulau Pinang tidak ditawarkan melalui tender terbuka tetapi kepada UEM begitu sahaja. Apakah EPU dapat memastikan kontraktor-kontraktor tempatan di negeri Pulau Pinang juga dapat manfaat daripada pelaksanaan projek jambatan kedua?

Saya juga ingin tahu bilakah EPU akan menandatangani perjanjian konsesi untuk projek *Penang Outer Ring Road* dan apakah syarikat konsesi telah dapat menunjukkan kemampuan kewangan mereka untuk membiayai projek yang bernilai RM1.02 bilion ini? Saya juga berharap, EPU sebagai satu agensi kerajaan yang amat penting dapat melaksanakan tugasnya atas pertimbangan apa yang baik untuk negara dan bukan semata-mata mengikut arahan atas pertimbangan politik.

Butiran 010300 Lembaga Penasihat, sebuah lembaga penasihat didapati di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu apakah fungsi lembaga ini? Baru-baru ini Perdana Menteri telah dikecam dan dikritik oleh pihak-pihak tertentu termasuk Tun Dr. Mahathir Mohamad. Antara kritikan ini mendakwa Perdana Menteri tidak mempunyai pengetahuan mendalam dan *expertise* dalam menguruskan pentadbiran sebuah kerajaan. Mereka juga mendakwa bahawa Perdana Menteri cuma menerima nasihat dari ahli-ahli keluarganya termasuk anak dan menantunya, Khairi Jamaluddin. Oleh itu wujudkan percanggahan kepentingan dalam keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri.

Siapakah sebenarnya panel penasihat Perdana Menteri? Kita cuma tahu Perdana Menteri mempunyai seorang penasihat agama. Apakah nasihat yang diberikan kepada Perdana Menteri sehinggakan pertikaian agama dan isu-isu agama menjadi-jadi di negara ini? Apakah Perdana Menteri telah melantik penasihat ekonomi atau penasihat sains dan teknologi seperti yang diamalkan oleh bekas Perdana Menteri yang lepas.

Butiran 250000 - Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Butiran 040000 - Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Di bawah jagaan Perdana Menteri yang datang dari negeri Pulau Pinang.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua lagi Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya teruskan. Walaupun begitu menantu Perdana Menteri telah membidas agensi-agensi dan kerajaan negeri yang menyebabkan Melayu dipinggirkan di negeri Pulau Pinang, negeri Perdana Menteri sendiri dan bahawa orang-orang Melayu terhimpit di kawasan Balik Pulau.

Ini satu dakwaan yang perlu diberi perhatian mengapa rakyat Melayu merasa terpinggir di sebuah negeri yang mempunyai Perdana Menteri yang pada masa-masa dahulu mempunyai dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Perdana Menteri sendiri sebelum menjadi Perdana Menteri. Ataupun segala usaha selama ini sudah salah sasarannya ataupun tidak mencapai sasarannya sehingga ada tokoh Melayu Pulau Pinang, tokoh UMNO duduk dalam banglo bernilai berjuta-juta ringgit di kalangan masyarakat yang masih miskin dan ada Ketua Bahagian UMNO yang menjerit, "Melayu dipinggirkan" sendiri menjadi pengarah dalam 56 buah syarikat.

Pertikaian Melayu dipinggirkan belum reda, naik pula dakwaan kaum Cina dipinggirkan secara sistematik oleh kerajaan yang menjadi isu yang hangat dibahaskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Akhirnya saya berharap Perdana Menteri dapat menunjukkan kepimpinannya dalam masa-masa yang mencabar ini di mana setiap rakyat merasa mereka terpinggir. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Saya terlupa mengenai *legal practice* di mana baru-baru ini *examination* ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Semasa Menteri menjawab boleh bertanya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kuota 10% *and there is a fee for legal practice is going up...*

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, dua minit sebelum saya jemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Nasib baik tanya.

12.57 tgh.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Sebagai bekas pentadbir, saya hendak melihat mengenai 030100 iaitu JPA - Pengurusan Sumber Manusia. Terima kasih. kepada kerajaan yang telah pun memaparkan *Key Performance Indicators* atau KPI dan saya hendak tahu tentang *rationalization* tentang KPI ini terutamanya dari segi individu dan juga dari segi *team work*. Apakah KPI ini dapat menjadikan *benchmarking* kita kepada kenaikan pangkat, tidak kira sama ada orang itu senior ataupun *junior*?

Keduanya, 030700 iaitu INTAN - untuk melatih sumber manusia yang berkualiti. Pada peringkat sekarang kadet PTD hanya diberi enam bulan sahaja di INTAN dan enam bulan lagi di lapangan iaitu di kementerian. Kebanyakannya di kementerian mereka menjadi *arrant boys*, tidak belajar apa-apa dan kita harapkan kita berbalik kepada modul yang dahulu, semasa saya menjadi penyelaras dahulu iaitu kita tempatkan mereka setahun, dengan itu dapat kita membentuk peribadi mereka bukan sahaja dari segi kecekapan tetapi juga dari segi mental. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Selepas Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, 2.30 petang, Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

12.59 tgh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang untuk menyentuh sedikit sahaja - 050000 iaitu mengenai dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat keputusan Majlis Raja-Raja 1968, perlu mewujudkan satu urus setia untuk menyelaraskan hal-ehwal Islam ini terutamanya menjaga kesucian akidah dan ajaran syariah Islam. Dua sahaja, kehendak Raja-Raja. Maka, apabila kita melihat perkembangan semasa, diperluaskan aktiviti. Walaupun begitu saya tidak hendak kita hilang arah tuju kerana kita tahu bagaimana hendak menjaga akidah, bagaimana hendak menjaga kesucian syariah termasuklah dalam itu *Halal Hub*, termasuklah dalam itu segala-galanya Islam Hadhari.

Kita ikut perkembangan semasa, maka dengan sebab itulah saya hendak supaya bukan sahaja kita berdakwah di hotel besar-besar, belanjanya besar. *Why not* kita berdakwah di Parlimen belanjanya kecil. Kalau di hotel habis RM30,000 di Parlimen habis RM3,000 sahaja bagi satu siri. Itu sebagai contoh - *for example*.

Bukan bermakna kita tidak boleh buat di hotel-hotel besar maka dengan sebab itu kita hendak dakwah ubah sedikit. Bukan lagi dakwah secara berlisans, dakwah secara berceramah, orang sudah jemu berceramah. Kita ubah sikit cara *bilhal*. Kalau kita lihat masalah-masalah dok naik motor, mat rempit kah apa, kita cuba tarik *the rocker* ini bawa ke satu bengkel yang belanjanya kecil. Kita beri dia dengan secara psikologi. Makan sikit, bual sikit, dia akan menangis. Insaf. Di situlah kita tanam cara berdakwah *bilhal*.

Kalau kita tengok banyak sangat di Chow Kit ini dok lacur diri, ambil dia, tanya kenapa awak lacur diri. Kerana desakan hidup, bapak saya tidak boleh bagi makan, ibu tidak boleh bagi makan. Kita ambil dia, *train* dia, bagi modal RM10,000 daripada Baitulmal, beri dia berniaga. Kalau Mak Nyah, kita tengok keadaan dia dok cari secara haram itu kita panggil dia, bagi modal untuk dia dandan rambut atau apa kah. Ini cara *bilhal*, sebagai contoh.

Jadi, saya hendak menyentuh sikit, Tuan Pengerusi, mengenai dengan perundangan Islam. Kalau kita tengok dalam perundangan ini, cukup baik dari segi objektifnya iaitu untuk membangunkan sistem perundangan Islam yang seragam, cekap dan berkesan bagi menegakkan keadilan dalam semua aspek. Kita lihat bahawa undang-undang ini belum diselaraskan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapa negeri lagi yang belum diselaraskan undang-undang Islam? Berapa negeri yang sudah wujud satu undang-undang kehendak Perlembagaan untuk menjaga kesucian akidah umat Islam supaya tidak diganggu-gugat oleh agama-agama lain? Kita tidaklah boleh menyalahkan agama lain sebab agama lain ada tujuan dia berdakwah. Kita hendak umat Islam ada peruntukan Perlembagaan, buat undang-undang. Kawal betul-betul. Kalau didapati menyalahi ambil tindakan di bawah keselamatan negara.

Keduanya, kalau kita tengok bab khalwat. Saya amat sedih, Tuan Pengerusi. Kalau kita tengok khalwat ini ia tidak akan habis sampai kiamat sebab benda sedap, benda pun tidak rugi. Benda boleh dapat duit tetapi saya rasa masyarakat mana pun tidak suka lacur diri kalau tidak sebab desakan hidup kerana hari ini sudah berubah menuju arus 2020 ini begitu berubah cara *cost of living* pun meningkat dan sebagainya, maka dia terpaksa melacur diri tetapi hak tabiat lacur diri itu, itu hobi dia.

Akan tetapi ini hendak cerita yang banyak yang kita *interview*, semasa saya Pengarah JAWI dulu, saya menangis melihat seorang gadis yang cukup cantik, jelita, rupawan tetapi dia kata oleh kerana desakan hidup dia terpaksa jadi GRO. Ini ertinya kita kena mendekati dia, dakwah *bilhal*, beri dia kerja mengikut kebolehan dia, *skill* dia, kemudian kita boleh membasmi gejala-gejala negatif ini dengan cara GRO dan sebagainya. Ini saya rasa pendekatan yang baik.

Maka saya hendak cadangkan bahawa undang-undang yang diselaraskan ini di seluruh negara hendaklah dilaksanakan. Kalau undang-undang ada, kita tidak laksana pun tidak berkesan. Saya hendak tanya berapa negeri sudah laksanakan undang-undang yang kita telah gazet terutamanya mengenai dengan kekeluargaan yang telah dilaksanakan. Saya minta statistik berapa yang telah dilaksanakan, berapa kes dan berapa hukuman yang diberi.

Maka saya rasa cukup puas hatilah dengan keadaan kita dalam Malaysia sebuah negara Islam. Saya harap parti-parti pembangkang jangan ungkit lagi cerita ini. Dalam perkara 3(1) "*Islam is the religion of the Federation*". Islam adalah agama Persekutuan. Saya tidak pernah kata agama rasmi, tetapi Raja-Raja mengatakan dalam mesyuarat yang saya sebutkan tadi pada tahun 1968, dia kata Malaysia sebuah negara Islam, hendak kena jaga kesucian akidah syariah ini. Ini Raja-Raja. Kerana agama adalah *state matter*, Raja sebagai *head of the religious*, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Maka saya rasa tidak ada sangsi lagi Malaysia sebuah negara Islam, aman damai. Hendak dikatakan rasuah pun malaikat dan tuhan sahaja tidak rasuah, tetapi kita akan mengurangkan rasuah, bukan boleh kita boleh basmi seratus peratus. Bagi saya mustahil kita boleh basmi seratus peratus. Fasal *human error*, masalah manusia, sudah baik akan mari yang tidak baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini sudah keluar.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya rasa ini sudah betul, tidak lari daripada kepala 050000. Dengan ini saya ambil peluang supaya kita hidup bersatu padu, aman damai walaupun salah betul kita sama-sama baik. Itulah harapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan diselesaikan dan Dewan bersidang semula.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.05 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Jabatan Perdana Menteri menjawab dalam peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari esok, 8 November 2006”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

*[Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, saya minta mulakan penggulungan.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Pertamanya saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan perkara-perkara yang berbangkit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin memberi sedikit penjelasan berkenaan perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan soal BPR khususnya berkenaan dengan apa yang telah dibangkit berkenaan dengan pandangan yang saya buat di dalam akhbar yang menggambarkan seolah-olah BPR tidak boleh menyiasat kes yang ada kaitan dengan wang politik.

Saya ingin menyatakan di sini pertama sebelum saya bagi penjelasan iaitu BPR dan pendirian saya sendiri juga boleh menjalankan siasatan berdasarkan undang-undang sekiranya sesuatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah atau APR tahun 1997 telah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, bukan semua salah laku adalah merupakan kesalahan di bawah APR 1997 dan setiap organisasi atau badan pertubuhan mempunyai *set of rules* dengan izin, yang tersendiri dan perihal salah laku tersebut mungkin berbeza dengan inti pati kesalahan yang ditetapkan di bawah APR dan organisasi tersebut bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan sendiri.

Jadi dalam hal ini saya ingin menyatakan iaitu bahawa sememangnya di dalam kenyataan akhbar yang keluar saya sebenarnya telah dilawati oleh seorang *reporter* yang telah bertanya kepada saya berkenaan dengan seksyen 17 di mana di bawah Akta APR mengatakan bahawa itu adalah menjadi kesalahan kalau sekiranya seseorang itu yang telah ditawarkan untuk diberikan rasuah dan beliau menolak maka adalah menjadi kesalahan kalau dia tidak melaporkan usaha untuk merasuahi dia. Jadi ini ada kaitan dengan seorang pegawai yang telah pun meletakkan jawatan kerana dalam wawancara beliau telah menyatakan bahawa ada satu ketika beliau telah pun ditawarkan dengan wang dan dia tolak.

Maka berdasarkan kepada perkara itu BPR telah mengambil tindakan untuk menyasat dia di bawah Seksyen 17. *Reporter* itu berkata kepada saya itu adalah tidak adil kerana sebenarnya dia tidak ambil tetapi saya beritahu kepada dia di bawah seksyen 17 ianya merupakan kesalahan dan walaupun mungkin dia tidak tahu bahawa itu merupakan kesalahan tetapi di mana-mana di dalam dunia ini pun *ignorance of the law is no defense*. Jadi tidak salah untuk BPR mengambil tindakan terhadap beliau kerana gagal untuk melaporkan.

Maka *reporter* itu tanya kepada saya kalau begitu dia kata maknanya UMNO pun salahlah kerana ada UMNO mengambil tindakan politik wang dan tindakan telah pun diambil tetapi UMNO tidak memberitahu kepada ACA bahawa perkara rasuah itu berlaku. Jadi saya kata kepadanya kalau kita hendak memanjangkan seksyen 17 ini kepada perkara-perkara seperti tindakan disiplin dalam parti saya kata itu agak sukar sebab saya kata saya bagi contoh tak akanlah kalau berlaku dalam satu keluarga seorang bapa beritahu kepada anaknya aku bagi kamu seringgit jadi nanti kalau kita bincang nanti jangan sokong emak awak, sokong saya. Jadi kalau budak itu tidak melaporkan kepada ACA dan akhirnya ACA akan tahu apakah perlu diambil tindakan kepada budak itu kerana itu merupakan hal dalam keluarganya. Begitulah juga dalam soal kita semua tahu iaitu bahawa sembahyang lima waktu itu dituntut kepada setiap orang yang beragama Islam dan kalau tidak sembahyang, salah tetapi apakah perlu pihak JAIS pergi ke rumah orang itu untuk melihat sendiri sama ada dia sembahyang atau tidak. Itu saya bagi saya punya gambaran. Itu pun saya kata itu pandangan saya.

Jadi mungkin *reporter* itu pun menulis dan gambarannya apabila keluar maka dibacakan iaitu seolah-olah bahawa saya kata UMNO tidak boleh diambil tindakan. Saya pesan kepadanya, "*Kalau you tulis; jangan tulis UMNO, tulis persatuan*". Dan saya kata ini pandangan saya tapi dia tidak terima nasihat saya, dia tulis UMNO. Jadi nampaknya seolah-olah saya membela UMNO. Saya bukan bela UMNO. Kalau UMNO buat politik wang memang kena siasat, tidak boleh lari tetapi saya berikan itu sebagai pandangan. Saya pun tidak tahu kalau ada kesalahan disiplin ACA tidak ambil tindakan. Saya cuba mengagak mengapa ACA tidak ambil tindakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap saya bagi jalan. Dan di antaranya saya kata mungkin kesalahan yang UMNO ambil tindakan itu sebenarnya lebih ketat. Perkara-perkara yang tidak merupakan kesalahan di bawah APR sebagai contoh macam bagi makan orang hendak bertanding, dia pakai duit dia bagi makan lepas itu dia berkempen. Itu dari segi APR tidak ada kesalahan tetapi dari segi UMNO, itu salah.

Jadi, itulah sebabnya mengapa kadang kala ada *sets or rules* di mana jawapan itu tadi yang dikenakan kepada persatuan yang tidak merupakan kesalahan di bawah APR dan tidak perlu diambil tindakan oleh pihak BPR.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri oleh sebab penjelasannya. Oleh sebab apa yang beliau laporkan, ini telah menimbulkan sesuatu yang memeranjatkan di negara ini, oleh sebab seolah-olahnya ia mengumumkan, mengisytiharkan satu doktrin baru di mana adalah kekebalan untuk UMNO di mana wang politik dan korupsi politik tidak boleh disiasat di bawah *Anti Corruption Act*, dan saya harap bahawa adakah dia harap dia boleh menegaskan bahawa tidak ada kekebalan ini bahawa UMNO atau apa-apa parti politik tidak menikmati kekebalan, imuniti dan apabila ada berlaku wang politik, ia boleh disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah atau BPR, yang pertama.

Yang kedua, kita tahu bahawa *money politics*, wang politik di UMNO satu masalah yang boleh kata disifat sebagai *terminal cancer*. *Terminal cancer*, sehingga ada tokoh-tokoh menangis, bahawa tidak berjaya untuk mencegahnya. Ini diakui oleh Yang Berhormat daripada Sri Gading. Sungguhpun dia buat bunyi, dia pun tahu. Inilah *terminal cancer* dalam UMNO, dalam negara. Itulah sebab akar umbi korupsi di negara kita. Saya mahu tanya, kalau UMNO tidak menikmati kekebalan, *in fact and in theory*, kenapa sampai sekarang tidak seorang dari UMNO dibawa ke mahkamah, disiasat? Dibawa ke mahkamah oleh sebab wang politik?

Bukankah ini menunjukkan, sungguhpun teori boleh diterima, bahawa UMNO tidak menikmati kekebalan, tetapi *in actual fact* bahawa mereka adalah bebas daripada siasatan dan bukannya ini satu petunjuk lagi, satu bukti lagi, kenapa kita perlu satu BPR yang bersih, yang bebas dan bukan di bawah jagaan Presiden UMNO selaku Perdana Menteri. Kita perlu satu ACA yang bukan di bawah Perdana Menteri yang ditunjukkan dalam *transparency international index* baru-baru ini, jatuh lima tempat.... [Disampuk] Apa, hah!? Ini serius! Tak tahukah? Jatuh! Malu! Malu negara, malu di dunia! Apa! Ha, ha, ha! [Dewan riuh].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tunggu DAP perintahlah!!!... [Dewan riuh].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang lebih UMNO ini. UMNO ini, kita ambil tindakan. Malah kita ambil tindakan tentang perkara yang saya sebut tadi, tak semestinya merupakan kesalahan di bawah APR, ya? Yang penting, kita ambil tindakan. Saya tak tahulah parti lain. Kita tidak ada *cover up*. Kita ambil tindakan dan kita tidak benar, dan saya ingin menyatakan, seperti yang saya katakan tadi, tidak ada kekebalan, tidak ada kekebalan tetapi untuk meletakkan Parlimen di bawah siapa? Letak di bawah Parlimen pun, nanti Yang Berhormat kata *brute majoriti*. Jadi, kita boleh pendam, serupa juga, bukan?... [Dewan riuh] Parlimen pun tak boleh. Kena letak bawah siapa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk tanpa pembesar suara].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa dia..., cuba ya? Tak boleh, try lah nanti. Yang Berhormat sendiri cakap, *brute majoriti*. Apabila Parlimen nanti diambil keputusan, sudah tentu Barisan Nasional 92%.... [Dewan riuh] Jadi kalau kita ambil tindakan untuk sesuatu perkara pun, walaupun kita betul, orang kata *brute majoriti*, pun juga menjadi pertikaian tetapi yang penting di sini, beritahu di sini bahawa tidak adil untuk mengatakan bahawa pihak BPR kita tidak bersih. Itu satu dakwaan yang tidak bertanggung jawab dan saya ingin mengatakan, jadi kita jangan merendahkan moral pegawai-pegawai kita, ya? Mereka bekerja keras, dan memang bila ada banyak kes, dia kena buat kerja. Dia kena buat penyiasatan cukup rapi sebelum tindakan yang seterusnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa Yang Berhormat sebut mengikut laporan Bank Dunia, *World Wide Governance Indicator* ini, usaha untuk mencegah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan merupakan usaha yang berterusan oleh kerajaan dan BPR. Ini menjadi komitmen kerajaan yang berpendirian tidak bertolak ansur sama sekali, terhadap kegiatan rasuah. Komitmen ini bukan dipengaruhi oleh atau desakan mana-mana pihak. Petunjuk tersebut berbentuk persepsi dan tidak menggambarkan keadaan sebenar tetapi walau bagaimanapun kita tidak ada *indicator* yang lain.

Saya ingin menyatakan di sini, selaku menteri yang bertanggung jawab di atas perkara rasuah ini, saya ingin menyatakan iaitu bahawa sememangnya kita tidak berpuas hati dengan apa yang diumumkan semalam, iaitu kita telah jatuh kepada lima tempat lagi. Daripada 39, tinggal 44 tetapi kita akan menjadikan ini sebagai dorongan untuk kita lebih bekerja. Kalau kita sudah pun buat sekarang ini, kita masih jatuh, ini tidak bermakna bahawa kita mesti hilang perasaan kesungguhan kita. Kita mesti bekerja terus, dan saya akan minta kepada pihak BPR untuk mendapat maklumat iaitu di sektor mana ataupun perkara apa yang telah menyebabkan kita jatuh ini supaya kita mesti perbetulkan ini dan kita mesti bekerja.

Bagi saya, kalau 39 tidak mencukupi. Saya mahu melihat supaya kita mempunyai tempat yang tinggi, ya? Mesti bekerja ke arah itu. Kalau tak boleh nombor satu pun, kalau *top twenty* pun cukup membanggakan tetapi, seperti mana yang saya sebut, kita akan menggunakan keputusan dibuat oleh indeks ini. Kita cari di mana kelemahan kita dan kita akan memperbetulkan untuk mempertingkatkan kedudukan kita di bawah indeks ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya bagi jalan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, ya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri kata bahawa dia tak puas hati tetapi masalah sudah sampai satu peringkat di mana tak puas hati tak cukup. Dia akan tanya, meminta BPR mengenai maklumat kenapa kedudukan begitu rendah. Sebenarnya, sebenarnya, bukankah ini menunjukkan kegagalan? Kegagalan usaha BPR, pun kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam tiga tahun beliau menjadi Perdana Menteri dan dengan slogan atau jaminan untuk membanteras rasuah. Tunjuk bahawa beliau sudah gagal dan ketiga, bukankah ini pun menunjukkan bahawa apa yang dikatakan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bahawa dalam pemerintahan sekarang, bahawa rasuah sudah muncul *above the table*. Itu benar. Dalam tahun 2003, apabila ada pertukaran kuasa, pertukaran perdana menteri, masa itu tangga kita di *transparency international corruption perception index* ialah 37, tahun 2003, 37.

Dalam tahun 2004, tahun 2005, dua tahun di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, jatuh dua tangga, 39. Sekarang jatuh lagi lima tangga, 44. Sungguhpun Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam awal 2004, sangat jelas bahawa tujuan matlamat Pelan Integriti Nasional ialah bahawa mencapai, menaikkan skor 5.2 mata yang dicatat oleh Malaysia pada tahun 2003, menjadi sekurang-kurangnya 6.5 mata. Sekarang jatuh lagi, sekarang ialah 5.0. Menjelang tahun 2008, serta mengubah kedudukan ke 37 daripada 133 negara menjadi sekurang-kurangnya kedudukan ke-30. Sekarang jatuh ke-44.

Bukankah ia menunjukkan bahawa dengan IM sahaja, dengan usaha-usaha *preventive* sahaja tidak *political will* untuk membanteras rasuah. Malaysia akan terus jatuh dalam tangga petunjuk ini dan satu petunjuk yang sangat mustahak untuk menunjukkan *competitiveness* Malaysia sama ada kita boleh berjaya dalam globalisasi, cabaran-cabaran globalisasi? Adakah Yang Berhormat Menteri buat satu kajian mengenai *transparency international corruption perception index* baru-baru ini? Malaysia sudah jatuh ke 44.

Ada lagi satu aspek yang sangat memalukan Malaysia ialah ada satu negara di Asia sekarang lebih tinggi daripada Malaysia sungguhpun untuk sepuluh tahun ini di belakang Malaysia. *We have been overtaken* oleh sebuah negara, *South Korea*. *South Korea* dalam tahun 2003, tangga 50. Masa itu kita di tangga 37. Sekarang *South Korea* sudah lebih atas dari Malaysia iaitu 42, kita 44. Kenapa kita dalam banyak-banyak aspek, kalah kepada negara-negara yang lain, jiran atau rantau ini mengenai *good governance indicators*. Bukankah ini menunjukkan bahawa kita ada satu krisis sama ada kita boleh berjaya untuk membanteras rasuah? Sebenarnya, kalau *Transparency International Corruption Perceptions Index* 2006 ada diumumkan pada minggu dulu, kita sekarang sepatutnya ada satu *ten dollar cut motion* untuk *Director General*.

Akan kah dia *resign* untuk tunjuk dia sudah gagal? Dia *resign* memikul tanggungjawab. Kita perlu ada satu budaya *resignation* apabila sudah gagal. Ini kegagalan yang besar. Semalam dia ada dalam satu *press conference*, menunjukkan bahawa dia tidak ada *sense of responsibility*.

Bolehkah kita ada satu jawapan yang memuaskan bukan sahaja tidak puas mengenai tangga yang begitu rendah sekarang, tetapi apa yang kita buat? Sudah tiga tahun Perdana Menteri yang baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau bekas Perdana Menteri Tun Mahathir bercakap, saya rasa waktu dia dulu pun ramai juga orang bercakap tentang rasuah ini. Jadi adalah tidak adil waktu kita sudah tidak jadi Perdana Menteri, kita bercakap tentang orang tetapi kita pernah menjadi Perdana Menteri. Waktu dahulu pun saya dengar Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun dok bercakap macam ini juga, marah dia. Jadi, kita tidak usah ambil kira apa yang dia cakap. Kerana dia ada agenda yang lain. Namun saya ingin beritahu di sini bahawa, kalau kita setuju bahawa rasuah ini macam terminal kanser, ini bermakna bahawa Yang Berhormat sudah *give-up* lah, *terminal cancer*...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah, dia sudah *give-up* lah sebab *terminal cancer*, *terminal*. *Terminal* maknanya memang tidak boleh ubat tetapi Barisan Nasional kita tidak putus asa cepat macam itu. Kita akan tetap lawan...

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [*Tepuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita akan tetap lawan dan kalau ia merupakan kanser, ianya bukan hari ini ada rasuah, hari ini keluar. Kanser ini bertahun-tahun. Jadi perkara yang menjadi rasuah ini sudah pun maknanya bermula dari lima, enam tahun dahulu. Jadi sekarang baru dia matang, baru jadi kanser. Jadi sekarang kita tanggunglah. Maknanya rasuah pada masa yang lepas dahulu, dibongkar sekarang. Bukan bermakna dia berlaku sekarang. Itu pun saya hendak beritahu iaitu bahawa apa yang kita hendak laksanakan ini ianya *mindset*. Bukan boleh kita ubah dalam masa satu, dua, tiga, empat, lima tahun.

Dia akan makan masa untuk menjadi satu budaya. Budaya tidak boleh wujud dalam masa satu, dua, tiga, empat, lima tahun. Budaya ini *over the years*. Budaya benci kepada rasuah mesti memakan masa dan kita jangan berputus asa. Sebab itu saya tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut seolah-olah kalau waktu Tun dahulu 37, sekarang sudah jadi 44. Maka ini bermakna rasuah banyak.

Akan tetapi *accumulative effect*, apa yang kita hendak buat ini akan makan masa. Ini tidak boleh dinampakkan dalam tahun ini. Saya tetap iaitu mengatakan bahawa saya tidak berpuas hati tetapi tidak berpuas hati bukan bermakna tidak buat apa-apa. Kita kena cari jalan, kita kena usaha, kita kena ikhtiar, jangan putus asa, lawan tetap lawan rasuah ini. Jadi sebab itu saya harap supaya Yang Berhormat, saya faham, jangan putus asa. Saya tahu Yang Berhormat sudah 60 lebih, jadi saya takut tetapi tidak apa, jangan bimbang, insya-Allah. Apa yang kita hendak lakukan, kita kata kita hendak lawan, kita akan lawan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak konsisten Yang Berhormat Menteri. Sesi yang lalu dia mengatakan bahawa kerajaan tidak mengambil tindakan terhadap masalah rasuah. Bukankah kerana banyaknya tindakan diambil, maka indeks kita itu menurun disebabkan oleh banyaknya kes-kes yang sekarang dikeluarkan oleh kerajaan. Yang diambil tindakan oleh kerajaan. Bukankah itu juga menunjukkan bahawa kerajaan sekarang ini prihatin dan *concerned* untuk mengatasi masalah ini. Sebab itu kes banyak dikeluarkan. Maka itulah indeks kita menurun disebabkan oleh tindakan kerajaan yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya cukup berminat kalau pandangan yang bernas macam ini. Memang betul lah.

Apabila kita ambil tindakan keras, keluar lagi banyak kes, maka sudah tentu orang kata banyak *corruption* tetapi dahulu mungkin tidak ambil tindakan sangat, jadi tidak banyak kes, nampak eloklah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran, satu cadangan yang baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saya tidak tahu apa logiknya Yang Berhormat bagi Beluran, itu *illogic* tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri sekarang mahu menyalahkan masa dahulu di bawah bekas Perdana Menteri. Masa itu dia pun dalam Kabinet. Adakah ini menunjukkan benar? Dahulu dia *half-past-six*, sekarang pun *half-past-six* atau *half-past-five*? Saya rasa ini sangat tidak patut digalakkan untuk menyalahkan apa yang berlaku tiga tahun yang lepas. Bukan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini pentadbiran baru. Sudah tiga tahun, sekarang masih mahu menyalahkan sebagai *cumulative effect* mengenai pentadbiran Tun Dr. Mahathir. Saya rasa ini tidak adil.

Saya bukan *champion* atau juara, Tun Dr. Mahathir, saya benar. Masa pentadbiran Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, saya ada menegur dan mengkritik *corruption* masa itu. *Corruption* nepotisme dan kronisma betul dan masa itu kita boleh lihat bahawa petunjuk *Transparency International Corruption Perceptions Index* sudah jatuh. Jatuh daripada 23 dalam tahun 1995 kepada 37 apabila beliau bersara. Sudah jatuh tetapi apabila Perdana Menteri yang baru naik, kita semua harap, rakyat harap bahawa *at least he can do better*. *At least he can do better*. Itulah apa yang kita mahu bahawa dia boleh mengubahkan perkara. Kenapa mahu? Nampaknya mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri, mahu kah kita tunggu dua generasi? Satu generasi, dua generasi barulah kita boleh tengok kesan, kenapa...? Tengok negara-negara yang lain kenapa negara-negara yang lain boleh memperbaiki kedudukan mereka dalam masa yang singkat.

Tengok Jepun pada 2004 di kedudukan 24 dan sekarang 17. Tengok India dalam empat tahun ini, India sudah memperbaiki kedudukan daripada 83 kepada 70. Thailand pun ubah, *improve* daripada 70 kepada 63. Kemudian barulah Malaysia. Kalau saya tidak silap, Malaysia *is the only country that is going backwards*. Negara yang tunggal, yang *getting worst year by year*. Negara-negara yang lain, kalau tidak mengekalkan kedudukan mereka, Singapura kedudukan ke-5, empat tahun ini masih ke-5. Hong Kong dari 14 ke-15. Satu sahaja berubah, 14 pada 2003, 16 pada 2004....

Beberapa Ahli Barisan Nasional: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa? Ha! ha ha? *Big joke* lah ini. Semua *joker* di belakang sana. Tangga ke-15 pada 2005 dan tangga ke-15 pada 2006. Baru Malaysia *going backwards, worst, year by year*. Bukankah ini menunjukkan bahawa apa yang berlaku baru-baru ini, banyak perkara. Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri boleh jawab mengenai perkara-perkara yang telah saya bangkit. Saya tidak mahu ulang di sini. *Also for all* yang mengenai Perdana Menteri, anaknya, menantunya dan mengenai pengubahsuaian sekolah RM30,000 baru RM3000 tetapi, tiada seorang pun ditangkap dan diheret ke mahkamah. Bukankah ini menunjukkan bahawa korupsi *is getting worst, not getting better* sungguhpun Perdana Menteri menang 91% Kerusi di Parlimen ini oleh kerana *anti-corruption slogan*, tetapi tidak ditunaikan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh! Tidak di tunai, itu dia bercakap tetapi kita buat dan betul macam mana Beluran cakap tadi bila kes banyak kita bongkar, kita proaktif, sudah tentulah orang akan nampak banyak kes. Dahulu semua pengap, mungkin. Dan bila cakap tentang Kabinet Yang Berhormat, saya dahulu tidak duduk dalam Kabinet. Saya jadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kabinet dahulu saya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi tidak betullah kata fasal Kabinet, ini tidak termasuk timbalan menteri. Jadi sekarang ini, sekarang ini memang di bawah penjagaan saya dan kita akan pastikan ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bohong! Bukan menteri dalam kabinet Tun Dr. Mahathir?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan menteri dalam Kabinet.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Menteri dalam Kabinet, saya lawan rasuah dalam kementerian saya, saya buat. Sebab itu dalam kementerian saya di Pembangunan Usahawan tidak banyak kes. Tetapi kalau secara khusus jaga ACA baru sekarang ini, bulan Februari ini, baru sekarang bulan Februari, ACA di letak bawah jagaan saya. Jadi sebab itu kalau hendak cakap tentang dahulu saya, sudah ada tidak betul. Dahulu saya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Keduanya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, *but collective responsibility* tidak boleh lari, prinsip *collective responsibility*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah tetapi pada ketika itu kita kena ikut *indicator* yang ditunjuk oleh Perdana Menteri pada ketika itu. Kalau dia memusat perhatian kepada pembangunan, pembangunanlah dan tidak mengambil berat tentang rasuah tetapi Perdana Menteri sekarang menitik berat tentang rasuah jadi sebab itu kita semua memberi perhatian supaya kita mesti mencegah rasuah. Jadi Tuan Pengerusi apa yang berlaku di masa yang lepas...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan, minta penjelasan. Mengenai...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, duduk dahulu, sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai Badan Pencegah Rasuah....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan, duduk dahulu, duduk dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okay baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak takutlah Bandar Kuching, *relaks* lah. Berkenaan dengan apa yang berlaku Yang Berhormat sendiri sebut, waktu Tun Mahathir pegang dahulu nombor 23, waktu dia berhenti 37 *their is already are trend sliding* dia *slide sliding* makna bertambah teruk. Jadi *now what we have to do, first of all we have to arrest the slide, the sliding is there, is going down. We must arrest the slide.* Jadi sebab itu yang penting ialah kita ambil tindakan itu yang penting.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ini satu *ambition* lebih *corrupt* sekarang *the slide going problem* lebih *corrupt*, lebih *corrupt!*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia bila *arresting the slide*, dia *trend*. *Trend* itu dia sudah menurun jadi bila kita ambil alih yang pertama kita kena buat kena tahan itu dahulu dia menurun *we have to arrest the slide. So this is what we are doing, we want to arrest the slide.* Dan bila kita ambil tindakan, bongkar dan sekarang ini Yang Berhormat bukan tidak tau, sekarang ini lebih liberal lagi semua orang bercakap.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dahulu orang tidak banyak bercakap maka persepsinya mungkin lain, itu pun *sliding* tetapi sekarang orang sudah berani, semua bercakap. Jadi bila semua bercakap, persepsi ini ialah dengar apa orang bercakap. Jadi persepsi dia sekarang ini bila ramai orang bercakap kerana ada suasana yang lebih liberal sudah tentu ini merupakan satu perkara, kita perlu hadapi tetapi kita tidak putus asa. Kita akan terus mengambil tindakan untuk memastikan supaya kita dapat mencegah rasuah ini. Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin beritahu Yang Berhormat Menteri tentang pengalaman saya sendiri dengan Pegawai Badan Pencegah Rasuah.

Saya telah bangkitkan masalah tentang pemegangan saham RM37 million saham CMS yang dimiliki oleh isteri Ketua Menteri Sarawak. Dan saya juga telah bangkitkan kontrak-kontrak Kerajaan Negeri Sarawak diberi kepada syarikat ini dan subsidiarinya. Itu syarikat milik isteri dan anak-anaknya. Selepas itu memang pegawai Badan Pencegah Rasuah ada jumpa saya. Apa yang mereka mahu mereka tanya saya, "Awak ada itu minit mesyuarat Kabinet Sarawak kah?" Kalau saya dapat menunjukkan minit mesyuarat Kabinet saya akan ditangkap oleh OSA *under* OSA iaitu *Official Secret Act because this is classify document*.

Oleh itu saya berasa kecewa dan keliru. Itu ACA - anti *corruption* atau *assist corruption agency*. Mereka tanya saya, saya kata "Awak boleh pohon satu search warrant untuk mendapat minutes of cabinet meeting". Kenapa awak minta saya, *asked me to produce. If I can produce, I'll be arrested, I wont be here today. So*, inilah tindakan yang telah diambil. Saya tidak tahu Badan Pencegah Rasuah mahu mengambil tindakan terhadap seseorang yang disyaki melibatkan dirinya dalam rasuah atau dia mahu *go after the whistle blower, go after me. Why said the trap? Ask me for the Cabinet Meeting Minutes*.

So inilah pengalaman saya sendiri semasa pegawai ACA mengambil tindakan. Siapa berani, siapa berani? Siapa lagi berani melaporkan itu kes rasuah kepada ACA? Kalau saya bukan *trend* dalam sebagai seorang peguam saya tidak tahu undang-undang ada apa salah dan akan dituduh di caj di bawah *Official Secret Act*. Mungkin tindakan-tindakan seperti ini yang menyebabkan *perception index* turun. Bolehkah Menteri menjelaskan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi sebenarnya bila kita pergi ke benda yang spesifik begini saya kena tanya jugalah kepada pihak pegawai kan. Maknanya mungkin pada ketika itu sebenarnya apa Yang Berhormat sebut pun spekulasi, takut hendak kena dakwa ke, apa itu agak sahaja tetapi mereka memerlukan bukti-bukti untuk mendapat, supaya dapat membuktikan bahawa ada berlaku penyelewengan. Berkenaan dengan macam CMS ini kalau mereka melakukan penyiasatan kadang kala kita kena ingat. Saya bukan hendak mempertahankan sesiapa sebenarnya kalau cukup bukti, ada, memang ACA akan ambil tindakan.

Akan tetapi sebenarnya kita tidak mahu dengar nanti banyak-banyak benda dia orang kata ACA ini, apa ini, bila pergi mahkamah kes kena tendang, pergi mahkamah kes kena tendang. Mereka kena pasti bersungguh-sungguh bahawa ada perkara penyelewengan berlaku. Jadi saya tidak dapat hendak komen di sini tentang kes spesifiklah. Jadi itu Yang Berhormat punya, yang sebut sebentar tadi.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bercakap berkenaan dengan pemberian kontrak kepada Scomi yang mana anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kepentingan dan pemilikan saham dalam ECM Libra, oleh menantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Badan Pencegah Rasuah sentiasa mengikuti perkembangan perkara ini dan jika didapati suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah dilakukan maka Badan Pencegah Rasuah tidak akan teragak-agak untuk menjalankan siasatan.

Walau bagaimanapun setiap maklumat perlulah diteliti kerana sesetengah maklumat bukan di bawah bidang kuasa Badan Pencegah Rasuah. Badan Pencegah Rasuah bebas untuk menjalankan siasatan tanpa desakan atau halangan dari mana-mana pihak tetapi berdasarkan kepada merit sesuatu maklumat dan peruntukan undang-undang.

Dalam kes ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun sudah cakap iaitu kalau ada perkara yang dilakukan merupakan unsur-unsur rasuah maka buatlah penyiasatan, dia tidak menghalang. Ini jelas semua orang dengar dia bercakap dalam wawancara televisyen. Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Saya ada bangkit sekali gus dalam perkara ini bukan sahaja mengenai Scomi, Kamaludin dan juga ECM Libra, Khairy Jamaludin tetapi pun *food for all* yang adalah disebut oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Bukankah cukup sahaja bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa dia tidak terlibat. Oleh kerana dia sendiri kata tidak terlibat, sungguhpun kita mahu percaya beliau tetapi untuk satu teladan, *transparency*, integriti, bukankah lebih elok bahawa beliau mengadakan satu siasatan terbuka dalam perkara ini.

Supaya kalau tidak ada apa-apa yang salah adalah satu keputusan, kesimpulan dibuat oleh satu badan yang bebas.

Dan saya tahu bahawa Yang Berhormat Menteri tidak boleh buat keputusan dalam perkara ini, ini melibatkan orang yang lebih atas tetapi adakah beliau boleh, rela, berani pergi mahkamah, pergi Kabinet pada hari Rabu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik daripada Islamabad supaya sampaikan mesej ini bahawa untuk menegakkan integriti, menunjukkan bahawa *not only* tidak ada salah, *seem to be* tidak ada apa-apa perkara yang tidak betul berlaku bahawa beliau patutlah mengadakan satu siasatan terbuka mengenai ketiga-tiga tuduhan ini melibatkan beliau sendiri mengenai *food for all*, mengenai Scomi anaknya Kamaludin dan mengenai menantunya mengenai ECM Libra, Khairy Jamaluddin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara seperti ini BPR mengambil maklum ya dan saya tidak fikir itu bahawa BPR kalau betul ada bukti jelas menunjukkan bahawa ada kesalahan yang dilakukan oleh Perdana Menteri maka mereka tidak akan mengambil usaha untuk menyiasat. Saya percaya dalam hal ini sebagai seorang Perdana Menteri dan juga orang yang beragama Islam dan pendekatan Islam Hadhari tidak mungkin saya rasa untuk dia hendak menipu mengatakan dia tidak melakukan apa-apa perkara yang salah, kalau dia betul-betul tidak buat salah.

Jadi sebab itu kepada saya, setengah orang dia akan *side track* langsung, dia tidak akan cakap juga. Kalau ada tuduhan kepada ibu bapanya, kalau dia cakap tentang benda lain, kalau cakap tentang *food for all*, dia cakap benda lain. Ini dia sendiri berkata saya tidak ada melakukan apa-apa kesalahan. Jadi itu adalah sebenarnya satu kenyataan, *statement* kerana saya percaya orang akan cunghil dan cari maklumat. Kerana kalau betul dia terlibat melakukan kesalahan, orang akan cunghil dan akan berjumpa dengan maklumat yang jelas menunjukkan bahawa dia sebenarnya membuat kenyataan yang tidak betul. Ini, dia buat kenyataan kepada umum bahawa dia tidak melakukan apa-apa kesalahan dalam perkara ini, orang tuduh biasalah.

Sebab itu pada saya, bagi seorang Perdana Menteri untuk tampil ke hadapan mengatakan tidak, saya tidak melakukan perkara ini, itu sahaja telah menunjukkan satu *statement* yang kuat, yang berani dan tidak menghalang bagi sesiapa untuk menyiasat. Kalau sekiranya mendapati ada bukti yang kukuh menunjukkan bahawa sebenarnya dibalik itu berlaku.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, satu lagi perkara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada tipu dan tidak tipu, tidak ada bangkit. Isu ialah oleh kerana beliau menegakkan integriti sebagai *brand* beliau, *legacy* beliau untuk negara sebagai Perdana Menteri beliau dengan izin, *must be cleaned and be seem to be clean, not only clean but be seem to be clean and to be seem to be clean* ialah perlu satu siasatan, bebas yang tidak melibatkan beliau yang boleh mengisytiharkan bahawa beliau benar-benar *clean* dan kata BPR tidak ada apa-apa halangan kepada BPR untuk ambil tindakan, sungguhpun melibatkan Perdana Menteri atau keluarganya. Siapa percaya? Adakah orang di semua di sini percaya BPR benar-benar bebas, tunjuk tangan?... [Menunjukkan kepada Dewan] Tengok! Tidak ada orang tunjuk tangan, semua..., Barisan Nasional pun tidak percaya, tengok, Barisan Nasional pun tidak percaya bahawa BPR bebas.... [Dewan riuh] Kita semua tahu, tahu semua tahu BPR tidak bebas...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah! cuba tanya? Tengok.! Tengok, semua pun percaya, ini tidak *not acceptable*, BPR *is just a paperless tiger in fact* Ketua Pengarah patut dipecat, oleh kerana *transparency international, CPI the index five point down* tetapi apa yang mustahak ialah BPR bukan bebas.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] Haiya!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini ada prosedur saya tidak tengok dalam *Standing Order* kata ada usaha angkat tangan, tidak ada dan saya tidak mahu nampak bodoh membuat satu perkara yang tidak ada prosedur tetapi saya ingin mengatakan di sini bagi pihak rakan-rakan saya yang ada di sini, 91 peratus kami percaya iaitu BPR sememangnya memainkan peranan yang baik, kita jawab cara yang betul ya.... [*Tepuk*]

Yang kedua, saya ingin beritahu iaitu bahawa Yang Berhormat, satu kenyataan daripada Perdana Menteri yang mengatakan saya tidak terlibat, itu sudah mencukupi. Ini kerana bukan senang orang bercakap dan dia bukan bercakap dalam bilik air, dia bercakap secara umum di khalayak ramai dalam surat khabar. Dia kata saya tidak terlibat, itu menunjukkan itu bahawa dia berani kerana dia tahu risiko yang dia ambil bahawa kalau sekiranya bukti keluar yang menunjukkan bahawa tidak seperti mana yang dia kata, dia sudah tahu bahawa dia sudah tidak ada orang kata kewibawaan lagi. Itu sudah mencukupi bagi saya, bagi seorang Perdana Menteri dengan berani mengatakan bahawa dia tidak terlibat. Kalau orang tidak percaya pergilah cari bukti, tunjuk, sudah tentu kalau ada bukti jelas menunjukkan memang dia kena. Sila, Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu amalan yang dibuat dalam negara ini selama berpuluh-puluh tahun ialah amalan mengisytiharkan harta oleh menteri-menteri dan juga oleh pegawai-pegawai kerajaan dan saya fikir amalan ini masih berjalan tetapi baru-baru ini dalam sidang akhbar Perdana Menteri, selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, wartawan bertanya beliau, adakah anak-anak beliau dan menantu beliau akan diminta untuk mengisytiharkan harta mereka?

Dalam tafsiran pengisytiharaan harta, seorang Menteri atau pegawai kerajaan harta itu termasuk harta beliau, harta isteri beliau, harta anak beliau, harta menantu beliau. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri benar-benar berpegang kepada prinsip anti-rasuah, prinsip keterbukaan, transparansi dan sebagainya, mengapakah jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup negatif, menolak dan mempertahankan bahawa ini hak anak dia, hak menantu dia dan tidak perlu isytihar harta mereka? Adakah ini bercanggah dengan apa Yang Berhormat Menteri cuba pertahankan untuk beberapa minit sebelum ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat tidak pernah menjadi menteri kan? *Okay*, saya jadi menteri saya tengok borang baru ini pun dihantar lagi, tiap-tiap tiga tahun kita kena hantar, borang itu menyebut tentang harta kita, isteri kita. Anak-anak yang sudah berniaga, sudah berumur, dia tidak menjadi anggota pentadbiran. Bagaimana, bagaimana kita hendak dan di mana kita hendak, *where the limit?* Yang menjadi anggota pentadbiran itu ialah kita, kita dan mungkin harta anak-anak yang belum cukup umur, mungkin dia ada, itu mungkin.

Akan tetapi kalau dia sudah berumur, bernikah, dia pun sendiri ada anak-anak dia, dan dia bukan anggota pentadbiran macam mana bapa bertanggungjawab terhadap harta anak dia, tidak boleh. *It doesn't extend to that*, tidak ada pun. Ya! Sebab itu saya berani pertahankan, itu bahawa tidak perlu kerana yang penting ialah mengisytiharkan harta anggota pentadbiran. Anak saya dia bukan anggota pentadbiran, apa pasal pula saya hendak kena isytihar harta dia pula?

Tidak ada kena-mengena dengan saya, itu adalah tidak betul macam Yang Berhormat Tumpat cakap itu, *totally out*, ya. Tidak berbangkit soal untuk kita menjelaskan harta anak-anak kita yang sudah pun dewasa, yang sudah beristeri, yang sudah ada anak-anak, jika mereka ada harta yang berlebihan, ACA boleh bertanya, boleh hantar surat kepada mereka, tunjuk di mana mereka dapat tetapi bukan kepada bapanya. Tidak ada kena-mengena.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, okeylah tadi Yang Berhormat mengatakan anak itu tidak disiasat tetapi kes yang baru ini seorang bekas menteri menyelesaikan kes pencarian di luar mahkamah dan kemudian memberikan bekas isterinya 50 juta, 50 juta! Saya tidak menuduh harta beliau ini yang halal ataupun tidak halal tetapi mungkin beliau seorang korporat dan ahli perniagaan tetapi di sinilah terletakinya di mana ACA? Adakah ACA tidak boleh menyiasat seseorang bekas menteri memberikan bekas isterinya 50 juta?

Jadi saya rasa inilah yang menimbulkan masalah yang selain memberikan sumbangan kita turun lagi lima tangga lagi ke bawah, minta penjelasan kalau daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, bila benda ini berlaku? Bulan lepas? Bagilah dia selesai masalah dia dulu. Itu pun maknanya pendapat daripada mahkamah mendesak dia untuk memberi RM50 juta, dia belum bayar lagi. Jadi kes belum habis lagi, saya percaya ACA memerhati ini semua. Sebab di dalam Akta APR ini, Akta Pencegah Rasuah, dia ada satu peruntukan yang mana dia boleh hantar surat kepada kita bagaimana kita boleh hidup lebih daripada apa yang difikirkan kemampuan kita. Biarlah dulu, tunggu dulu, selesai dulu kes ini, ini tak sabar-sabar. Nanti esok macam-macam bukti boleh hilang kah, apa kah, *steady* lah. Mereka tahulah apa nak buat, tak payah ajar. Ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya ringkas saja sebenarnya, *respons* kepada apa Yang Berhormat Menteri sebut. Dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri tahu, walaupun saya mungkin tidak pernah menjadi menteri, saya pernah memegang jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan di tahap yang paling rendah, tetapi juga kena mengisi borang pengisytiharan harta dan saya sudi maklumkan bahawa ingatan saya agak berlainan dengan ingatan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ingatanlah, tapi yang saya, saya nampak dalam borang. Dia ingatan, ini yang saya, saya tengok dalam borang, yang saya kena isi, yang saya kena sampai 29 Disember sebab dia bukan anggota pentadbiran, saya rasa apa yang dimaksudkan kalau ada harta anak sebelum dia dewasa. Tak akan kalau anak saya dah 40 tahun, dah ada isteri, anak, harta dia pun saya nak kena isytihar, tak ada kena-mengena dengan saya. Anggota pentadbiran memang kena. Jadi itu saya punya jawapanlah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga menyatakan kegagalan BPR untuk mengambil tindakan dalam skandal AP. BPR akan mengambil tindakan ke atas apa sahaja maklumat yang ada unsur rasuah. Walau bagaimanapun, BPR perlu berhati-hati sebelum mengambil tindakan untuk jalankan siasatan. Setiap maklumat ditapis, diberi perhatian serta mempunyai merit tersendiri. Sesetengah maklumat bukan di bawah bidang kuasa BPR. Dalam perkara ini BPR turut memberi perhatian yang serius jika terdapat bukti bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, maka siasatan akan dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Mengenai Ahli Parlimen. Adakah siasatan mengenai skandal AP-AP yang menjadi satu kontroversi yang begitu besar baru-baru ini? Dan sebelum itu saya ada sebut mengenai kes Zakaria, bagaimana beliau dapat wang untuk membina satu istana? Adakah ACA mengambil siasatan? Dan mengenai AP, kalau tiada bukti, adakah ACA pergi jumpa bekas Perdana Menteri? Tentu dia ada banyak bukti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, yang itu kena tanya bekas Perdana Menteri. Kalau dulu dia kata ada bukti menteri itu, kita nak tanya balik kenapa dia tak ambil tindakan masa dia Perdana Menteri dulu. Jadi pada saya

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Now AP.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soal AP, sudah tentu maknanya kalau dalam soal rasuah, dia ada definisi. Rasuah pertamanya kalau kita beri kepada, kita berkuasa untuk memberi sesuatu dan kita beri kepada keluarga kita, dan keluarga itu ada definisi, satu.

Dua, bagi kepada orang untuk ada imbuhan, bayar balik. Kita berkuasa, kita kata "Okay, kalau aku bagi tender ini, hang bagi ini" tetapi kalau kita bagi kepada orang yang bukan merupakan keluarga kita, itu tak salah. Kalau dia kaya, kaya bukan bermakna rasuah, kaya kerana kebolehan dia sendiri. Kalau setiap orang yang kaya dianggap sebagai rasuah, banyakkah orang kaya sini semua rasuah belaka. Kita tak boleh ada perasaan cemburu melihat orang itu kaya, ini mesti rasuah, tak semestinya. Sebab itu saya yakin dan percaya iaitu bahawa kalau sekiranya ada pertuduhan yang dibuat dan ada dengan buktibuktinya, saya percaya ACA akan ambil tindakan, saya yakin.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: BPR, jangan mengalih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payahlah, nanti dulu, saya nak habis dulu. Hormatlah sikit *you* punya Ketua Pembangkang tu, saya nak jawab dia punya ni, masuk campur pula. Tunggu dulu, *you* nombor empat, nombor lima, saya kena jawab dia dulu.

Pengunduran kempen pencegahan rasuah sejak tiga tahun kebelakangan ini, kerajaan melalui BPR serta agensi yang lain tidak pernah kurang dalam usaha mencegah rasuah. Malah sentiasa dipertingkatkan setiap tahun melalui pelbagai *outreach program*, dengan izin. Pelbagai aktiviti pencegahan yang dianjurkan sama ada secara sendiri oleh BPR ataupun dengan kerjasama pihak lain telah dan sedang dilaksanakan, tetapi tidak mendapat publisiti yang meluas. Pendekatan usaha mencegah rasuah dilaksanakan secara holistik, terancang dan berterusan. Yang Berhormat pun tahukan, maknanya dalam kes rasuah ini, apa yang kita buat....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dulu, dia ni kacau Yang Berhormat. Saya nak jawab Ketua Pembangkang, hormatlah sikit. Apa yang kita buat untuk menghentikan rasuah, dia tidak popular, tak ada *news*, orang tak mahu baca tetapi kalau tangkap, itu *news*, jadi nak buat macam mana kalau itu dah menjadi budaya kita. Banyak yang kita buat, tapi tidak dilaporkan sebab orang tak minat apa yang kita buat untuk mencegah rasuah tetapi kalau tangkap, itu ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tangga jatuh lagilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha? Ya lah, saya dah cakap tadi, tangga dah jatuh, itu persepsi, macam Yang Berhormat sebut tadilah. Kita buat, cakap tak buat, jadi orang percayalah kita tak buat, ini *problem*. Cuba kalau kita jangan cakap banyak, kita kata kita lawan, sama-sama lawan. Ini bukan kerja kerajaan sahaja, Yang Berhormat pun kena tolong kita, kita nak lawan rasuah, tolonglah. Jadi dalam soal persepsi ini, kita tak boleh halang pembangkang nak bercakap, cakaplah tetapi bila bercakap banyak, itu persepilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti, nanti. Saya habis ini dulu, lepas itu saya bagi peluang, *okay?* Jangan kepong saya, saya nak jawab. Walau bagaimanapun, aktiviti seumpama ini kadangkala kurang mendapat liputan media. Ini menyebabkan orang ramai tidak dapat banyak maklumat mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan oleh BPR Malaysia. Yang Berhormat juga bercakap ini BPR, rasuah dulu ya. Bagaimana Zakaria dapat muncul sebagai jutawan tanpa menarik perhatian BPR? Kenyataan tersebut adalah tidak benar, BPR sedang menjalankan siasatan ke atas kes Zakaria Md. Derus. Oleh yang demikian, butiran lanjut mengenai kes ini tidak boleh didedahkan, jadi bagi peluang kita siasat. Ini jaminan kita, ACA dah masuk siasat tapi tak boleh bagi maklumat sekarang. Esok kalau ada apa-apa, kita akan beritahu tapi sudah masuk. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong, ha tengok hormat dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir, sebelum beralih kepada perkara yang lain, mengenai rasuah. Sama ada boleh *good will* untuk membanteras rasuah? Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri, tindakan yang pertama masa itu ialah mengumumkan bahawa Malaysia akan menghadiri mesyuarat *United Nations Convention Against Corruption* akan sokong. udah tiga tahun tetapi Malaysia belum *ratify United Nations Convention Against Corruption*. Dalam senarai ini yang saya dapat daripada *internet* baru-baru ini, 76 negara sudah *ratified*, tapi Malaysia tidak ada. Malaysia *in the companion*, negara-negara semacam Haiti, Myanmar, Iraq, Guinea, Sudan, Congo, Chad, Bangladesh, Uzbekistan, yang terburuk sekali dalam *transparency international corruption perceptions index at the very bottom* dengan mereka tak mahu *ratify*. Kenapa sampai sekarang tiga tahun belum *ratify*? Bolehkah ada satu penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri?...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa nama satu negeri tadi, 'Koko'?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Congo!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, Congo, saya ingat 'Koko' tadi. Yang Berhormat, *okay* Yang Berhormat bangkit maklumat baru, saya akan sendiri minta penjelasan berkenaan perkara ini ya. Cuma satu lagi saya nak sebut dalam

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah sekejap, tak habis lagi. Dia ini macam dekat sarkas, ada benda keluar itu kita tembak.... [Ketawa]

Jadi persepsi tadi, berkenaan indeks persepsi, ya, kita turun, ada kala kita naik, ada kala kita turun. Tapi cuma yang saya nak sebut di sini iaitu bahawa kita punya

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak ada naik, turun sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Okay*, tak apalah sebab saya cakap *ahead*, saya cakap dari segi *point* kita, bukan kedudukan.

Sebab *point* kita pada tahun 2001, kita ada lima *point*. Lima *point* pada ketika itu diambil kira daripada 91 negara. Kemudian pada tahun 2002, jatuh 4.9 daripada 102 negara. *Point* dia, *point* dia 4.9, tahun 2003, naik 5.2. Yang ini saya sebut, naik turun, naik turun tadi Yang Berhormat, *point*. Jadi sebelum saya bercakap, jangan dok....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tahun 1996, 5.32. Kenapa itu tak mahu sebut? 5.32 tertinggi sekali.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah, itu. Ya lah, kita ambil daripada 2001 lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semua ada dicatat di sini pun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah. Betul lah tetapi saya nak cerita daripada mana lepas *millennium* baru ini kan. Tak payah lah, 1900 tu tak payah lah. Kita *millennium* baru ini.

Jadi 2003 naik 5.2 daripada 133 negara. Tahun 2004, turun balik kepada 5 daripada 146 negara. Tahun 2005 naik 4.1 dan tahun 2006 jatuh. Itu yang kita kata naik turun tetapi kita akan usaha. Tahun depan insya-Allah kita nak pastikan naik 5.1 ke 5.2, kita akan usaha bersungguh-sungguh. Jadi...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 5.1, 5.2 cukup?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan lah cukup. *Slowly* lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *National Integrity Plan* kata apa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah, daripada 5.1..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa *point*? 6.5.

[Timbalan Yang di Pertua [Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Daripada *base* yang dah teruk, kita nak pergi ke maju, makan masalah sikit. Kita punya *base* kita dah teruk. Macam mana daripada kita sekarang ada lima *point*, kita nak naik tinggi, sepuluh? Saya menipu la kalau saya kata kita boleh buat tetapi kita akan usaha lah, *slow and steady*. Ha, Yang Berhormat faham..., setuju?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dua generasi lah, dua generasi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Walau pun dua generasi tetapi akhirnya kita mesti capai matlamat kita. Itu yang penting. Tuan pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat menteri, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti. Saya ada maklumat baru bertalu-talu datang ini. *Okay*, Yang Berhormat bagi Tumpat tadi ya. Saya dapat ini kata, berdasarkan peraturan berkuat kuasa, pegawai awam perlu mengisytiharkan harta pegawai, isteri dan anak-anak yang masih dalam tanggungan pegawai. Itu dia Yang Berhormat ya. *Okay?* Dalam tanggungan. Jadi saya betullah. Kemudian...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, tidak habis lagi. Ini rasuah. *You* tak bercakap, nanti karang saya tidak jawab semua ini orang kata saya hendak mengelak pula. *Okay*, ini Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan UNCEP. *Ratify* tadi, *ratification*. Untuk *ratify*, perlu memenuhi semua syarat yang digariskan. Salah satunya ialah keperluan *Weakness Protection Act*. Kita tak ada benda itu lagi. Jadi kalau kita *ratify* benda itu pun tak boleh. Kita hendak buatlah ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa lambat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita kena kajilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda itu tak ada, mesti diadakan. Apa perlu, Yang Berhormat. Apa perlu kita ada macam negara Yang Berhormat sebut tapi orang tidak yakin dengan penguatkuasaan dia. Kita hendak ada *weakness protection*, kita hendak buatlah lepas ini. Rang undang-undang, *Weakness Protection Act* sedang disediakan untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Selepas di lulus akta ini, maka Malaysia akan *ratify*. *Okay?* Jadi bawa yang akan datang ini, yang akan datang. Saya pun sudah tengok *weakness protection*, saya tengok dalam yang akan datang. Sokong. Lepas itu kita *ratify*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh *ratify*? Boleh *ratify* dalam enam bulan, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana boleh. Aah, orang dah kata..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Enam bulan pun tak boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Orang dah nak *ratify*, nak bagi syarat, masa. Janganlah macam itu. Kita akan buat mengikut kemampuan kitalah. Nanti saya kata enam bulan, saya kata boleh, enam bulan lagi, tak siap lagi. Yang Berhormat mengamuk dengan saya pula. Tak boleh lah macam itu. *Okay?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Target?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Target?* *Target* kita, saya tak boleh janji *target* tetapi tahun depan kita akan bawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cubalah. Secepat mungkin.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Secepat mungkin. Inilah pemikiran, yang waras menjadi tuan pengerusi. Yang tidak waras jadi Ketua Pembangkang.... [Ketawa] [Dewan gamat seketika].

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kemudian, siasatan tidak boleh didedahkan Yang Berhormat, kecuali apabila seseorang itu telah dituduh. Untuk *avoid subjudice* dia punyalah. Maknanya, macam kes Zakaria tadi, kalau dia belum dituduh, kita tak boleh bagi tahu maklumat. Ini keperluan kita. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dok kecek adalah itu. Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, ini bulan Syawal.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan buang masa. Jalan terus.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bulan Syawal, kenyataannya mestilah daripada zahir dan batin juga... [Dewan gamat]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan cerita-cerita panjang tadi itu berbau bagai macang, berbau, bagai macang tadi. Dan saya setuju bahawa kita mesti adakan itu Akta Perlindungan Saksi. Satu perkara yang penting supaya kita dapat membuktikan Badan Pencegah Rasuah kita benar-benar berkesan. Saya setuju kita mesti siasat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setuju ya Yang Berhormat? Kalau setuju cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tunggu sekejaplah. Sebelum kita ada isi kandungannya tetapi, siasatan kes-kes, kita siasat dengan benar itu betul. Kita perlu bukti, perlu saksi tetapi boleh ke Yang Berhormat fikir dengan matang-matang lagi, kalau BPR bukan satu badan yang bebas, bagaimana ia dapat menjalankan tugas, bagaimana? Jadi, jawapan daripada Yang Berhormat sendiri kepada saya, tidak perlu. Kerana kaedah yang ada sekarang cukup berkesan tetapi, transpirasi internasional indeks itu meningkat. Indeks meningkat. Mengapa kurang? Ini masalah kita, walaupun bukan indeks yang sempurna, tapi adalah itu menunjukkan sesuatu.

Akan tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, bagaimana kita dapat membebaskan BPR daripada Jabatan Perdana Menteri. Kerana dia tiap-tiap hari, dia tengok apakah tindakan BPR dan mungkin dia akan halang. Mungkin. Kalau dia tengok tak betul, dia akan membuat sesuatu. Saya bukan sangka buruk, mungkin sahajalah itu. Saya berharaplah dengan bulan Syawal..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bulan Syawal jangan sangka buruk Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan sangka buruk, bukan. Satu kemungkinan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, tak payah berucaplah, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak payah berucap? Ya, baiklah. Saya berharap dia menjawab mengikut semangat bulan Syawal.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini, kalau cakap bulan Syawal, dia tidak betul. Saya jawab dengan penuh ikhlas zahir dan batin. Dia syak wasangka saya. Dia yang tidak betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Puasa pun tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tak boleh ada syak wasangka. Tadi dia kata saya jawab tidak ikhlas. Itu tidak betul Yang Berhormat. Tidak betul. Nombor dua, kita dah tahu mesyuarat ini kita *start* 2.30. Ini 3.38 baru nak bercakap. Saya sudah jawab kepada Yang Berhormat berkenaan, dia bangkit awal-awal tadi Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri sudah jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi jawab balik kepada tajuk yang lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah. Dia lambat. Lain kali datang awal sikit. Dah, benda itu sudah memang bangkit oleh Ketua Pembangkang dah. Saya sudah berbahas dengan dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak payahlah. Duduklah. Saya tahu Yang Berhormat bangun itu pasal hendak daftar dalam buku kehadiran, nak kutip RM300 itu kan?... *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Duit raya, duit raya... *[Dewa gamat]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maaf zahir batin, hari raya... *[Ketawa]* Mungkin duit raya lah, duit raya. Yang Berhormat, ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkit berkenaan dengan bangsa Malaysia dan meritokrasi. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa, memang hasrat kerajaan berhubung dengan pembinaan bangsa Malaysia telah dinyatakan secara jelas oleh Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berbahagia sekaranglah. Tun Dr. Mahathir Mohammad, bekas Perdana Menteri Malaysia di Persidangan Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991.

Yang mana dia kata, membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu serta berasa mempunyai masa depan yang sama dan dikongsikan. Bangsa ini mestilah sejahtera dan bersepadu baik dari segi wilayah atau kumpulan etnik serta adil. Bangsa ini hendaklah terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang kesetiaan politiknya serta kebaktiannya tertumpu kepada bangsa tersebut. Jadi bangsa Malaysia dimaksudkan oleh sebuah bangsa terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, tetapi mempunyai identiti yang sama.

Bangsa Malaysia juga dibina berasaskan kepada penghayatan terhadap nilai-nilai bersama, *shared values*, bangsa Malaysia perlu bercirikan kepada sebuah bangsa yang berjiwa bebas, tenteram, berkeyakinan, bermoral, beretika, demokratik, liberal, saintifik, matang dan penyayang. Bangsa Malaysia juga hendaklah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini, mempunyai semangat jati diri yang tinggi, sanggup berkorban serta berjuang mempertahankan negara ini daripada pelbagai ancaman.

Ini bererti seluruh lapisan masyarakat di negara ini tidak kira apa jua asal keturunan mereka, mestilah sama-sama menyumbang kepada proses pembangunan bangsa. Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan perlu difahami dan dihayati sepenuhnya oleh suku kaum yang ada di negara ini. Demokrasi berparlimen, Raja Berperlembagaan, kedudukan Raja-Raja Melayu, bahasa kebangsaan, kedudukan agama, kedudukan istimewa kaum bumiputera dan peribumi, pembahagian kuasa, tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri merupakan perkara-perkara yang menuntut persefahaman yang tinggi dan jitu.

Pembinaan bangsa Malaysia adalah berpaksikan kepada perpaduan yang mantap dan kukuh di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Oleh itu bagi mencapai matlamat pembinaan bangsa Malaysia, persoalan yang paling penting yang perlu diselesaikan terlebih dahulu ialah perpaduan masyarakat pelbagai kaum. Maka aspirasi untuk membina sebuah bangsa Malaysia adalah amat sukar untuk direalisasikan. Jadi kepelbagaian latar-belakang masyarakat Malaysia telah menjadikan usaha untuk mewujudkan perpaduan yang tulen dan hakiki sebagai satu usaha yang paling sukar dan mencabar.

Perbezaan dari segi agama, bahasa, nilai dan cara hidup telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berisiko, tercetusnya ketegangan dan konflik antara kaum.

Walau bagaimanapun, kepelbagaian masyarakat Malaysia tidak boleh dianggap sebagai satu masalah terhadap perpaduan negara tetapi harus dijadikan sebagai satu cabaran positif untuk ditandatangani oleh seluruh rakyat ke arah mewujudkan bangsa Malaysia. Oleh itu adalah amat mustahak falsafah kesepaduan dalam kepelbagaian atau ***unity in the vestry*** diperkukuhkan. Jadi ini falsafah kita...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kejap Yang Berhormat ya. Jadi ianya mula-mula pada tahun 1991. Apa yang berbangkit di negeri Johor kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar, itu merupakan pandangan UMNO Johor di atas perkara-perkara tertentu yang membimbangkan mereka tetapi apa yang UMNO Johor fikirkan itu tidak melambangkan iaitu bahawa kita telah menukar dasar. Itu pandangan dia dan biasalah Yang Berhormat, kalau perkara ini mungkin telah difikirkan sepuluh tahun dahulu tetapi oleh sebab pada ketika itu suasana ini tidak begitu liberal untuk mereka menyatakan pandangan mereka maka tidak berbangkit pada ketika itu.

Akan tetapi dengan suasana liberal yang ada sekarang ini di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, orang berani untuk menyatakan. Jadi mereka menyatakan kebimbangan mereka. Itu cuma satu pandangan daripada seorang Menteri Besar di Negeri Johor dan juga saya tidak tahu sama ada dia mewakili UMNO Johor kah, apakah tetapi dia tidak merupakan satu perubahan baru daripada segi pendekatan Kerajaan Pusat, Barisan Nasional berkenaan dengan bangsa Malaysia ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Adakah pendirian yang dibuat ini bahawa dengan izin, *Bangsa Malaysia is a rojak and not acceptable*, ialah pandangan seorang Pengerusi UMNO Johor atau Menteri Besar Negeri Johor? Dan bagaimana seorang yang begitu berpengalaman, dulu dalam Kerajaan Persekutuan dalam Parlimen pun sebagai Timbalan Menteri Kewangan pun dan sekarang sebagai Menteri Besar Johor, negeri yang begitu penting tidak faham apa yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai erti sebenarnya bangsa Malaysia. Oleh kerana dalam 16 tahun ini kerajaan sudah menggunakan berpuluh-puluh juta ringgit kalau bukan beratus juta ringgit untuk mengajari, menyampaikan mesej ini di sekolah-sekolah, di universiti-universiti, di masyarakat kita.

Kenapa seorang Menteri Besar Johor, seorang dua pensyarah universiti-universiti tidak faham atau dia sengaja tidak mahu faham oleh kerana inilah musim UMNO di mana ultra-ultra semua keluar. Ultra-ultra semua keluar oleh sebab mereka mahu melompat kedudukan dalam parti dan mengabaikan kepentingan negara. Bukankah ini sebenarnya membelakangkan usaha integrasi di negara kita? Kalau begitu bukan tidak bererti tahun depan mengadakan *50 years anniversary celebration* untuk Hari Kebangsaan kita tidak bererti lagi kalau bangsa Malaysia dianggap sebagai anti Malaysia. Konsep "Bangsa Malaysia", bukan anti Malaysia bukankah usaha ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri Besar Johor, usaha anti Malaysia sebenarnya dan bagaimana ini akan diperbetulkan supaya usaha-usaha 16 tahun ini, *integration effort* tidak disia-siakan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat ini saya tengok dia macam hendak *clamp down* orang punya kebebasan untuk menyatakan perasaan dia. Kita sekarang sudah bebas, kalau dia hendak bercakap apa yang difikirkan biarlah dia cakap apa dia fikirkan, tidak semestinya apa yang dia cakap itu mewakili. Saya pun tidak tahu. Saya kena siasat dahulu sama adakah ini dia peribadi sebagai Menteri Besar kah ataupun mewakili UMNO Johor kah, saya tidak tahu. Kalau hendak buat kesimpulan pada hari ini mewakili UMNO Johor, saya fikir tidak kerana banyak ketua-ketua UMNO bahagian di Johor itu juga mereka merupakan ketua bahagian dan juga *Ministers in Cabinet* dan juga *Deputy Ministers*.

Jadi yang ini saya tidak tahu tetapi yang saya tahu bahawa dia tidak merupakan satu pandangan yang mewakili pandangan UMNO keseluruhannya. Itu menyerupai pandangan seorang pemimpin di peringkat negerilah iaitu dia cakap.

Jadi kita amal kebebasan biarlah dia hendak cakap apa pun, apa salahnya, tidak orang kata apa kita dalam suasana di mana kita sekarang tidak *clamp down* apa orang hendak bercakap, macam Yang Berhormat bercakap dalam Dewan Rakyat, hendak cakap apa pun cakaplah, tidak ada masalah jadi ini *free speech*.

Jadi seolah-olah dalam satu ketika kita *free speech* untuk kita bercakap boleh tetapi kalau orang bercakap, oh! itu sudah menjadi keputusan. Pandangan dan keputusan berbeza. Itu pandangan dia. Keputusan tetap iaitu bahawa bangsa Malaysia merupakan satu usaha kita untuk perpaduan bangsa dan negara kita itu diteruskan. Saya belum lagi menghadiri Mesyuarat Kabinet di mana kita mengambil keputusan tolak bangsa Malaysia ini belum lagi, tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, isu *clamp down* tidak *clamp down*, tidak timbul, masalahnya ialah sama ada ini menunjukkan bahawa Wawasan 2020 menandakan satu bangsa Malaysia sudah dilemahkan, sudah dirosakkan dan tidak ada *political will* untuk meneruskan dan sebab itu bolehkah Kabinet pada hari Rabu mengeluarkan satu kenyataan dan pendirian yang tegas dalam perkara ini menunjukkan bahawa Wawasan 2020 mengenai bangsa Malaysia tidak akan tergugat oleh sebab desakan-desakan yang ada dibuat oleh sama ada Pengerusi UMNO Johor atau Menteri Besar Johor? Kalau tidak 16 tahun ini semua usaha dalam universiti-universiti, sekolah-sekolah dan masyarakat sivil, semua tidak guna.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sudah kata dia Menteri Besar Johor bukannya Perdana Menteri Malaysia, tidak faham kah? Jadi kita ada kebebasan untuk bercakap, orang boleh bercakap. Dia bercakap biarlah dia bercakap, tetapi dia bukan merupakan keputusan ataupun kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyatakan iaitu bahawa dari segi dasar, Wawasan 2020 dengan yang saya sebut sebentar tadi berkenaan dengan bangsa Malaysia, Perdana Menteri sudah kata iaitu bahawa ini akan diteruskan dan legasi Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir akan diteruskan, cukuplah.

Menteri Besar Johor hendak bercakap biar dia bercakap, langsung saya rasa tidak terjejas sebab saya tahu itu cuma pandangan daripada satu badan perhubungan, biarlah dia hendak bercakap iaitu hak dia bercakap sebab kita sudah bebas bercakap sekarang ini. Jangan duduk cit-cat, cit-cat, nantikan kalau *you* bercakap, *I* suruh duduk *you* marah pula, ini sudah kebebasan. Banyak cicak sana, *Penang* mari kah? Jadi, ha...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Gajah, gajah. Eh! Batu Gajah, *sorry*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Wah, wah, wah Yang Berhormat Menteri. Sekarang jadi jaguh, jaguh untuk *human rights*, hak asasi kebebasan bersuara tetapi apakah Yang Berhormat menjadi kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Johor ini sebagai Eksekutif Tertinggi Negeri akan menjejaskan perpaduan? Walaupun Yang Berhormat cuba membela Menteri Besar menyatakan oh! dia punya peribadi, dia punya kebebasan, dia punya pandangan, dia persendirian tetapi dia adalah pemegang jawatan tertinggi negeri eksekutif. Sebagai pemimpin negeri dan ini kenyataan bercanggah dengan dasar Barisan Nasional untuk bangsa Malaysia atas *cause* perpaduan negara ini dan komponen Barisan Nasional juga telah menegur. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat sedemikian? Kebebasan untuk bersuara tetapi atas *couse* menjejaskan perpaduan negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, apabila komponen parti bangun bercakap, menentang, maknanya itu bebaslah itu, baguslah. Kita tidak ada pula telefon kepada Gerakan, "*You* jangan buat kenyataan. MCA jangan buat kenyataan." Semua buat! Dan memang kita menentang. Kalau hendak dianggapkan itu bahawa kalau setiap kali kita bangkit perkara yang boleh memecahbelahkan masyarakat kita, banyak DAP bercakap kalau hendak kira banyak sudah boleh memecahbelahkan. Banyak benda dia cakap tetapi kita matang. Takkan kita hendak ambil tindakan *clamp* dia, tidak payahlah.

Jadi saya hendak supaya kalau kita menuntut hak kebebasan untuk kita bercakap, kita kena hormat juga hak orang lain untuk bercakap walaupun pedih telinga seperti mana banyak kali DAP bercakap pedih telinga tetapi itu hak dia, tidak apalah.

Jadi kita kena samalah. Jangan waktu kena kita, kita hendak marah. Tidak boleh macam itu. Jadi pada saya tetap saya telah mengatakan pada tahun...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pada tahun 1991 dahulu memang Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir dalam memperkenalkan Wawasan 2020 telah pun menyebut tentang Bangsa Malaysia. Benda itu kekal dan inilah akan kita lakukan, insya-Allah, untuk kita capai pada tahun 2020.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, terima kasih. Bila Yang Berhormat sebut pedih, sebenarnya saya pun pedih tetapi kita terpaksa telan kepedihan itu atas dasar toleransi. Apabila DAP... *[Disampuk]* Cuba dengar elok-elok. Apabila DAP buat satu demonstrasi di hadapan rumah Yang Berhormat Zakaria Mat Deros dengan permintaan untuk merobohkan rumah, dalam Islam kalau orang datang hendak roboh rumah kita adalah halal darah kita untuk mempertahankan...

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dengarlah dahulu!

Beberapa Ahli: Dengarlah!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dengarlah, dengar saya cakap. Itu adalah perkara dikira mencerooboh tetapi kalau ini berlaku dahululah, saya yakin ini boleh menimbulkan perselisihan kaum tetapi sekarang Zakaria menerimanya baik, kita menerimanya baik. Ini adalah sebagai satu manifestasi orang tidak suka dia buat salah. Itu menunjukkan bahawa kita sudah sampai kepada satu tahap perpaduan yang boleh diterima. Boleh Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju dengan kebebasan bersuara. Kita tidak boleh hendak marah orang kalau kita menuntut hak untuk kita. Kalau orang lain menuntut hak untuk dia, kita tidak boleh larang.

Tuan Pengerusi, kita beralih kepada SUHAKAM. Ini berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Memanglah mengikut subseksyen 4(1)(b) Akta SUHAKAM 1999, salah satu fungsi ialah menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendak diambil. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada kerajaan untuk mempertimbangkan syor yang telah dibuat. Tidak semestinya kita kena ikut. Dia dengan peranan dia memberi nasihat.

Macam dia kata ISA itu perlu difikirkan semula tetapi kita kena ada pertimbangan lain sebagai kerajaan. SUHAKAM mungkin dari segi *human rights*, dari segi undang-undang tetapi kita ada banyak segi lain yang perlu dipertimbangkan – keselamatan dalam negara, ini semua perlu kita pertimbangkan. Jadi sebab itu mereka memainkan peranan mereka tetapi terpulanglah dia memberi nasihat kepada kita dan terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan berkenaan dengan apa yang telah dinasihatkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Sebenarnya ini dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tetapi apa yang mustahak ialah untuk sudah lima, enam tahun di mana SUHAKAM ada buat beberapa perakuan untuk reformasi undang-undang supaya kita menghormati hak asasi. Sebab itu kita ada tubuhkan SUHAKAM. Kenapa sampai sekarang sungguhpun ini hak kerajaan sama ada untuk menerima atau menolak, tetapi sampai sekarang nampaknya tidak serius dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh SUHAKAM. Nampaknya SUHAKAM menjadi satu *window dressing* sahaja supaya kita boleh tunjuk kepada dunia bahawa kita pun ada satu *Human Rights Commission*, bahawa kita pun mengikut *other trappings of respect* tetapi *substance* tidak ada. Bukankah kita sebenarnya mahu serius dalam *human rights* dan bahawa *recommendations*, perakuan-perakuan patutlah dapat pertimbangan yang serius di mana ada datang ke Parlimen dengan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh kerajaan selepas laporan-laporan diterima daripada SUHAKAM.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, adalah lebih baik kita wujud SUHAKAM untuk memperingatkan kita tentang syor-syor itu daripada langsung tidak ada. Sekurang-kurangnya pada tiap-tiap tahun, dia akan mengesyorkan. Kalau tidak nanti langsung kita lupa tetapi dalam keadaan di mana mereka mengesyorkan supaya kita, katalah sebagai contoh Akta ISA ini diberhentikan, pada waktu ini kita dengar Amerika tengah buat dia punya *Homeland Security Act*. Kita dengar Britain hendak buat apa yang kita buat. Jadi kita terpaksa tangguh dulu kerana mungkin ada meritnya ISA ini diadakan sehinggakan ada negara-negara Barat seperti Amerika dan Britain sedang memikirkan tentang akta seperti ini.

Jadi sebab itu saya rasa yang jauh lebih penting ialah keselamatan negara kita. Macam *Printing Press Act*, Yang Berhormat, saya rasa kalau kita tengok tentang reaksi mentaliti orang Islam macam di Denmark, dia membenarkan supaya kartun-kartun berkenaan dengan Nabi Muhammad S.A.W dikeluarkan yang merupakan satu pelanggaran terhadap akidah orang-orang Islam tentang wajah Rasulullah tetapi kepada dia, *Printing Press Act*, dia boleh buat apa, dia tidak ada halangan, dia buat tetapi cuba buat di sini.

Jadi, susah. Lebih baiklah kita pastikan supaya perkara yang tidak baik yang mungkin boleh berlaku itu jangan berlaku dengan kita mengambil tindakan-tindakan yang menghalang. Apa gunanya kalau sudah bergaduh esok, sudah mati 100 atau 200 orang, baru hendak buat, ada akta. Buat apa? Lebih baiklah sedikit sebanyak kita punya kebebasan itu tersekat tetapi yang penting ialah keselamatan rakyat kita dalam negara Malaysia ini.

Anggota-anggota suruhanjaya dilantik oleh Yang Dipertuan Agong di atas syor Perdana Menteri. Mereka dilantik untuk tempoh dua tahun dan layak dilantik semula. Mereka yang dilantik terdiri daripada kalangan tokoh terkenal daripada pelbagai latar belakang, agama dan kaum. Tidak betullah kalau kita katakan orang yang lantang, ahli yang lantang, kita tidak panjangkan. Itu tidak betul. Itu tidak merupakan asas untuk kita menghentikan seseorang itu menjadi Ahli Jawatankuasa SUHAKAM.

Kerajaan berpuas hati dengan prestasi Tan Sri Abu Talib sebagai Pengerusi SUHAKAM. Oleh yang demikian, beliau telah dilantik semula sebagai Pengerusi SUHAKAM tetapi biasalah, kalau lantik dahulu kalau Tun Musa waktu dia jadi pengerusi, orang marah tetapi bila dia sudah berhenti, orang lain naik, orang kata dia bagus. Serupa juga macam bekas Perdana Menteri. Dahulu nampak semua orang tidak suka dia tetapi sekarang ini jadi hero. Itu biasalah, lumrah, kita tidak boleh elak. Kita tidak boleh elak

Kerajaan sangat mengambil berat mengenai hak asasi manusia. Oleh yang demikian kesemua syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM telah diberikan pertimbangan sewajarnya dan dilaksanakan di mana sesuai demi kepentingan rakyat dan negara.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, saya bangkit tentang perkara itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, Yang Berhormat yang bangkit, bukan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya, saya yang bangkit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Okay, okay.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tentang peranan SUHAKAM. *Okay*, bolehkah Yang Berhormat beritahu kita, apakah cadangan-cadangan pindaan dan pembetulan tentang hak asasi manusia di negara kita ini telah pun dipraktikkan, telah pun dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh kerajaan setakat ini dan juga apakah sumbangan Tan Sri Abu Talib selepas beliau menjawat jawatan Pengerusi SUHAKAM sampai sekarang, apakah sumbangan dia sampai sekarang?

Itulah perkara yang kita persoalkan dan saya tahu ada beberapa pekerja yang memang prihatin terhadap hak asasi manusia, mereka merasa sangat kecewa untuk bekerja di SUHAKAM dan mereka telah pun dipaksa untuk letak jawatan.

Kita lihat beberapa bekas Pesuruhjaya SUHAKAM yang mana agak vokal dan agak kritikal terhadap hak asasi manusia dan beberapa praktis agensi kerajaan kita yang menghina hak asasi manusia, kontrak mereka ini tidak disambung lagi. Jadi saya memang tidak setuju. Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan mempertimbangkan dan mengambil berat semua cadangan daripada SUHAKAM itu.

Apa yang kita lihat sekarang SUHAKAM memang satu *window dressing* bagi Kerajaan Barisan Nasional dan banyak cadangannya memang tidak dipentingkan. Jadi, macam manakah dalam tahun yang akan datang Kerajaan Barisan Nasional akan memperbetulkan keadaan ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya sudah sebut tadi bahawa mana yang kita boleh laksana kita laksanakanlah ikut sesuai. Saya kira di antara perkara yang SUHAKAM bangkit di masa yang lepas iaitu berkenaan betapa perlu kita mesti menjaga keselamatan orang yang memberi bukti semua. Hasil daripada itu, kita ada *Witness Protection Act* semua ini dan juga saya percaya macam CPC yang telah pun dibentangkan dalam Dewan ini. Begitu juga hasil daripada pandangan dan syor daripada SUHAKAM yang kita laksanakan dan insya-Allah ianya akan digazet, akan bermula berkuat kuasa pada 1 Januari 2007. Ini semua, tetapi bukanlah semua yang dia cadang itu kita kena terima sebab saya sudah kata kita kena ambil pertimbangan lain juga. Jadi sebenarnya ada cadangan-cadangan dan syor yang dibuat oleh SUHAKAM yang telah pun kita ambil kira dan telah pun kita akan jadi sebagai akta dan akan dibahaskan di Dewan ini. Berkenaan dengan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan di sini. Yang Berhormat Menteri tadi kata yang *Penal Code* dan CPC, pindaan itu akan dilaksanakan pada 1 Januari tahun depan. Kenapa begitu lama? Ia sudah diwartakan. Yang Berhormat Menteri hanya perlu tandatangan sahaja pada rang undang-undang itu dan ia boleh dijadikan undang-undang dan kita mungkin boleh mengelakkan lebih penyelewengan kuasa dan juga mungkin kematian di lokap balai polis seperti apa yang berlaku kepada kes Suraj yang saya bangkitkan itu. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh tandatangan hari ini, esok ia boleh dijadikan undang-undang. Kenapa tidak dibuat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita bawa dalam bulan lapan kalau tidak silap saya, sesi yang kedua. Jadi bawa ke Dewan Negara, kemudian perkenan dan ada sedikit perkara yang kita perlu mengambil masa sedikit iaitu berkenaan dengan *community services* di mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memerlukan sedikit masa untuk memastikan supaya kalau kita ada sedikit *community services* CPC nanti, kalau orang itu guna *community services* maka kita bersedia untuk menjalankan arahan hukuman daripada mahkamah. Itu yang terlambat sedikit.

Jadi untuk menyelesaikan *teething problem* yang ada ini, akta itu *okay* lah, cuma bila akta itu kita kuat kuasa nanti apabila dia berjalan, takut nanti prasarana tidak sedia untuk menjalankan hukuman itu di antaranya *community services* ini. Jadi sekarang ini saya percaya perkara ini telah pun diatasi dan sebab itu saya rasa pada tarikh yang sesuai ialah pada 1 Januari 2007.

Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan penubuhan IPCMC. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa tindakan yang sewajarnya sedang diambil oleh Peguam Negara selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Jabatan Peguam Negara telah adakan beberapa siri mesyuarat dengan agensi-agensi yang berkaitan dan mengkaji tentang struktur IPCMC yang dicadangkan itu. Jabatan Peguam Negara sedang mengambil tindakan untuk menggubal rang undang-undang untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan yang sewajarnya. Jadi itu berkenaan dengan IPCMC.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa Jabatan Peguam Negara ambil masa begitu panjang? Bukankah laporan Suruhan Diraja Mengenai Polis pun ada satu *appendix*, satu draf rang undang-undang IPCMC yang ada dicadangkan, yang boleh menjadi asas untuk pertimbangan? Kenapa ambil masa yang begitu panjang dan menimbulkan soalan sama ada ini semua sebenarnya oleh kerana halangan pihak polis yang tidak mahu IPCMC ditubuhkan?

Satu *revolt*, satu *insubordination* oleh pihak polis yang sungguhpun adalah IGP yang baru yang kata bahawa pihak polis rela menerima IPCMC dan apa keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan tetapi bab itu di mana pihak polis tunjuk dengan terang bahawa mereka tidak boleh terima IPCMC bukanlah satu *chapter* yang tidak boleh dilupakan dan sebab itu sangat mustahak IPCMC ditubuhkan. Dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jawapan yang jelas sama ada IPCMC akan ditubuhkan? Satu rang undang-undang akan dikemukakan atau adakah ini masih menjadi satu tanda tanya? *Still a big question mark? Okay, we give a big answer* bahawa IPCMC *build is coming*, akan ditubuhkan, bolehkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu. Saya sudah cakap dah, dia tidak dengar kah? Saya kata, Jabatan Peguam Negara sedang mengambil tindakan untuk menggubal Rang Undang-undang untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan yang sewajarnya. Jadi soal sama ada... [*Yang Berhormat bagi Kepong bangun, berdiri*] Yang Berhormat bagi Kepong, orang hendak jawab. *You* duduk dululah, jangan kacau saya. Saya hendak jawab...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak kacau.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beri penjelasan kepada Ketua Pembangkang, macam mana *you* tidak hormat Ketua Pembangkang?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cadangan itu dibuat pada bulan Ogos tahun lepas...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti dahulu, saya belum habis jawab lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sudah satu tahun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya belum habis jawab lagi. Sudahlah tidak mari siang ambil bahagian...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lebih satu tahun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Biarlah saya jawab dahulu. Sabar, bulan Syawal. Okey Yang Berhormat, betul memang ada dalam ia punya *guideline* tetapi kita hendak lihat apa yang ada di Australia, apa yang ada di Great Britain. Yang ini kita hendak kaji, hendak tengok. Memanglah itu kita guna sebagai asas tetapi kita tidak boleh ambil *lock, stock and barrel* apa yang dicadangkan oleh suruhanjaya itu. Ianya juga mesti diambil kira tentang apa yang ada di Australia, negara yang kita fikirkan mempunyai infrastruktur yang mencukupi dalam soal ini.

Jadi sebab itu kita mengambil masa sedikit. Kanada lagi sebuah negara yang kita melihat dia punya strukturnya. Jadi tidak apalah lambat sedikit, janjinya insya-Allah nanti kita betul dan akhirnya yang penting apa yang telah kita perkatakan akan menjadi kenyataan. Baiklah kita berhati-hati dan memikirkan yang terbaik. Jadi saya minta Yang Berhormat dalam hal ini sabarlah, kalau kata bulan lapan tahun depan memang betullah tetapi kita pertama hendak buat rang undang-undang itu dulu. Sebelum ada rang undang-undang itu dulu, kita hendak kena tengok dulu struktur yang ada di negara lain. Kita buat perbandingan sebab itu ia memakan masa sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana sudah begitu lama, lebih satu tahun, ada latar belakang yang bantahan pihak polis, kita mahu satu pendirian yang jelas sedang dan akan ambil masa mungkin akhirnya tidak akan wujud. Bolehkah kita ada satu jaminan yang konkrit bahawa IPCMC akan ditubuhkan, bahawa rang undang-undang IPCMC tidak akan dilewat-lewatkan lagi dengan masa yang tersingkat akan dibentangkan supaya boleh diluluskan. Dan oleh kerana kedudukan jenayah di negara kita sudah hilang kawalan sehingga Ahli-ahli Parlimen pun menjadi *victim* semua, semua pun boleh menjadi *victim* termasuk menteri sendiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu bahasa apa lagi saya hendak kata. Saya sudah kata kita akan bawa kepada Jemaah Menteri.

Dalam soal ini, ia bukan semudah yang kita fikirkan kerana kalau ada draf dan undang-undang yang ada dalam Laporan Suruhanjaya itu, banyak kita kena pastikan supaya rang undang-undang itu *workable in our country* selaras dengan undang-undang negara kita tetapi struktur IPCMC ini kita tidak boleh hanya terima mengikut apa yang ada di *jurisdiction* yang lain, dengan izin. Jadi biarlah kita lihat ini semua dan nanti yang penting saya tidak mahu cakap apa. Yang Berhormat suruh saya *commit* kah, apa kah, saya cuma yang penting akhirnya kita tengok apa. Jadi atau tidak jadi, tunggulah.

Dan saya tidak akan ditekan untuk membuat satu kenyataan komitmen di sini. Tetapi seperti yang telah saya katakan di sini bahawa saya rasa cukup baik Jabatan Peguam Negara sedang mengambil tindakan untuk menggubal rang undang-undang untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan yang sewajarnya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Oleh kerana dalam perkara Peguam Negara, oleh kerana ini bersangkut paut dengan satu isu tadi iaitu Zakaria. Sungguhpun dia diisytiharkan sebagai *bankrupt*, muflis semasa beliau menjadi Senator, kenapa dia terus boleh menikmati pencen daripada Parlimen?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ni saya akan ambil *advice* daripada AG dalam perkara ini. Saya pun juga tidak tahu dalam hal ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sudah dekat dua jam hanya tiga perkara kita dapat menjawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi macam mana? Saya terpulung. Kalau isu-isu..., saya ingat 4.30 saya boleh berhentilah. Sebab kita ada EPU lagi dan juga Agama Islam. Tak boleh besok, kita...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peguam Negara habis, Peguam Negara habis...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Apa dia?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peguam Negara habis? Peguam Negara belum habis...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum, belum habis lagi. .

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mungkin saya boleh tanya terakhir mengenai Peguam Negara. Oleh sebab apa yang berlaku semalam, di mana kes terhadap Sukma telah ditarik balik, di mana menunjukkan bahawa tidak ada asas untuk dakwa beliau termasuk Anwar Ibrahim. Adakah sekurang-kurangnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi perkara ini telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tumpat

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Peguam Negara akan meminta maaf dalam perkara ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana ada sistem dalam negara dan dalam dunia, di mana kalau kes itu di bawa, kemudian mahkamah yang paling tinggi membuat keputusan yang tidak memihak kepada keputusan mahkamah di bawah, mana ada hakim mahkamah bawah kena minta maaf. Tidak pernah ada. Peguam Negara di United Kingdom pun kalau dia kalah kes dia tak boleh, tak perlu minta maaf.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini *Malaysia's persecution, Malaysia's* bukan *selective persecution*....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin mengatakan di sini, iaitu bahawa untuk menjawab Yang Berhormat bagi Tumpat. Mahkamah Tinggi membuat keputusan berdasarkan kepada fakta-fakta yang ada pada ketika itu dan pihak DPP juga membuat pendakwaan berdasarkan fakta-fakta itu. Tidak ada *malaise*.

DPP mesti profesional. Suka tak suka ketepikan sentimen politik ke sentimen apa. Itu kerja dia untuk mendakwa berdasarkan kepada fakta yang diberikan kepada dia. Dakwa bersungguh-sungguh dan hakim juga akan mengambil keputusan berdasarkan kepada fakta yang telah diberikan di dalam mahkamah dan dia buat keputusan. Apabila pergi ke mahkamah yang tinggi selepas itu, apabila hakim di situ membuat keputusan, bahawa *confession* yang di buat oleh Sukma itu adalah diragui kerana dianggap mungkin atas paksaan. Maka segala fakta yang wujud di peringkat mahkamah yang rendah itu tak boleh pakai dah.

Kita tak boleh salah kepada DPP. Kerana dia mendakwa kepada fakta yang mengatakan *confession* itu adalah *valid*. Dan kita tak boleh marah kepada hakim, dia membuat keputusan berdasarkan kepada semua pada ketika itu adalah *valid* tetapi kalau mahkamah yang atas mengatakan *confession* itu tidak *valid*, maka tidak ada kes lah. Nak teruskan apa lagi? Kerana segala-gala fakta yang ada itu telah dianggap sebagai tidak *valid*. Apa perlu minta maaf pula. Profesional lah. Kita tak boleh salah kepada *Attorney General*, kita tak boleh salah kepada mahkamah yang peringkat bawah itu buat keputusan. Kerana *base* dia, *confession is not valid*, habis semua kes. Nak dakwa apa lagi? Sebab itu mereka ambil keputusan tidak mendakwa. Apa perlu nak minta maaf pula? *This is* profesionalisme. Dia bukan ada sentimen marah ke, tidak ada. Dia kena ikut berdasarkan tanggungjawab dia untuk mendakwa. Kalau tidak jangan jadi DPP.

Jadi itu sebab Yang Berhormat dalam hal ini tidak diteruskan kerana perkara yang paling penting yang dianggapkan sebagai boleh mengenakan hukuman itu telah pun didapati diragui. Jadi tidak apalah, tak boleh dakwa lah, nak dakwa apa dah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab profesionalisme. Sebab faktor-faktor profesionalisme oleh kerana pendakwaan yang asal ialah tidak berasas bukan sahaja selektif tapi *Malaysia's* perlu memohon minta maaf, oleh kerana beliau profesional.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak betul, sebab dia profesional, dia takde sentimen. Dia dakwa pun bukan dengan *malaise*. Apasal dia nak mintak maaf pula? Kalau begitu setiap kes bawa ke Mahkamah Rayuan ditendang, semua kena minta maaf. Ada proses, dengan ini saya minta maaf. Mana boleh pula. Dia tak terlibat secara langsung pun dari segi kelakuan, dia cuma profesional mendakwa. Dia dapat maklumat, dia dakwa. *That's it.*

Jadi tak boleh kita nak suruh dia minta maaf. Saya ingat tak kena. Saya ingat akan berlaku perkara di mana semua kes yang rayu dan didapati tak betul, setiap kalilah DPP kena minta maaf. Saya tak pernah tengok sistem ni di mana-mana negara pun. Termasuk di Komunis China pun tidak ada.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Ya Yang Berhormat. Ingatan saya berbeza dengan ingatan Yang Berhormat Menteri. Ingatan saya ialah kes rayuan beliau di tahap Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan mencapai keputusan bahawa prosedur Mahkamah Rendah silap kerana saksi profesional doktor yang mengatakan bahawa tidak ada bukti perubatan, kesihatan, kedokteran bahawa si Sukma ini pernah diliwat dan kesaksian tersebut tidak di guna pakai oleh hakim Mahkamah Rendah yang terus menghukum Sukma. Maka sebab itu ianya di arahkan turun balik ke Mahkamah Presiden, *Session Court*, dengan izin, kalau ianya kes rayuan, dia tidak turun daripada Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Rendah. Ia naik ke Mahkamah Persekutuan. Jadi saya fikir ini ada perbezaan ingatan antara...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul la tu. Maknanya kalau tak pergi kepada rayuan pun kalau didapati prosedur tu tak betul, tapi kepada hakim itu, ia merasakan pada ketika itu dia betul, makna pada ketika itu kes itu ada tetapi apabila didapati ada kesilapan prosedur, di arah balik, kalau di gunakan kenyataan saksi itu jelas menunjukkan bahawa Sukma tidak di liwat, nak teruskan apa lagi dah? Ini kesilapan hakim. Dan hakim manusia. Sebab itu kita ada rayuan, rayuan, rayuan begitu. Sebab hakim itu manusia, dia ada buat kesilapan.

Kita tak boleh lah *speculate* bahawa hakim itu berniat jahat. Jadi hakim itu membuat kesilapan. Dan betul macam mana DPP merasakan itu bahawa kalau maknanya kenyataan bukti yang di buat oleh doktor itu adalah betul, dan *the case collapse*.

Kalau dah tau kes *collapse* nak teruskan buat apa? Ini biasalah nak buat macam mana. Ada orang kena tahan sampai 20 tahun, kadang-kadang di dapati silap. Nak buat macam mana, ini manusia. Sebab itu saya rasa tidak perlu untuk membuat kenyataan minta maaf. Dalam hal ini, kerana ini merupakan lumrah, *procedure*, ada kesilapan manusia. Jadi kita tak perlu supaya, akan berlaku satu perkara yang tidak pernah berlaku. Seorang hakim kah, DPP kah, AG ke minta maaf tentang perkara ini. Kalau tidak kita tak boleh buat *due* proses. *No persecution can be done to this country* Takut mungkin berlaku kesilapan ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingat setakat inilah saja saya nak jawab, yang penting-penting. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Saya selective legal practice?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya telah pun mendapat, pegawai saya telah pun mencatat apa Yang Berhormat sebut. Jadi nota Yang Berhormat itu saya akan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya nak bangkitkan seperti apa yang saya nyatakan, beberapa faktor mengenai perkara itu bolehkah jawapan diberi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya akan beri, saya akan beri secara bertulis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *After this?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan, sekarang tak boleh fasal dia nak kena balik, dia nak kena dapat jawapan yang betul kerana ini daripada AG. Yang Berhormat bagi saya nota tadi. Saya kena bagi jawab yang bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang saya punya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, *you* nak berhenti sekarang? Macam mana soalan saya tentang peruntukkan tahunan kepada parti politik, sistem pilihan raya kita dan juga saya menyoal tentang RM2 juta peruntukkan pembangunan kenapa diberi kepada BN, urusan Parlimen juga saya tanya, tentang KL Linear City, setinggan? Apakah..., kenapa semua ini tidak di jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan tidak di jawab, sebab apa Yang Berhormat tanya tu bukan di bawah saya punya pengendalian. Sebab saya AG, rasuah, itu SPR. Dan lepas ini Yang Berhormat bagi Parit Buntar, bukan Parit Buntar, Senator Timbalan Menteri akan menjawab. Mana yang bawah saya, yang saya tak sempat nak jawab, saya akan sampai secara bertulis tetapi saya percaya yang pokok-pokok yang isu-isu penting telah pun dijawab. Itu saja Yang Berhormat. Ada...,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak tanya bahawa penyertaan bumiputera Pulau Pinang dan juga pembangunan masyarakat dan pembersihan sungai di pelbagai negeri di bawah siapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu di bawah Timbalan Menteri, itu dia akan menjawab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Intakes civil service, Dato'?*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Di bawah Timbalan Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Wah! Semua tolak sebelah sana.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah, saya yang serius punya, yang law, yang isu-isu yang kontroversi lah tetapi ini kontroversi juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab, dengan kenyataan-kenyataan EPU semua. Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang itu kena kontroversi lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Saya jawab undang-undang, rasuah. Yang lain, yang saya tidak sempat menjawab, saya akan sampaikan jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.21 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah kendalian saya di Jabatan Perdana Menteri. Pertama sekali Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ada menimbulkan tentang isu metodologi ekuiti yang diguna pakai oleh EPU adalah cacat dan mempunyai agenda tertentu.

Untuk makluman Dewan, di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan, pihak kerajaan telah menubuhkan suatu jawatankuasa khas dalam mengkaji satu metodologi terbaik bagi membuat anggaran hak milik modal saham sektor korporat. Jawatankuasa khas ini melibatkan Unit Perancang Ekonomi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia Berhad dan Permodalan Nasional Berhad.

Dalam mengkaji pemilikan ekuiti dalam sektor korporat antara maklumat utama yang diguna adalah seperti berikut:

- (i) berikutan daripada penyata tahunan syarikat yang terakhir bagi syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM;
- (ii) maklumat pemilikan ekuiti syarikat-syarikat tersenarai daripada Bursa Malaysia Berhad;
- (iii) maklumat daripada institusi-institusi kepentingan bumiputera seperti Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Jabatan Pembangunan Koperasi;
- (iv) maklumat pemilikan ekuiti oleh agensi-agensi amanah berkaitan seperti Permodalan Nasional Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN);
- (v) maklumat mengenai saham-saham amanah daripada Suruhanjaya Sekuriti dan syarikat-syarikat pengurusan dana amanah berkaitan seperti PNB dan sebagainya; dan
- (vi) kajian Unit Perancang Ekonomi mengenai pemilikan kepentingan melalui syarikat-syarikat *nominee*.

Hak milik modal saham mengikut kumpulan etnik. Perangkaan mengenai pegangan modal saham dalam syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia merupakan maklumat utama yang terpenting dalam membuat anggaran hak milik modal saham mengikut kaum. Maklumat yang terkandung dalam laporan tahunan syarikat yang diguna pakai oleh Unit Perancang Ekonomi di antaranya ialah maklumat mengenai jenis syarikat, aktiviti syarikat, bangsa dan kewarganegaraan dan jumlah pegangan saham bagi setiap pemilik yang tersenarai di dalam pernyataan tahunan berkenaan.

Di samping itu maklumat daripada penyata tahunan syarikat juga mengandungi senarai pemilik dan jumlah saham milik bukan individu seperti syarikat-syarikat sendiri berhad, syarikat-syarikat awam berhad dan agensi-agensi kerajaan dan sebagainya. Penentuan pemilikan ekuiti bagi kumpulan bukan individu atau saham yang dimiliki oleh syarikat berdasarkan laporan penyata tahunan syarikat dibuat sehingga kepada beberapa peringkat carian sehingga pemilikan individu dapat dikenal pasti memandangkan maklumat bagi keseluruhan 609,625 syarikat dapat dikenal pasti, maka proses carian secara berperingkat dapat dibuat bagi mengenal pasti pemilik individu yang berkepentingan.

Kaedah pengiraan menggunakan nilai par digunakan bagi penyediaan data hak milik ekuiti sektor korporat memandangkan ia dapat memberi gambaran umum mengenai asas modal saham syarikat bagi keseluruhan sektor korporat berdasarkan satu ukuran *constant*, dengan izin, dan dari semasa ke semasa.

Nilai pasaran juga boleh digunakan tetapi hanya bagi syarikat-syarikat yang tersenarai sahaja. Bagi syarikat yang tidak tersenarai, nilai pasaran tidak dapat digunakan. Ini adalah kerana nilai pasaran sentiasa berubah-ubah dan sentiasa dipengaruhi oleh faktor yang tidak semesti menggambarkan nilai sebenar dan prestasi syarikat seperti *window dressing*, dengan izin, dan manipulasi pasaran.

Oleh yang demikian, ukuran berasaskan kepada nilai par dianggap satu kaedah yang sesuai digunakan. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa mengkaji metodologi pengiraan ekuiti dari semasa ke semasa dan sentiasa menerima teguran daripada mana-mana bagi memperbaiki pengiraan ekuiti sedia ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Pertama, saya mahu tanya kenapa menteri yang bertanggungjawab tidak ada di sini, satu perkara yang begitu penting? Adakah oleh kerana beliau takut, pun perlu jawab punca RM50 juta *alimony* kepada isteri pertamanya, menunjukkan bahawa beliau sebenarnya NEP Putera yang *par excellence*, NEP putera bukan sahaja UNMO Putra tetapi NEP Putera.

Yang kedua, saya ada dalam ucapan, saya ada cakap panjang mengenai *floors* dan kelemahan-kelemahan menggunakan metodologi-metodologi EPU khasnya menggunakan nilai *par*. Adakah Yang Berhormat akan memberi jawapan setiap contoh-contoh dan *floors* dalam ucapan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, kami di sini menjawab adalah secara kolektif, bukan sahaja kalau Yang Berhormat Menteri saya tidak ditanggung, saya pun boleh jawab untuk bagi pihak kementerian lain kerana kita adalah *collective responsibility*. Saya harap Yang Berhormat dapat bertanya nanti setelah saya selesai semua sekali sebab panjang apa yang akan jawab untuk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, terima kasih. Tuan Pengerusi, kenapa mengenai *collective responsibility*, barulah dikemukakan untuk jawab di Parlimen ini apabila Yang Berhormat Menteri tiada dan Timbalan Menteri tiada tetapi dalam perkara yang lain prinsip *collective responsibility* tidak dipakai, tidak dihormati tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak datang, Timbalan Menteri hilang, barulah ikut prinsip *collective responsibility*. Bukankan ini sangat *perverse* logik untuk menggunakan *collective responsibility*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, saya tengok Ketua Pembangkang, dia sepatutnya ikut Peraturan Mesyuarat. Kalau hendak bercakap, bercakap bila saya duduk dan Tuan Pengerusi bagi, ini terus bercakap. Saya berdiri, dia bercakap, jadi Dewan ini macam kandang kambing nampaknya.

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Kandang kucing.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kandang kucing terkurung dia duduk dalam itu tidak keluar itu, bunyi sahaja. Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat bagi Seputeh ini dia tak tahulah, bisung.

Tuan Pengerusi, pemilikan ekuiti agensi-agensi amanah, pemilikan modal saham oleh agensi-agensi amanah dalam syarikat-syarikat diperolehi melalui agensi-agensi berkaitan. Agensi-agensi amanah tersebut adalah seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan perbadanan-perbadanan ekonomi negeri.

Agensi-agensi ini ditubuhkan antara lainnya bertujuan untuk membantu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Pemilikan ekuiti institusi-institusi kepentingan Melayu atau bumiputera...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita ada usul mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1), jadi jawapan Yang Berhormat boleh sambung semula selepas usul itu diselesaikan nanti.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

Pembunuhan Rakyat Palestin di Semenanjung Gaza oleh Tentera Israel

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan pembahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Gombak, sila kemukakan.

4.41 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah membenarkan saya untuk membahaskan usul ini.

Yang pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar dalam kesibukan beliau, beliau masih lagi hadir pada sidang Dewan Rakyat pada hari ini untuk menjawab usul yang saya kira amat penting dan beliau baru sahaja sampai tengah malam tadi bersama dengan Perdana Menteri dari Pakistan. Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah merupakan hari yang keenam tentera Israel sekali lagi melakukan kekejaman kepada rakyat Palestin, terutama kepada mereka yang tinggal di Semenanjung Gaza, lebih spesifik di dalam kawasan bandar yang dinamakan sebagai Beit Hanon. Kalau saya sebut dengan perkataan Arab yang betul. Kita tahu bahawa pada hari ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh atau tidak buat pembetulan? Bukan hari yang keenam, tahun yang ke-53.... *[Disampuk]*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Untuk siri serangan yang terbaharu, ini adalah hari yang keenam dan kita tahu bahawa konflik Israel-Palestin ini sudah berlaku lebih daripada lima dekad. Itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita tahu bahawa untuk siri yang terbaharu ini 54 orang telah terbunuh dan kebanyakan mereka adalah kanak-kanak dan juga wanita-wanita yang telah berumur.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kali ini bukan sahaja mereka membunuh rakyat Palestin, tetapi terdapat juga seorang Menteri iaitu Menteri Tenaga dan Pendudukan Palestin juga telah diculik oleh tentera Zionis ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dari itu tentera Israel juga kali ini menggunakan roket pelancar yang baru.

Roket pelancar yang baru kali ini bukan sahaja setakat membunuh tetapi kalau terkena boleh menghancurkan badan manusia. Itulah yang berlaku.

Yang tercedera, tercedera dengan teruk dengan roket yang baru ini, yang mana anggota, kakitangan mereka akan hancur kalau terkena dengan roket buatan Israel yang baru ini.

Beginilah Tuan Yang di-Pertua, begitu kejamnya rejim Israel ini, begitu zalimnya mereka dari semasa ke semasa sentiasa membunuh. Dan, bukan setakat membunuh sahaja Tuan Yang di-Pertua tetapi juga kita tahu mereka juga menggunakan jentolak untuk masuk ke kawasan perumahan orang Palestin, di Semenanjung Gaza, terutama di bandar Beit Hanon, seperti mana yang saya sebutkan tadi untuk merobohkan rumah-rumah orang Palestin yang tidak berdosa ini. Jentolak-jentolak tentera ini disebutkan oleh orang Palestin seperti *dinosaur* yang datang waktu malam, datang waktu gelap, merobohkan kediaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam masa 6 tahun kebelakangan ini sahaja lebih kurang 2,300 penduduk yang tinggal di Semenanjung Gaza telah dibunuh dan dalam masa kebelakangan empat bulan yang akhir ini, 300 orang Palestin yang tidak berdosa telah dibunuh. Kalau kita lihat rejim Yahudi telah membina ratusan ribu kilometer panjangnya tembok yang sungguh mengaibkan, tembok yang paling mengaibkan setelah runtuhnya Tembok Berlin dalam tahun 1987. Kalau kita lihat di Tebing Barat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terdapat 528 sekatan jalan raya. Satu bilangan sekatan yang paling banyak, sekatan pekapita yang paling banyak di mana-mana tempat di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di Gaza ada lebih kurang $\frac{1}{2}$ juta rakyat Palestin, $\frac{2}{3}$ daripada mereka hidup di bawah paras kemiskinan dan 45% daripada mereka itu menganggur. Mereka tinggal di kawasan yang keluasannya lebih kurang 350 kilometer persegi. Mereka ini diperlakukan pelbagai kekejaman oleh Israel dan dibiarkan kelaparan. Selain daripada itu, cerita ini bukan sahaja berlaku di Wilayah Gaza, tetapi juga berlaku di wilayah-wilayah lain. Selain daripada itu rakyat Palestin ini diasing-asingkan menerusi sistem pemisahan yang menimbulkan kesulitan yang teramat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat nyawa rakyat Palestin ini begitu murah. Seorang tentera Israel tukarannya lebih kurang 300 orang rakyat Palestin. Bukan sahaja mereka ini dikorbankan, dibunuh tetapi mereka juga dcederakan dengan teruk. Baru-baru ini kita tahu sehingga Malaysia menghantar tentera pengaman ke Lebanon. Baru-baru ini di Lebanon, kita tahu bahawa dua tentera Israel yang ditawan di sempadan Lebanon menggerakkan serangan ke atas negara yang berdaulat itu tetapi dunia dapat menyaksikan niat Israel untuk menghancurkan Hizbullah itu tidak kesampaian, kita lihat niat yang jahat itu untuk menghancurkan Hizbullah tidak kesampaian, malah Israel dimalukan.

Kalau kita lihat kembali, kenapa keganasan yang baru ini, pembunuhan yang baru ini tidak mendapat liputan, kurang mendapat perhatian? Adakah kerana konflik Israel-Palestin ini sudah terlalu lama, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, sudah lebih lima dekad dan kurang mendapat perhatian. Kita juga tahu hari ini Israel makin lama semakin gusar apabila Hamas yang dituduh sebagai pengganas menguasai secara majoriti di Palestin. Mereka menjadi gusar – mereka ingin mengalahkan Hizbullah. Mereka tidak dapat mengalahkan Hizbullah, malahan mereka dimalukan oleh Hizbullah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang sebenarnya yang menjadikan kekusaran yang amat sangat oleh kerajaan rejim Zionis yang zalim ini. Dengan dibantu oleh sekutu Israel, yang kita tahu Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, mereka semakin hari semakin kejam. Tuan Yang di-Pertua, kita tengok Amerika Syarikat mengatakan Amerika menyerang Afghanistan kerana mahu mengembalikan demokrasi. Amerika Syarikat menyerang Iraq, mahukan negara Iraq itu menjadi demokrasi.

Mengapa sebuah kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi yang sah di Palestin yang telah memilih Hamas mereka tolak, sehinggakan Amerika Syarikat dengan sekutu-sekutunya menghentikan bantuan terhadap Palestin, oleh kerana kerajaan yang dipilih oleh rakyat Palestin itu ialah kerajaan yang telah dicap ataupun telah ditentukan oleh Amerika Syarikat sebagai pengganas.

Satu lagi kalau kita lihat yang berlaku di sana, Tuan Yang di-Pertua. Di Palestin terutama di kawasan Tebing Barat, kita dapati bahawa terlalu banyak penempatan haram Yahudi iaitu kawasan yang dikuasai semasa peperangan. Kawasan-kawasan ini diduduki dengan haram dan kita tahu ini sebenarnya dengan jelas melanggar peruntukan Konvensyen Geneva tetapi kita tengok bahawa PBB tidak bermaya kerana apabila Amerika Syarikat dan sekutunya menghalalkan, PBB tidak bermaya.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa Saddam Hussein telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati kerana Saddam Hussein telah dikatakan membunuh penduduk Kampung Dujail sebanyak lebih kurang 148 orang. Saya tidak menentang hukuman ini kalau Saddam Hussein benar-benar membunuh ataupun sekejap itu membunuh orang kampung sebanyak 148 orang. Di sebaliknya mengapakah jenayah *genocide* ini dibicarakan atau diadili secara terpilih.

Kita tahu Ariel Sharon telah membunuh beribu-ribu orang di Kem Sabra dan Shatila, kalau saya boleh membunyikannya dengan betul dan beribu-ribu orang di kem pelarian di Lebanon. Beribu tetapi walaupun beliau telah membunuh beribu-ribu orang di kem pelarian ini dengan sokongan dan dukungan Amerika, beliau terus diangkat menjadi pemimpin utama di negara Zionis yang kejam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa *unilateralism* ataupun sistem sehalu dunia ini terus kukuh dan dunia hanya memandang, dan sistem pelbagai hala yang kita semua negara-negara kecil laungkan sama ada OIC laungkan, sama ada ASEAN laungkan, sama ada NAM laungkan, hanya kita setakat boleh melaungkan sahaja tetapi sistem satu hala ini terus berleluasa di dalam sistem dunia kita pada hari ini. Yang kita hairankan juga, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah keputusan penghakiman Saddam Hussein ini dilakukan di saat ataupun di ambang kongres ingin mengadakan pilihan raya? Kita lihat inilah modal Bush ke mana-mana sebagai kempen Republikan kerana dapat menggantung Saddam Hussein sampai mati.

Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hasrat bapanya dijayakan oleh Bush sekarang.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita sedar atau tidak sedar, baru-baru ini keluar dalam *New Straits Times* iaitu bertarikh 27 Oktober bertajuk "*Malaysian Lawyer Heads Syria's Team In Hariri Case*". Kita berasa bangga kerana salah seorang daripada peguam kita telah dipilih oleh kerajaan Syria untuk mengetuai pasukan peguam di dalam melihat dan menganalisa laporan yang dikeluarkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu *United Nations* tentang pembunuhan Hariri.

Di dalam laporan awal yang dikeluarkan oleh Datuk Shafie Abdullah, orang yang telah dilantik oleh Syria dan mengetuai pasukan peguam di dalam memeriksa laporan yang dibuat oleh Detlev Mehlis iaitu orang yang telah dilantik oleh Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membuat laporan tentang pembunuhan Hariri itu.

Di dalam laporan awal yang dikeluarkan oleh Datuk Shafie Abdullah, beliau mendapati bahawa laporan ataupun Bangsa-Bangsa Bersatu menuduh pembunuhan Hariri itu disebabkan oleh Syria. Walhal yang sebenarnya laporan Mehlis itu apabila telah disiasat banyak lebih kepada *hearsay*, bukan daripada kajian yang terperinci dan juga telah dijumpai seorang yang bernama Hosam Tahir di dalam laporan itu - jikalau kita membaca akhbar ini, seorang yang bernama Hosam Tahir yang telah dirasuahi sebanyak USD1.3 juta di dalam memberikan keterangan-keterangan palsu yang menunjukkan bahawa pembunuhan Hariri itu adalah disebabkan oleh Syria. Kerana kalau Syria dikaitkan dengan pembunuhan Hariri, maka yang untung adalah Israel, yang untung adalah Amerika. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang diragui bahawa pembunuhan Hariri ini, sama ada di belakangnya, adakah Israel ataupun Amerika Syarikat?.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulannya kita lihat pertamanya kita menyerulah, kerana kita tengok pembunuhan ini berterusan sampai ke hari ini. Israel menyerang Palestin kali ini, gelombang penyerangannya yang kali ini kerana mengatakan bahawa pengganas Palestin, orang-orang Palestin menyerang penempatan Yahudi iaitu dengan menggunakan roket yang dibuat oleh seorang yang bernama Louay al-Borno. Roket yang dinamakan Casim Rocket. Casim ini tidaklah berkesan sangat. Di dalam analisisnya sepanjang enam tahun hanya telah membunuh enam ke tujuh orang sahaja, dan Louay al-Borno ini pun telah dibunuh baru-baru ini. Beliau pun telah mati di dalam van, telah dibunuh oleh roket baru yang telah dilancarkan oleh Israel.

Jadi, kita berharap menyeru agar pembunuhan ini dapat diberhentikan supaya OIC, Liga Arab, NAM, kita goncangkan sikit PBB ini walaupun kita tahu goncangan itu boleh membawa perubahan atau tidak kerana sistem satu hala masih lagi kuat, sistem satu hala masih lagi sebenarnya menguasai dunia. Sudah sampai masa dan ketikanya saya lihat bahawa di dalam pembunuhan ataupun kekejaman yang berlaku di negara-negara kecil tidak banyak dapat dilakukan oleh PBB kalau pembunuhan yang berlaku itu tidak disokong oleh Amerika atau tidak disokong oleh sekutu-sekutu mereka.

Jadi, sampai pada masanya Menteri Luar, seorang yang berpengalaman, seorang yang begitu keras pandangannya di dunia antarabangsa, kita tahu bahawa sesuatu harus dilakukan. Seolah-olah sekarang ini kalau saya bukan surat khabar, saya dapati laporan pembunuhan yang baru ini laporannya amat kecil. Perhatiannya sudah kurang. Mungkin kerana pembunuhan yang berlaku di kalangan rakyat Israel ini sudah menjadi satu perkara yang rutin.

Kira harap OIC, Liga Arab dan NAM harus lebih bersatu di dalam menggesa PBB mengadakan tindakan yang sekeras-kerasnya. Rejim Zionis yang jelas tidak takut dengan sesiapa pun kerana bukan sahaja mereka itu mempunyai persenjataan yang cukup untuk menahan pelbagai serangan atau untuk menyerang tetapi juga mereka ini didukung oleh Amerika, Britain dan juga Kesatuan Eropah.

Kita harus memberi tekanan kepada dunia bahawa pemimpin-pemimpin Israel mahupun Bush hendaklah diheret ke muka pengadilan. Kalau ini dibiarkan maka pembunuhan akan terus berleluasa dan konflik yang berlaku di Palestin ini mungkin boleh membawa kepada satu keadaan yang lebih bahaya dan *terrorism*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Mungkin tidak akan dapat kita kurangkan malahan tidak mungkin kita hapuskan kerana yang mencetuskan keadaan keganasan ini ialah negara-negara yang saya sebutkan tadi. Saya pun sudah habis. Jadi saya ingat saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4.51 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suara yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak sebentar tadi dan suara ini sebenarnya suara yang telah pun dikumandangkan di negara ini baik daripada kerajaan mahupun daripada mana-mana golongan termasuklah Yang Berhormat bagi Gombak yang terbaru ini. Suara ini telah lama kita suarakan, tetapi perkara yang menjadi satu kesayuan, kesedihan kepada kita ini tidak pernah padam, tidak pernah selesai. Sejak perang dunia yang kedua, Amerika telah pun melanggar lebih daripada 22 buah negara. Amerika telah membunuh secara langsung atau secara tidak langsung penderitaan yang ditanggung oleh rakyat manusia di dunia ini lebih daripada 75 juta. Sejarah ini sejarah yang tidak boleh dipadamkan. Tidak ada satu bangsa negara yang begini zalim kecuali Amerika Syarikat dengan sekutu-sekutunya yang terkanan iaitu Israel.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Pohon penjelasan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat menyebut Israel, Yang Berhormat bagi Gombak kadang-kadang menyebut Israel, kadang rejim Zionis.

Kalau kita yang lama-lama ini ingat, dahulunya dasar kerajaan RTM dan sebagainya tidak mahu menggunakan istilah Israel. Istilahnya rejim Zionis. Jadi adakah Yang Berhormat Sri Gading mahu kita menyarankan kepada pihak kerajaan supaya menukar balik negara haram Israel itu kepada namanya rejim Zionis?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya boleh setuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat. Sebenarnya kadang-kadang kita pun keliru. Saya pun faham Rejim Zionis tapi hendak dibezakan antara, ada satu lagi perkataan Yahudi. Ada kata orang Yahudi baik, Yahudi tak baik. Jadi, oleh sebab saya hendak ringkaskan sahaja oleh sebab itu saya gunakan Israel tetapi kalau Israel ini merujuk kepada rejim Zionis *okay* lah. Jadi kita bercakap tentang apa? Kita bercakap tentang apa? Dunia ketawalah. Kita kalau hendak bercakap tentang keharmonian, keamanan, kedamaian dunia, ketawa. Kita menipu dirilah. Walaupun bertentangan dengan kehendak naluri kita tapi yang jelas kezaliman Israel ini tidak dapat sesiapa pun bendung. OIC kah, NAM kah, Bangsa-Bangsa Bersatu pun.

Satu-satunya negara, bangsa yang tidak menghiraukan resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu ialah Yahudi, Israel ataupun kata Yang Berhormat bagi Tumpat tadi Rejim Zionis. Berpuluh resolusi, Yang Berhormat Menteri Luar faham ini. Saya tidak payah ajar dialah, dia lebih faham daripada saya. Berpuluh-puluh resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu, negara ini negara Israel, dia tidak peduli. Kalau dia peduli sudah lama di Timur Tengah menjadi aman...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Sudah lama. Jadi kita mengulang sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sokong! Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri Luar Negeri kita hadir sendiri. Saya hendak tanya kalaulah kita kata di belakang Rejim Zionis ataupun Israel ini ada Amerika atau Bush, bukan Amerika. Amerika tidak semua setuju rakyatnya, tidak semua setuju. Saya sudah tanya sudah, tapi Bush yang duduk belakang. Boleh tidak kalau Semenanjung Arab ini semua bersatu lawan Israel, lawan Amerika, macam mana boleh tidak? Kiamat tidak dunia ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. Amerika ini bukan belakang sahaja. Depan dia, kiri dia, kanan dia, atas dia, bawah dia segala-galanya. Semua dunia tahu, semua dunia tahu. Siapa hendak menghukum ini? Apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Gombak ini telah pun kita suarakan lama. Ramai juga NGO negara ini macam-macam parti politik termasuk kita. Kita memang sedih dan kita memang mengutuk tapi perubahan tetap tidak berlaku kerana Amerika kata serang Iraq kerana Saddam mempunyai senjata pemusnah besar-besaran. Apa benda? Semua dunia tahu. Semua dunia tahu dan dunia tidak boleh buat apa-apa kerana Amerika ini hendak sebut apa keganasan, penganan, kezaliman dan Amerika ialah pembunuh semua ada pada dia. Semua dunia tahu.

Saya pun tidak tahulah macam mana pemimpin-pemimpin besar berjumpa di Bangsa-Bangsa Bersatu ini, tidak tahu, saya tidak pernah pergi. Itulah Menteri Luar Negeri tak hendak ajak saya tetapi kalau ajak pun saya tak hendak pergilah, bukan penting sangat. Dia berjumpa itu macam mana? Kalau dia berjumpa, dia tahu Bush ini pembunuh, tapi bukan main saya tengok dia berjumpa macam mana, semua berlakonlah. Ketua-ketua seluruh dunia ini berlakonlah, itu sebab Amerika tidak peduli. Siapa pun, kalau pun ada yang berani melawan siapa ini? Presiden yang banyak minyak ini, kalau jumpa macam mana? Bukan dia tidak tahu ini muka memang pembunuh besar ini, lebih zalim daripada Saddam Hussein, lebih zalim. Orang tidak bersalah anak bini orang sampai cacat cedera. Sekarang ini senjata yang digunakan oleh Zionis ini senjata yang akan berkesan kepada generasi yang berikutnya.

Ia sejenis wabak yang berkesan, kalau suami isteri terhidu senjata ini dan mengadakan hubungan suami isteri ini, anak ini. Tidak zalimkah ini? Bangsa-Bangsa Bersatu tidak tahu, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu tak tahu?

Apa yang dia buat? Dia buat bagaimana hendak mengikut kehendak Amerika untuk tekan orang, untuk buli orang yang tidak pernah mahu mengikut Amerika. Siapa sahajalah. Malaysia tidak terkecuali kalau kita tak hendak ikut Amerika kita akan dibuli oleh Amerika. Banyak negaralah, semualah negara di dunia ini semuanya berebut-rebut hendak mengampu Amerika, itu sebabnya Bush rasa riang gembira.

Kita tengok di kaca T.V, ada muka dia muka bersalah? Bunuh orang beratus-ratus juta ini? Tak ada!! Ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kita bercakaplah. Saya yakin tentunya bagi pihak kerajaan yang menjawab pun sama. "Sedih juga apa yang berlaku kepada rakyat Palestin. Kita rasa hiba. Alangkah kesiannya. Begitu banyak anak yatim piatu. Rumah dirobokkan." Itulah dialog yang akan diulang-ulang sampai bila-bila. Kerana Amerika menjadi pengganas gugusan dunia. Bukan salah Yang Berhormat Menteri Luar, bukan salah negara kita, tetapi dunia terpaksa mengikut acuan ini.

Jadi, saya berharaplah persidangan baru-baru ini di Pakistan. Persidangan negara-negara Islam, negara-negara NAM, mencari jalan. Bukan soal kata orang, macam mana nak lawan dia orang, tetapi macam mana kita nak mengukuhkan persatuan perpaduan di kalangan kita, sesama kita. Untuk menolong kita sesama kita. Kuatkan diri kita, tak payah bergantung dengan pihak-pihak yang tertentu. Kita tak payah. Tak payah kata orang berperang secara senjata, tetapi perang cara bagaimana nak memperkukuhkan perpaduan.

Ini kerana saya yakin, percaya, pemimpin-pemimpin OIC, pemimpin-pemimpin negara NAM, dia sentiasa sedar. Pembulian Amerika kepada negara-negara ini boleh diberhentikan, kalau keakraban hubungan antara negara-negara ini dapat dipertingkatkan dan dengan penuh keikhlasan! Jangan pula antara NAM ini, ada juga yang main belakang! Kerana hendak hidup. Ada juga antara negara OIC juga main belakang, kerana nak hidup. Nak lepaskan apa perkataan Melayu itu? Apa..., nak lepaskan daripada diri sendiri? Apa perkataan itu, Yang Berhormat Tumpat boleh tolong saya? Pucuk, enau... apa?...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Enau dalam belukar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Enau dalam belukar, nak melepaskan pucuk masing-masing... *[Ketawa]* lalah, itu pepatah kita punya bersama. Bukan PAS punya, bukan UMNO punya. Punya orang Melayu, boleh. Boleh ingat-mengingatlah. Kalau pemimpin-pemimpin negara tidak bersifat mementingkan diri, bersatu dengan penuh keikhlasan. NAM bersatu betul!! OIC bersatu betul!! Jangan ada enau, apa itu tadi?... *[Disampuk]* Enau dalam belukar, nak melepaskan pucuk masing-masing. Sampai kiamatlah dan Amerika akan ketawa senyum. Ha! Dia memang senyum ini. Senyummm... dia tengok, engkau konon nak melawan aku, tetapi aku tahu, cara macam mana nak melemahkan engkau. Ini Amerika punya percaturan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi inilah sedikit sebanyak, saya menyokong Yang Berhormat bagi Gombak.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Siapa nak bercakap lagi? Ada berapa orang nak bercakap? Saya bagi tidak lebih daripada lima minit seorang lah. Ya, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya bercakap sedikit tentang perbahasan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Gombak.

Semenjak rejim Israel melancarkan serangan ke atas Gaza. Paling terbaru, lebih 300 rakyat Palestin telah dibunuh. Serangan terbaru di atas Beit Hanoun telah mengakibatkan 54 rakyat Palestin terbunuh. Separuh daripada mereka merupakan orang awam. Dua pekerja perubatan juga telah dibunuh. Ratusan penduduk Beit Hanoun tercedera. Sekali lagi rejim Israel telah mengambil tindakan yang zalim, yang hanya akan mengeruhkan lagi keadaan dan memanjangkan lagi sengketa di Tebing Barat.

Lebih dikesali, Israel merancang operasi yang sama di bandar-bandar lain pada masa hadapan, atas alasan untuk membersihkan mereka dari pengganas. Pembunuhan orang awam tidak hanya akan membakar lagi kemarahan rakyat Palestin, malah akan merumitkan lagi proses penyelesaian isu keganasan. Pada hari ini merupakan hari keenam siri mutakhir, tentera Yahudi melancarkan serangan terhadap Palestin. Korban serangan kini mencecah 54 setakat ini. Termasuk empat kematian rakyat Palestin pada hari ini sahaja. Tindakan ganas dan tidak bertamaddun, kejam Israel ini, semakin berleluasa kerana kurang mendapat tentangan antarabangsa. Britain dan Perancis sekadar meminta Tel Aviv mengelakkan serangan terhadap orang awam tanpa mengecam tindakan Tel Aviv tersebut. Justeru itu, saya menyeru supaya kerajaan Malaysia mengambil pendirian dan pendekatan berikut.

Malaysia perlu memberikan tekanan dan mendesak Amerika Syarikat agar menggunakan pengaruhnya selaku rakan sekutu Israel bagi segera menghentikan serangan ketenteraan Israel yang tidak berperikemanusiaan terhadap rakyat Palestin.

Peranan Amerika Syarikat saya percaya positif dalam konflik, amatlah kritikal sebagai negara yang disegani oleh Israel. Malaysia selaku Pengerusi OIC, bersama negara anggota yang lain mengecam dan mengutuk secara keras tindakan serangan tersebut. Malaysia juga perlu menggesa negara anggota OIC yang lain untuk mengambil tindakan pemulauan serta memutuskan hubungan diplomatik terhadap wilayah zionis ini. Negara juga perlu mendesak Majlis Keselamatan PBB mengambil tindakan ketenteraan terhadap Israel yang jelas mencero boh bumi Palestin.

Meminta PBB dan negara lain segera menghantar bantuan kemanusiaan, kepada penduduk awam Palestin yang ditindas. Mendesak PBB segera menghantar tentera pengaman. Jika tidak, negara anggota OIC sendiri perlu menghantar tenteranya sendiri atas panji-panji OIC untuk membela nasib rakyat Palestin. Mendesak PBB supaya mengadakan rundingan damai dengan segera antara kedua-dua belah pihak yang bertelagah.

Mendesak negara selain Amerika Syarikat atau negara pro Yahudi yang lain untuk menjadi orang tengah dalam proses damai bagi mengelakkan pencabulan usaha perdamaian.

Menggunakan pengaruh selaku bekas Pengerusi NAM untuk mendapat sokongan negara anggota untuk bertindak mengecam tindakan keganasan Israel serta memutuskan hubungan diplomatik dan dagangan negara Israel.

Pada masa yang sama, saya berpendirian, menyeru agar seluruh masyarakat sedunia memberikan satu penyelesaian yang adil kepada rakyat Palestin dalam konflik yang telah berlaku berdekad-dekad lamanya, sejak Perjanjian Balfour 1917 yang lalu. Kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka, demokratik, berdaulat dan tidak diperkotak-katikkan amatlah kritikal sebagai kunci utama perdamaian dan keamanan di Asia Barat. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan mengambil sikap menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Gombak dalam isu terkini yang melibatkan nasib rakyat Palestin yang terus-menerus menerima kekejaman daripada rejim zionis yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah yang proaktif dan diharapkan dapat memberikan impak terhadap keganasan yang dilakukan oleh rejim Israel ini, saya suka mencadangkan dalam masa yang pendek ini, supaya Malaysia memainkan peranan yang lebih proaktif. Bersuara lebih lantang dan mengambil tindakan-tindakan yang drastik.

Setelah kita mendapati hampir setengah dekad kita telah terpedaya dan tidak dapat melihat hasil yang boleh memberikan kesan positif nasib umat Islam di Palestin ini. Kita telah berkorban masa dan tenaga di dalam banyak persidangan-persidangan konvensyen, seminar-seminar di peringkat antara bangsa untuk menunjukkan sikap diplomatik kita terhadap Amerika, sekutunya dan sudah tentu terhadap rejim Israel ini. Apa yang penting pada hari ini, ialah setelah gagalnya semua rundingan.

Setelah gagalnya semua konvensyen, dan semuanya dilanggar begitu sahaja oleh rejim Israel ini, maka saya yakin dan percaya bahawa kita perlu untuk menganjak sikap dan pendirian kita untuk kita melihat kesan yang lebih baik terhadap masa hadapan umat Islam Palestin ini. Saya mencadangkan yang pertamanya supaya Malaysia mengetuai suatu proses pemboikotan secara bertempoh terhadap mana-mana sidang yang dianjurkan oleh PBB untuk kita mengajar mereka terhadap sikap sambil lewa mereka.

Sikap *double standard* mereka dan sikap sokongan mereka yang nyata dan tunduknya mereka terhadap telunjuk Amerika Syarikat dan rejim Israel. Yang keduanya, saya suka mencadangkan supaya Malaysia mengambil langkah yang proaktif untuk kita menerokai pakatan persenjataan di kalangan negara-negara umat Islam. Kita mengambil langkah ini bukan secara emosional, bukan secara membabi-buta, tetapi setelah kita melihat sejarah yang panjang, betapa rundingan, seminar dan konvensyen tidak memberikan apa-apa erti kepada mereka.

Bahasa diplomatik tidak pernah dihormati oleh Amerika Syarikat. Maka saya yakin dan percaya bahawa Iran yang berdiri pada hari ini dengan presidennya Mahmoud Ahmadinejad dengan program nuklearnya walaupun Iran ada program nuklear, tetapi sejarah tidak pernah membuktikan bahawa satu bom pun dilemparkan terhadap negara orang lain. Walaupun hari ini negara bukan Islam, negara Korea Utara telah menjalankan ujian nuklear yang pertama, yang berjaya membuktikan keupayaan tenaga nuklear yang hebat, tetapi sejarah belum lagi membuktikan negara Korea Utara pernah melemparkan sebutir bom pun ke atas negara-negara dalam dunia ini. Maka kita perlu mempertahankan diri kita, negara umat Islam, negara yang tertindas baik mereka Islam ataupun bukan Islam perlu memberikan isyarat ini kepada Kerajaan Amerika Syarikat supaya mereka faham, mereka mengerti, mereka faham bahasa diplomatik dan mereka juga mesti faham bahasa peperangan untuk kita mempertahankan diri kita.

Oleh itu pada saya, Malaysia tidak boleh membuang masa dengan hanya menjadikan medan diplomatik, menjadikan medan seminar, menjadikan medan konvensyen hanya semata-mata jalan penyelesaian tanpa kita melihat, *think outside the box*, yang kita boleh menerokai satu bidang baru iaitu kita telah mewujudkan satu pakatan untuk memboikot persidangan-persidangan yang kita yakin dan percaya boleh memberikan tekanan kepada PBB dan kita perlu menunjukkan sikap yang jelas terhadap Amerika Syarikat dan terhadap sikap mereka yang memberikan bantuan berbilion dolar kepada rejim Zionis seperti mana yang dilaporkan oleh bekas Ketua Mossad iaitu Ephraim HaLevy yang telah mengatakan bahawa mereka memang menerima bantuan berbilion dolar Amerika setiap tahun untuk memperkukuhkan sistem pertahanan mereka menggunakan senjata nuklear, menggunakan bom biologi, menggunakan bom *chemical* untuk mereka memusnahkan rakyat yang tidak berdosa ini.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk saya menyokong usul ini dan mendesak Menteri Luar Negeri kita ini lebih lantang dan lebih diberikan penghormatan dan tidak salah kalau saya menyatakan Malaysia mesti mengepalai, akan melaungkan suara ini untuk kita melangkah lebih pantas, lebih proaktif untuk kita menyelamatkan dunia keseluruhannya daripada terus duduk di bawah ketiak ataupun telunjuk Amerika Syarikat dan rejim Zionis ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat, lepas itu Yang Berhormat Menteri.

5.13 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk sama-sama menyokong rakan kita Yang Berhormat bagi Gombak, rakan kita Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan saya yakin semua kita dalam usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Gombak tadi. Saya hanya ingin menyebut tiga perkara secara ringkas. Pertamanya sebagaimana yang kita dengar, Amerikalah juara kepada rejim Zionis ini. Akhir-akhir ini Amerika tidak mengiktiraf negara Kerajaan Hamas kerana kononnya Hamas ini adalah pengganas. Jangan kita lupa Yasser Arafat, 50 tahun jadi pengerusi, presiden dan entah apa-apa PLO dan untuk Palestin, Amerika pun tidak bantu. Bukan kata, "Oh dahulu, kalau Yasser Arafat kita sokong, tetapi sekarang ini Ismail Haniya dan sebagainya kita tidak mahu sokong". Itu hanya pura-pura lakonan Amerika.

Lakonan Amerika yang kedua dia kata tidak boleh iktiraf Kerajaan Hamas, kerana Hamas ini berisytihar untuk menyerang negara lain iaitu negara rejim Zionis. Ini juga pura-pura Amerika,

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Amerika mengiktiraf negara China, Beijing, walaupun negara China, Beijing hingga hari ini mengisytiharkan akan menyerang negara Taiwan. Amerika iktiraf, Amerika ada hubungan diplomatik, Amerika berjiran dan berniaga dengan hebat dengan negara China. Kalau dasar Amerika benar-benar tidak akan iktiraf bekerjasama dan menyokong negara yang ingin menyerang negara jiran dan tidak mengiktiraf negara jiran, kenapa mereka bersahabat dan berkawan dan berdiplomasi dengan negara China, Beijing sekarang. Ini hipokrasi Amerika yang kita kena faham.

Oleh itu, yang kedua saya ingin menyeru Kementerian Luar Negara kita, iktirafilah Kerajaan Palestin, iktirafilah Kerajaan Hamas, jangan lagi berkira dengan bekas Menteri Luar Palestin, Farouq Qaddumi apabila datang ke Malaysia, iktirafilah Menteri Luar Hamas, Menteri Luar Kerajaan Palestin yang sedia ada ini. Ini *point* kedua.

Point ketiganya, Yang Berhormat Menteri pernah berjanji di Dewan yang mulia ini, akan mengusulkan perwujudan Jawatankuasa Khas Dasar Luar Negara. Saya merayu dan menyeru supaya janji itu ditunaikan, supaya kami yang berminat dalam hal ehwal luar negara dapat memainkan peranan membantu kementerian supaya dasar luar negara kita ini benar-benar memperjuangkan kepentingan-kepentingan kita sebagai salah sebuah negara dalam masyarakat dunia ini harus berperanan dalam zaman yang mencabar ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sila.

5.15 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak yang telah memainkan peranan untuk membentangkan usul berkenaan keganasan dan kezaliman yang terkini yang dilakukan oleh Israel dan saya melihat bahawa setiap seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah banyak membuat saranan dan cadangan-cadangan yang bernas yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang dapat membantu kita di dalam melaksanakan tugas-tugas kita untuk menentukan soal keganasan yang dilakukan oleh negara juga perlu dikutuk dan ditentang oleh semua masyarakat antarabangsa, begitu juga kezaliman yang dilaksanakan oleh Israel terhadap Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok banyak saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Gombak, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Saya akan mengambil perhatian daripada setiap cadangan ini di mana kita dapat laksanakan. Secara praktikalnya kita akan laksanakan.

Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tahu bagaimana saya hendak menjawab. Dia kata, "*Saya akan berasa sedih. Saya akan berasa terharu.*"

Jadi semua jawapan ada dalam pemikiran dan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri tetapi saya fikir apa yang paling penting sekali apabila kita hendak melakukan sesuatu ialah kita cuba membetulkan rumah kita sendiri untuk menentukan kita kukuh dan kuat, negara-negara OIC kukuh dan kuat.

Akan tetapi dalam masa negara-negara OIC, yang majoritinya terdiri daripada negara-negara miskin atau negara-negara yang paling rendah pembangunannya, maka negara-negara yang sedemikian mendapat bantuan daripada negara-negara luar memanglah ianya tidak berupaya untuk mengambil tindakan. Saya tidak fikir adalah bijak untuk kita mengambil tindakan untuk boikot Bangsa-Bangsa Bersatu kerana Bangsa-Bangsa Bersatu adalah forumnya untuk kita menyuarakan pendapat kita walaupun kita berasa kecewa, kita berasa tidak berpuas hati, tetapi Bangsa-bangsa Bersatulah tempatnya untuk kita terus bergerak dan mencari pengaruh dan insya-Allah satu hari kelak kita akan berjaya dalam usaha-usaha kita bagi menangani masalah Palestin.

Kita sudah sampaikan kepada Kesatuan Eropah, kita sudah sampaikan kepada Amerika Syarikat, sampaikan kepada peringkat tertinggi mereka, bahawa selagi Amerika Syarikat memihak kepada Israel dan mengambil tindakan yang berat sebelah. Bukan kita minta mereka supaya menyokong negara-negara Islam atau pro-Arab, tetapi kita mahukan mereka mengambil tindakan yang seimbang di dalam menangani isu Palestin dan memberikan kedudukan yang sewajarnya kepada kehendak rakyat Palestin. Berkenaan dengan soal kita mengiktiraf kerajaan, kita memang mengiktiraf kerajaan yang dipimpin oleh Hamas, tetapi kita juga kena faham bahawa kita mengiktiraf keputusan pilihan raya yang dilakukan secara demokratik, tidak ada soalnya kita tidak mengiktiraf Kerajaan Palestin yang ada pada masa ini.

Akan tetapi soal dalaman Palestin mestilah diselesaikan oleh orang-orang dan rakyat Palestin sendiri. Sebagaimana kita ketahui kehadiran misalnya wakil Menteri Luar, Hamas dan kehadiran Menteri Luar daripada PLO kedua-duanya adalah wakil daripada Palestin. Dan mengikut perlembagaan Palestin yang ada pada masa ini kuasa untuk melantik menteri luar dan menentukan soal-soal dasar luar adalah kepada Presiden ataupun pengerusi Pihak Berkuasa Palestin.

Sebab itu kita mencari jalan tengah supaya kedua-dua mereka untuk menunjukkan di peringkat antarabangsa ada perpaduan dan kesatuan di kalangan mereka. Mereka mesti menunjukkan sifat untuk bekerjasama. *Alhamdulillah* pada hari ini, kita melihat pihak Hamas dan PLO, Fatah sedang berbincang untuk menubuhkan satu kerajaan perpaduan. Ini yang paling penting kalau kita sama kita di dalam negara sendiri tidak bersatu padu sudah tentu orang lain dan orang luar akan mengambil kesempatan untuk melakukan apa sahaja yang mereka anggap betul dan kita tidak akan mencapai cita-cita untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang berwibawa dan mempunyai kemampuan untuk mempertahankan kedaulatan negara kita.

Pada hari ini bila kita berjumpa dengan Presiden Abu Mazin atau Presiden Abbas, kita telah menyuarakan bahawa penting sekali bahawa kedua-dua mereka bekerjasama dan kita memberikan bantuan kewangan, kita memberikan pelbagai bantuan untuk membolehkan Palestin terus berjaya. Pada persidangan yang baru-baru ini diadakan di Islamabad, Pakistan, Perdana Menteri kita dan juga beberapa pemimpin-pemimpin negara lain telah menyarankan bahawa selagi Amerika Syarikat dan negara-negara Barat tertentu tidak menukar pegangan mereka dan tidak seimbang di dalam menguruskan soal Palestin selagi itulah masalah Palestin tidak dapat diselesaikan. *Quartet* kah siapa kah, tidak mempunyai kemampuan tanpa dukungan daripada Amerika Syarikat.

Jadi kita masih terus berusaha melalui hubungan kita dengan negara seperti Amerika Syarikat dan kita mahu dan meminta Kesatuan Eropah yang lebih dihormati yang nampak lebih seimbang untuk turut serta memainkan peranan supaya tercapai hasrat kita.

Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan beberapa cadangan ini Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat. Gombak punya usul ini bila kita terima kita sampaikan dan suarakan usul ini di peringkat Parlimen-parlimen di negara-negara lain supaya Ahli-ahli Parlimen di Dewan-dewan yang mulia di seluruh dunia dapat mereka membantu dalam usaha untuk menjayakan apa yang kita anggap penentangan terhadap kezaliman dan keganasan yang dilakukan oleh Israel.

Kita tidak boleh mengizinkan apa yang berlaku ini terus berlaku tetapi untuk kita menubuhkan tentera misalnya tentera negara-negara Islam dan menyerang Israel kita pula dengan kerana kita mahu menentukan kita menegakkan keadilan kita perlu melakukannya mengikut asas-asas dan lunas-lunas undang-undang antarabangsa. Insya-Allah kita akan terus tegas dan saya berharap sokongan daripada Ahli Yang Berhormat untuk kita melakukan apa yang terbaik.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat perbincangan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah selesai. Oleh yang demikian saya tutup perbincangan ini.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Pengerusi (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung jawapan.

5.22 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi saya sambung jawapan saya tadi. Pemilikan ekuiti institusi-institusi kepentingan Melayu atau bumiputera. Maklumat pemilikan ekuiti oleh institusi ini diperoleh melalui institusi-institusi berkaitan institusi-institusi di bawah kategori ini termasuklah Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis dan saham-saham amanah seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan sebagainya. Institusi ini adalah berperanan sebagai institusi yang menggembelng sumber tabungan bumiputera. Modal saham di bawah pemilikan syarikat-syarikat *nominee*. Sebahagian daripada modal saham dimiliki melalui syarikat *nominee*.

Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menjalankan soal selidik terhadap pemilikan ekuiti oleh syarikat *nominee* tersebut bagi mengenal pasti hak milik dan kepentingan bagi saham yang didaftar di bawah syarikat *nominee* berkenaan. Kajian tersebut menunjukkan sebahagian besar daripada saham syarikat-syarikat *nominee* tempatan adalah dimiliki oleh bukan bumiputera.

Pemilikan modal saham oleh kerajaan. Sebahagian besar daripada pemilikan kerajaan adalah dalam syarikat-syarikat awam yang disenaraikan atau *listed companies*. Di antara syarikat atau agensi yang tidak dikategorikan dalam mana-mana kumpulan etnik dan dianggap sebagai kepentingan kerajaan ialah saham syarikat yang dimiliki oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Holdings serta modal saham di bawah Menteri Kewangan di perbadanan (MKD) dan sebagainya. Walau bagaimanapun ekuiti yang dipegang oleh syarikat swasta dan individu dalam syarikat berkaitan kerajaan GLC sememangnya diambil kira dalam pengiraan ekuiti mengikut kumpulan etnik secara efektif *interest*. Kumpulan ini termasuklah sebahagian daripada saham dalam Petronas, Telekom, TNB, MAS dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat mengenai pemilikan ekuiti syarikat yang digambarkan hanyalah merangkumi kekayaan ekuiti yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Malaysia di dalam negara sahaja dan tidak merangkumi kekayaan rakyat Malaysia di luar negara. Ini adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang komprehensif mengenai kepentingan rakyat Malaysia di luar negara. Bagi melengkapkan lagi gambaran mengenai pemilikan kekayaan di dalam negara, satu kajian khusus telah dijalankan mengenai pemilikan aset-aset strategik di kawasan bandar. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan pemilikan aset komersial bumiputera di kawasan bandar adalah kurang daripada 12% berbanding dengan kaum Cina hampir 72% dan India hampir 5%.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bolehkah kita tahu siapa buat kajian ini? Orang-orang yang bertanggungjawab dan sama ada bolehkah kajian yang semacam ini, boleh diumumkan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Seperti yang kita sebutkan urus setianya adalah *Economic Planning Unit* dan kita juga mempunyai satu panel untuk membuat kajian ini dengan mendapat maklumat-maklumat yang meyakinkan kerajaan melalui institusi-institusi yang ditubuhkan atau yang berada di dalam kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi itu bukan jawapan. Urus Setia kita tahu tetapi siapa yang bertanggungjawab untuk menjalankan? Tentu bukan satu jawatankuasa, ada orang-orang tertentu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi memanglah kita mempunyai urus setia dan urus setia ini memastikan bahawa ia melaporkan kepada pihak kerajaan dan kerajaan yakin bahawa maklumat yang di kumpul dan dilaksanakan meyakinkan kerajaan. Jadi kerajaanlah yang bertanggungjawab mengenai perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan soalan saya. Bukan urus setia sampaikan kepada kerajaan yang kita agih. Siapa yang menjalankan kajian itu, tentu ada. Mungkin beberapa orang, siapa mereka? Supaya kita mahu tahu ini *accountability* dan *transparency*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Maksud Yang Berhormat nama orang? Oh!... Tuan Pengerusi kerajaan tidak buat begitu. Kerajaan mempunyai urus setia yang begitu banyak terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan kita yang mempunyai kebolehan-kebolehan. Di samping itu, kita juga menjemput profesional-profesional daripada syarikat-syarikat korporat, profesional daripada institusi-institusi pengajian tinggi untuk memberi dan mengumpulkan maklumat-maklumat ini. Jadi kita kumpulkan di bawah satu bumbung urus setianya iaitu Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya terima kasih. Tentulah ini bukan *in personal* tentu ada orang yang bertanggungjawab. Orang yang bertanggungjawab seorang, dua orang, tiga orang dan saya percaya untuk menyiapkan Rancangan Malaysia Kesembilan atau apa-apa rancangan ada banyak kajian, ada dibuat oleh beberapa kumpulan-kumpulan. Dan mengenai ini, siapa yang bertanggungjawab dan sampaikan kepada urus setia, selepas itu kepada kerajaan. Tidak mungkin, aneh kalau tidak ada orang yang bertanggungjawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi saya ingin jelaskan. Kalau maksud Yang Berhormat bertanyakan tentang iaitu jumlah pemilikan aset komersial, adakah maksud Yang Berhormat yang itu, iaitu yang mana saya sebutkan tadi di kawasan bandar adalah kurang 12% berbanding dengan bumiputera, Cina hampir 72% dan India hampir 5%. Adakah maksud kajian itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Maksud bukan begitu. Apa tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada satu kajian dibuat dan saya mahu tanya siapa bertanggungjawab? Dan sebenarnya kita mahu tahu sama ada semua kajian-kajian pun boleh diumumkan. Kita mahu tahu siapa yang bertanggungjawab dan isi kandungan dan lain-lain. Itu sahaja sangat *straight forward*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Baiklah, yang bertanggungjawab pasti kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, boleh saya bantu di sini?... [Ketawa] Soalan bukan kerajaan tetapi tentu ada orang yang bertanggungjawab selepas sampai tangan kerajaan, betul kerajaan bertanggungjawab, siapa yang menjalankan kajian itu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Dari segi Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Pengerusi, kita ada jawatankuasa yang kita telah pilih daripada hampir 230 orang professional, itu memang ada tetapi tak kan saya nak jawab satu persatu. Itu sebab saya kata, saya hendak bertanya kalau maksud pemilikan aset tadi yang saya sebutkan tadi ianya dijalankan oleh satu panel di mana diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan kita dapat maklumat ini daripada Kerajaan-kerajaan Tempatan di seluruh Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, siapa yang bertanggungjawab, adakah ia Pengarah EPU sendiri bertanggungjawab dalam kajian ini dan berapa kajian sebenarnya dijalankan dalam persiapan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Untuk makluman Yang Berhormat, yang bertanggungjawab senangnya saya jawab. Menteri yang bertanggungjawab mengenai unit perancang ekonomi Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *It is impossible*, kita tahu itu bukan soalan. Soalan ialah siapa yang menjalankan kajian itu, bertanggungjawab mengenai itu, betul. *Finally*, kementerian atau menteri bertanggungjawab tetapi mengenai kajian yang kita bincang itu siapa yang menjalankan, kalau itu pun susah untuk faham saya tidak tahulah apa kita boleh dapat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya katakan tadi Yang Berhormat ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Iaitu... Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri..., Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini, dia merangkumi angka yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat apabila 72% pemilikan dalam bandar oleh orang Cina, kerana kita pernah mempertikaikan perangkaan yang dikeluarkan oleh ASLI yang menyatakan Melayu sudah ada harta 40, 50 peratus. Dia sebenarnya hendak perlu kita, hendak perlu kerajaan angka ini bohong kerana..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik, itu sudah sampai..., belum sampai peringkat itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu andaian sayalah, ini hanya andaian saya, andaian saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita..., itu masuk soalan, soalan yang spesifik, *straight forward*, jawab *straight forward* lah sahaja!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia mesti...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak boleh bawa... tengok apa, macam undang di sebalik batu dan lain-lain...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, jadi kalau Yang Berhormat tidak jawab, tengok apa dia kata, mereka ini pembangkang mereka tetap tidak mahu terima....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi tanya mengenai bangsa Malaysia, tidak berani jawab, tidak berani dan lari daripada dewan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah jawab, tidak payahlah Yang Berhormat .

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, Timbalan Menteri, Timbalan Menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payahlah hendak sambut, dia punya cabaran itu, tidak payahlah sambut dia punya soalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita pergi soalan lainlah!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskanlah Timbalan Menteri, biar masuk yang lainlah!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Unit Perancang Ekonomi negara mempunyai metodologinya. Sudah tentu semua perkara yang dibuat, aktiviti yang kita hendak bawa ke Dewan Rakyat ini pastinya kerajaan hendak pastikan pertama sekali, siapa yang kita bawa, integriti kita adalah yang terbaik sekali dan kita tidak mahu integriti kita tercalar kerana kalau kita bawa maklumat-maklumat yang tidak tepat. Jadi saya teruskanlah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tidak bererti, siapa yang bertanggungjawab, siapa yang jalankan kajian itu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kerajaanlah bertanggungjawab! Siapa lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa sebab ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa? Tidak ada orang, satu *committee*...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] ...Mana, mana orang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana boleh, tentu ada orang yang bertanggungjawab, siapa mereka?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Eh, cukuplah Yang Berhormat ya!

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Siapa yang menentang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Siapa mereka, kakitangan kerajaanlah!

Seorang ahli: Haiya, nama?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Timbalan Menteri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, hendak nama pun kita punya. Ketua Pengarah, kita punya Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai kita, *supporting staff* kita, ramai beribu, jadi macam mana kita hendak beritahu satu persatu.

Jadi sebab itu kita bertanggungjawab, kita punya sistem, kerajaan kita bermaklumat tahu, Yang Berhormat tahu!! Kerajaan ada eksekutif yang membantu kita dalam melaksanakan tugas-tugas kita, memastikan kejayaan dasar kita. Ya, Yang Berhormat jadi saya ingin teruskan lagi, untuk makluman Yang Berhormat juga, Yang Berhormat telah timbulkan iaitu berkenaan dengan kajian yang dijalankan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Oleh doktor....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bangun.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti saya habiskan yang ini, sekejap lagi tanya, ya. Untuk makluman Yang Berhormat yang telah menyatakan kajian yang dijalankan oleh Doktor Fadzilah dari Universiti Malaya pada awal tahun 2000, bahawa pemilikan ekuiti ini telah melebihi 30 peratus. Bagi makluman Yang Berhormat, kajian yang dibuat oleh Doktor Fadzilah hanya merangkumi syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL sahaja dan menggunakan maklumat sekunder yang dibekalkan oleh Bursa Malaysia Berhad.

Maklumat berkenaan tidak membezakan pemilikan Bumiputera dan kerajaan dan definisi pemilikan ekuiti Bumiputera dalam kajian tersebut juga meliputi pemilikan ekuiti oleh agensi dan syarikat-syarikat kepentingan kerajaan.

Oleh yang demikian definisi dan klasifikasi yang digunakan oleh Doktor Fadzillah mengenai pemilikan ekuiti mengikut kumpulan etnik adalah tidak tepat untuk menggambarkan pemilik ekuiti sebenar oleh Bumiputera. Sila Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak merujuk kepada apa yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri mengenai menggunakan penggunaan *par value* lebih tepat dan penggunaan *market value* saham untuk mengukur ekuiti bumiputera *participation* adalah tidak berapa tepat tetapi saya telah meneliti bahawa semasa kerajaan memunggut *stamp duty* atas *transaction* saham, kerajaan mendasarkan *amount stamp duty*, mendasarkan pada harga pasarnya. Ini adalah dipakai untuk transaksi jual beli saham yang tersenarai dalam KLSE dan juga Sdn. Bhd. supaya kerajaan dapat memunggut lebih banyak duit.

Akan tetapi kenapa semasa kita rujuk kepada *bumi participation of equity* menggunakan *par value*, adakah itu *double standard*? Bukankah ini *double standard* dan supaya NEP boleh dilanjutkan sehingga *never ending policy*? Jikalau harga pasaran tidak tepat kenapa *in the revenue* memunggut *stamp duty* berdasarkan harga pasaran walaupun *public listed company* juga Sdn. Bhd. Kenapa semasa memunggut *stamp duty* mereka boleh menggunakan harga pasaran tetapi semasa mengukur *bumi participation in equity* tidak dapat. Ini *double standard*, supaya NEP dapat dilanjutkan *forever*. Apa pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, pertama saya hendak beritahu bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah dua perkara yang berlainan. Apabila kita hendak mengira dari segi ekuiti ini kita mengambil kira sepanjang tahun kerana kita tahu bahawa saham ada waktu dia naik, ada waktu dia turun. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai contoh saya bagi, ada pernah iaitu *tisu paper*, dia punya saham naik sampai 100 lebih pun pernah Yang Berhormat. Jadi sebab itu kita kena betul-betul di dalam hendak memastikan sewaktu kita membuat perkiraan dari segi ini.

Yang kedua, bila Yang Berhormat tanya saya, apa pandangan saya mengenai perkara ini. Saya berasa begitu hairan, mengapa kita mempertikaikan soal ekuiti bumiputera tidak tercapai 30 peratus kalau sebenarnya kita melihat bahawa Dasar Ekonomi Baru yang perlu kita ialah 30 peratus, minimum. Maknanya kalau kita ikut dari segi komposisi kaum di dalam negara kita ini, patut kita capai sampai 65 peratus. Mengapa kita mempertikaikan?.

Dalam hal-hal lain kita tak dipertikaikan. Kita mempertikaikan nak capai 30% itu pun menjadi masalah kepada kita padahal itu adalah dasar menetapkan minimum, sekurang-kurangnya, dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Inggeris dengan izin, *minimum* 30%. Jadi sebab itu saya kata bahawa kalau nak dilihat kepada emosi kita, kita pun tidak berpuas hati. Sepatutnya kalau ikut komposisi kaum, mesti 65%...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: 70%.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ha, 70% kata Sri Gading.

Seorang Ahli: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sekarang walaupun tak capai 30%, NEP harus diteruskan? Adakah ini pendirian Yang Berhormat?... [Disampuk] *Don't hide behind statistics.*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana Yang Amat Berhormat telah memberitahu, kita semua pun maklum, kita nak pastikan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sehingga Wawasan 2020, kita nak pastikan bahawa pencapaiannya mestilah berdasarkan kepada tidak lagi bertitik tolak kepada kadar atau peratus tetapi mestilah sama adil, sama kaum semua mesti mencapai matlamat tersebut. Kalau itulah, maknanya kita sekarang belum capai lagi sasaran kita. Dan bukan maksud kita meneruskan Dasar Ekonomi Baru, tapi kita nak memastikan bahawa dasar kita yang awal itu mesti dapat kita laksanakan, jadikan kenyataan, inilah dasar kerajaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin terus menjawab kepada Yang Berhormat bagi Tuaran yang mana menimbulkan iaitu bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Ini juga ditimbulkan oleh beberapa Yang Berhormat yang lain, tidak diberi perhatian khusus. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada bumiputera di Sabah dan Sarawak khususnya dari segi pembasmian kemiskinan. Dan usaha meningkatkan penyertaan bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Cadangan untuk mewujudkan unit penyertaan minoriti Sabah dan Sarawak untuk menyelaraskan pemantauan pelaksanaan projek-projek pembangunan bagi masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak. Di samping menyediakan peruntukan bagi tujuan pembasmian kemiskinan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah dan Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, tumpuan juga akan diberikan kepada pembangunan tanah adat di Sabah dan Sarawak selaras dengan matlamat membasmi kemiskinan yang tinggi terutamanya di Sabah.

Pembangunan ini akan dilaksanakan oleh agensi di peringkat negeri dan juga peringkat Persekutuan yang mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan tanah di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, agensi seperti SELCRA dan PELITA dikenal pasti mempunyai pengalaman dalam pembangunan tanah di Sarawak. Manakala di Sabah pun ialah FELCRA. Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan pembangunan tanah adat di Sabah dan Sarawak sedang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi negeri masing-masing serta Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah dan Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak. Yang Berhormat bagi Ipoh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis jawab mengenai ekuiti?

Yang keduanya, adakah metodologi EPU akan diumumkan semacam dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Yang ketiga, dengan mengumumkan semua kajian yang ada dibuat sebagai *background paper*, oleh kerana mengikut dasar ketelusan dalam satu masyarakat maklumat, *information society*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat begitu terperinci dan memerlukan jawapan yang panjang. Maka saya akan menjawabnya dengan bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, apa soalan yang terperinci yang saya kemukakan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Mengenai metodologi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana ada terperinci saya kemukakan, saya tak tanya data-data. Saya tanya akankah metodologi akan diumumkan, tak ada terperinci.

Kedua sama ada kajian-kajian akan diumumkan selaras dengan satu *information society*, tak ada terperinci. Itu yang umum, tak perlu tunggu, tak perlu balik untuk dapat....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, mengenai ekuiti memang telah selesai tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, saya rasa tidak dijawab oleh saya, maka saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Secara bertulis?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu satu hal, tapi saya nak bertanya sama ada akan diumumkan kajian-kajian, metodologi akan diumumkan yang dijanjikan oleh PM dan TPM.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kata tak ada masalah untuk umumkan....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: *Insya-Allah*, kerajaan akan umumkan Tuan Pengerusi.

Mengenai perkara kaum India dipinggirkan daripada pembangunan ekonomi negara. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang menimbulkan perkara ini, segala usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan adalah tanpa mengira kaum. Masyarakat India juga diberi perhatian sama ada di bandar dan luar bandar. Hasilnya adalah jelas bahawa keadaan kemiskinan keseluruhan di kalangan kaum India telah berkurangan daripada 3.5% pada 1999 kepada 2.9% pada tahun 2004. Kadar kemiskinan tegar di kalangan kaum India pada tahap 0.3% pada 2004 yang lalu.

Selain daripada itu, pihak kerajaan telah membuka peluang kepada belia di kalangan kaum India untuk memperolehi latihan kemahiran dan pengetahuan dalam asas pengurusan perniagaan dan latihan kemahiran. Mulai tahun 2004, Giat Mara di seluruh negara telah melatih lebih daripada 1000 belia India dalam pelbagai bidang kemahiran. Usaha-usaha ini akan diteruskan bagi memastikan tiada masyarakat yang terpinggir. Walaupun demikian, peranan sektor dan badan-badan bukan kerajaan adalah juga penting dalam membantu usaha murni tersebut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, ya terima kasih. Tuan Pengerusi, untuk satu kenyataan mengatakan bahawa masyarakat India tidak terpinggir itu tidak boleh diterima sama sekali. Kerana analisis-analisis yang telah dibuat dan kajian-kajian yang sedia ada dengan kerajaan dan juga dengan NGO-NGO menunjukkan bahawa masyarakat India yang sangat terlibat dalam kes-kes *criminal*, adalah disebabkan dan berkaitan dengan faktor di mana mereka tidak ada peluang-peluang kerja. Ini adalah perkara yang sangat mustahak kerana ramai di antara mereka yang telah diusir atau yang telah keluar dari estet dengan satu situasi yang berlainan di bandar di mana mereka tidak ada peluang-peluang. Dan inilah menjadi satu masalah yang rumit.

Jadi saya hari ini pun ada bercadang bahawa satu agensi yang berasingan ditubuhkan untuk mengatasi dan menganalisis dan memberi pertolongan yang khusus kepada masyarakat ini. Dan apakah ini yang disetujui oleh parti komponen MIC? Kenapa kerajaan tidak ingin menubuhkannya? Kenapa kerajaan tidak ingin menolong masyarakat ini walaupun mereka adalah warganegara negara ini? Dan mengatakan mereka tidak terpinggir, ini merupakan satu kenyataan yang sangat lemah dan tidak boleh diterima.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, itu pendapat Yang Berhormat di sebelah sana, ini pendapat kita di sebelah sini tetapi hasrat kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan sudah pasti seperti yang saya sebutkan tadi ingin melihat bahawa dasar ini mencapai matlamat di mana kaum India juga akan mendapat tempat di arus perdana...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kalau macam ini Tuan Pengerusi, sampai esok pagilah. Biar saya teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Saya rasa kalau Kerajaan Barisan Nasional betul-betul ingin menolong mana-mana kaum ataupun seperti kaum India, dia tentu ada program yang spesifik. Seperti ada program spesifik untuk orang Melayu, untuk bumiputera tetapi kita lihat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini tak ada, tak ada rancangan yang spesifik yang sasarannya ialah untuk meningkatkan ekonomi kaum India.

Dan kita juga tahu bahawa di Simpang Renggam, di mana mereka yang ditahan di bawah *emergency ordinance* itu ialah 48 peratus orang kaum India yang sebenarnya populasi atau pun *percentage* kaum India di negara ini hanya sepuluh peratus. Ini menunjukkan satu perutusan yang sangat-sangat tinggi dan boleh mengkhawatirkan kita semua.

Adakah kerajaan memberi perhatian kepada masalah ini dan juga mereka yang keciciran itu sangat tinggi di antara kaum India dan juga mereka yang terlibat dalam jenayah? Mereka yang terlibat dalam masalah sosial ekonomi. Itu adalah kerana mereka tidak mempunyai peluang. Mereka bersaing, mereka digolongkan sebagai bukan bumiputera dan bersaing dengan orang Cina. Dan itu melibatkan, menyebabkan mereka menghadapi masalah yang sangat besar.

Adakah kerajaan memberi perhatian yang spesifik..., program yang spesifik? Tak ada. Kalau tak ada, macam mana dia boleh katakan bahawa kerajaan juga memberi perhatian kepada kaum India ini, macam mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cakap sahaja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan pengerusi, saya adalah seorang yang duduk lama di dalam Dewan ini. Jadi, apabila pertanyaan begitu seolah-olah kita melupakan sejarah negara kita. Bagaimana orang Melayu diberi perhatian yang teliti, yang dikatakan lebih fokus, bagaimana Dasar Ekonomi Baru ini ditubuhkan. Ada sebab-sebabnya yang saya rasa kalau kita ceritakan adalah satu perkara sejarah yang amat memerlukan. Jadi sebab itu, dasar itu ada. Untuk hendak pastikan keseimbangan di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu pada waktu ini kerana keadaan ekonomi, keadaan kekayaan negara di miliki oleh satu-satu kaum sahaja supaya keseimbangan lebih baik.

Jadi sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita tahu ada walaupun nampak bahawa tidak ada satu spesifik, tapi dalam pendekatan yang dipakai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memberi perhatian kepada golongan-golongan minoriti khususnya seperti kaum India dan sebab itu lah apa yang saya sebutkan tadi kita katakan bahawa sekiranya kita nampak dalam penilaian kita, ia perlu, kita beri lebih lagi tekanan, maka insya-Allah kerajaan akan memberi perhatian kepada perkara itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tuan ada menimbulkan iaitu beliau ingin mengetahui apakah tindakan yang telah diambil oleh MAMPU dalam memastikan pegawai-pegawai kerajaan mendapat latihan dalam urusan pembangunan dan pentadbiran tanah. Kerajaan telah melancarkan strategi baru urusan pentadbiran tanah pada 2 Mac 2004 sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian urusan tanah.

Strategi ini yang mengandungi 43 perakuan meliputi pereka hiasan atau *re-engineering system* dan proses kerja serta penambah baikkan kepada aspek-aspek sokongan pentadbiran tanah. Untuk membantu mempercepatkan penyelesaian urusan-urusan yang berkaitan dengan pemberi milikan tanah, kerajaan turut melaksanakan aplikasi sistem permohonan dan pemantauan tanah atau LAMS. MAMPU dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pejabat-pejabat setiausaha kerajaan negeri dan pejabat-pejabat tanah dan galian negeri sedang giat mengambil tindakan untuk memperluaskan penggunaan sistem permohonan dan pemantauan tanah yang saya sebutkan tadi di semua pejabat tanah dan daerah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Di semenanjung Malaysia, sesi latihan iaitu *trained the trainers*, telah diadakan di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) di mana seramai 45 orang pengguna LAMS dari setiap pejabat mentadbir tanah negeri di semenanjung telah menghadiri sesi latihan tersebut...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Sekejap. Pelaksanaan LAMS akan menawarkan kaedah-kaedah berikut:

- (i) meningkatkan keberkesanan aktiviti pemantauan bilangan permohonan;
- (ii) menyediakan maklumat mengenai status tindakan ke atas permohonan;
- (iii) memudahkan urusan mengesan fail permohonan; dan
- (iv) membantu menyediakan laporan dan statistik permohonan.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar MAMPU memberi peruntukan yang mencukupi untuk pengkomputeran sistem pentadbiran tanah di Sabah.

Sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk membangunkan sistem pentadbiran tanah di seluruh negara berasaskan teknologi ICT. Ianya selaras dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan sebuah kerajaan elektronik. Namun begitu, untuk menjadikan ianya satu kenyataan, semua sistem dan prosedur kerja perlu diseragamkan untuk memudahkan pembangunan sistem berasaskan ICT. Semua keperluan sokongan seperti kemudahan perhubungan sumber manusia yang cekap dan mahir serta sokongan logistik perlu disediakan terlebih dahulu sebelum sistem-sistem berasaskan teknologi ICT boleh disediakan. Ini adalah kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang besar. Bukan sahaja secara *one-off* tetapi secara berterusan.

Oleh itu kerajaan memang bersedia menimbang untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi termasuklah peruntukan untuk pengkomputeran sistem pentadbiran tanah di Sabah...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan!

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya juga berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat menyatakan bahawa kerajaan bersedia memberi peruntukan untuk tujuan itu. Walau bagaimanapun Yang Berhormat tidak menyentuh tentang adanya perbezaan dari segi pentadbiran tanah di Semenanjung dan di Sabah, dari segi kakitangan, perjawatan dan sebagainya banyak perbezaan. Sebenarnya apa yang saya bangkitkan ialah apakah pihak MAMPU akan membuat satu kajian terperinci, mengambil satu daerah sebagai contoh buat kajian seperti mana kajian yang telah dibuat di Daerah Hulu Langat di mana di situ dibuat kajian dan hari ini dilaksanakan geran boleh dikeluarkan dalam masa empat bulan.

Di Sabah ini di antara 10 hingga 20 tahun. Sebab sistem pentadbiran dia itu perlu barangkali ada penstrukturan dan sebagainya jadi ini bukan setakat ya. Kita mohon dari segi kewangan untuk membuat *software* komputer, untuk pengkomputeran pentadbiran tanah tetapi dari segi struktur pentadbiran juga perlu diubah. Di Sabah hanya dua Penolong Pegawai Daerah, di sini ada enam Penolong Pegawai Daerah. Seorang pegawai Daerah khusus untuk tanah tetapi di Sabah berlainan. Jadi apakah pihak MAMPU membuat penyelidikan ini, kajian ini supaya kita dapat mempertingkatkan produktiviti kerja dia? Itu cadangan saya. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi memang benar seperti apa yang disebut Yang Berhormat terdapat kekurangan sesetengah Pejabat Tanah iaitu kekurangan pegawai dan kakitangan. Ini adalah disebabkan juga kemampuan kewangan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat memang MAMPU ada membuat beberapa kajian di beberapa Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan juga pejabat-pejabat lain termasuk pejabat-pejabat majlis kerajaan tempatan dan sebagainya. Jadi model-model inilah yang dilihat di mana kelemahan-kelemahannya, kebaikan-kebaikannya seperti yang saya sebut tadi berbagai-bagai rumusan telah dapat dikenal pasti dan sebab itu melalui arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Negara adalah hasil daripada maklumat-maklumat yang diterima dan dibuat beberapa saranan mengenai perkara ini.

Apatah lagi kalau kita lihat dari segi perjawatan di Semenanjung Sabah dan Sarawak, kalau di Sarawak itu kita ada pula bukan sahaja *Federal post* ataupun *State post* tetapi ada pula dipanggil *Federal post* iaitu jawatan yang dipersekutukan. Jadi semua perkara ini diambil kira dan maklumat yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat memang di dalam pengetahuan kerajaan sebenar. Ada sesetengah Pejabat Tanah memang bukan sahaja kakitangannya tidak cukup tetapi ada juga yang ditukar, tidak dapat diganti dan sebab itu kalau di peringkat Semenanjung kita telah pun mengarahkan pihak yang membuat pelantikan iaitu Suruhanjaya Pelantikan Awam, begitu juga di Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri untuk membuat pelantikan seberapa segera yang mungkin untuk mengisi kekosongan-kekosongan pada peringkat yang pertama.

Saya tahu Yang Berhormat kalau tidak cukup memang setiap tahun di dalam *budget examination* ataupun kajian bajet yang kita buat, jika ianya menepati keperluan di kawasan-kawasan tersebut ia akan dicadangkan untuk ditambah perjawatan-perjawatan tersebut. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sudah banyak berbincang tentang *delivery system*, mempertingkatkan dan dalam hal ini jika sekiranya prestasi tidak dapat ditingkatkan masih lagi sepuluh tahun untuk mengeluarkan geran, saya fikir itulah saya mengatakan soal pembasmian kemiskinan itu ada kaitan daripada pemilikan tanah. Jadi saya amat berharaplah sekiranya kerajaan mengambil tindakan segera mempertingkatkan penstrukturan tadi dan juga penambahan kakitangan. Kalau tidak, saya ingat ini satu masalah yang besar, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat. Usaha ini adalah satu usaha yang berterusan memang bagi jabatan dan agensi kerajaan kita ada juga menggunakan KPI dan kita telah hendak pastikan menggunakan ISO dan sebagainya di beberapa agensi kerajaan. Kita menggalakkan perkara ini kerana matlamat kita ialah untuk memastikan bahawa prestasi pejabat-pejabat ataupun *delivery system* di dalam kerajaan akan dapat kita tingkatkan dan perbaiki.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga ada menimbulkan tentang perancangan program Satu Daerah Satu Industri di Tuaran bagi tahun 2007. Untuk makluman Yang Berhormat perancangan dan pelaksanaan program Satu Daerah Satu Industri Negeri Sabah termasuk Tuaran, akan diuruskan dan dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah. Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), JPM akan mengadakan satu seminar sesi penerangan ataupun *road show* dan dialog Satu Daerah Satu Industri di Negeri Sabah pada awal tahun 2007 yang akan datang ini di mana semua Pegawai Daerah, jabatan dan agensi yang terlibat dengan Satu Daerah Satu Industri ini akan dijemput bagi tujuan memberi kefahaman tentang tatakara pelaksanaannya bagi daerah masing-masing.

Yang Berhormat bagi Jerai ada menimbulkan tentang status pembangunan projek di Kedah iaitu pertama masalah setinggan di dalam Projek Lingkaran Alor Setar, Tasek Pedu, Gurun, dari Pekan Gurun ke Sik. Untuk makluman kita semua memang terdapat 40 setinggan di atas kawasan ini iaitu di atas rizab jalan. JKR sedang menguruskan kelulusan khas daripada Perbendaharaan Malaysia untuk mendapatkan bayaran pampasan. Projek masih diteruskan dengan status sebenar di antara 41% hingga 42%. Mengenai kelewatan pelaksanaan Projek Hospital Alor Setar, Kedah yang mana kita tahu kos kontraknya adalah RM565 juta.

Projek ini bermula daripada 16 Ogos 2000 iaitu 40 bulan dan dijangka siap pada 15 Disember sepatutnya 2003, untuk makluman Yang Berhormat status fizikal sebenarnya sekarang ialah 93%. Kerja-kerja masih diteruskan tetapi didapati agak perlahan. Mengenai Balai Polis Guar Chempedak, Yan, Kedah, projek sambungan daripada RMK-8, untuk makluman Yang Berhormat kos kontrak ialah sebanyak RM3.36 juta. Projek ini lewat dua kaliliah lanjutan masa mulai 16 Disember 2003 sepatutnya siap pada 22 Ogos 2005 tetapi sekarang ini statusnya sudah hampir siap, iaitu 99%. Ia merupakan skop projek balai polis dan perumahan. Kelewatan adalah berpunca daripada pengurusan kontraktor.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga ada menimbulkan iaitu beliau mencadangkan supaya kerajaan yang memerintah memberi peruntukan kepada parti pembangkang mengikut jumlah undi yang diperolehi dalam pilihan raya. Beliau juga meminta supaya kerajaan menyediakan peruntukan RM2 juta kepada Ahli Parlimen pembangkang bukan hanya kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Jawapannya ialah memang kerajaan menyediakan peruntukan khas RM2 juta untuk semua kawasan Parlimen, bagi kawasan Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional. Ahli Parlimen diberi kuasa untuk mencadangkan projek atau program di kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun bagi kawasan pembangkang peruntukan khas RM2 juta juga diperuntukkan tetapi diuruskan oleh Pengarah JPP ataupun Pegawai Pembangunan Negeri dengan menimbangkan permohonan projek dari semua pihak.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Minta penjelasan apa itu JPP dan juga macam di kawasan saya Seputeh, tidak ada JPP siapa yang mempunyai hak untuk menguruskan RM2 juta itu dan kalau ada keperluan daripada organisasi macam sekolah dan sebagainya mereka hendak minta peruntukan seperti ini. Di manakah mereka boleh minta peruntukan bagi ataupun bantuan di kawasan saya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, JPP adalah Jabatan Pembangunan Persekutuan sementara PPN adalah Pejabat Pembangunan Negeri di peringkat negeri. Jadi mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tiap-tiap pelosok di dalam negara kita ini mempunyai pegawai daerah dan agensi-agensi kerajaan. Jadi mereka boleh minta melalui apa yang saya sebutkan tadi iaitu pihak yang mencadangkan itu cadangkanlah kepada pihak-pihak yang berkenaan di daerah masing-masing.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, saya hendak tanya kenapakah ini diberi kepada Barisan Nasional sahaja kalau kita lihat di negara-negara lain semua Ahli Parlimen yang selagi dia dipilih oleh rakyat, dia mempunyai kuasa dia di *entitle* untuk mempunyai peruntukan seperti itu. Jadi kalau kerajaan mempelopori Islam Hadhari, Islam yang menekankan tentang keadilan, jadi bukankah ini satu bentuk keadilan yang begitu serius yang di praktik oleh Barisan Nasional sendiri? Ini memang menjejaskan usaha kerajaan untuk membasmi korupsi dan juga hendak mempelopori Islam Hadhari.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Macam Sandakan dia hendak tumpang kenyataan saya, dia pun tidak ada. Jadi macam dia, saya pun kasihan kepada dialah. Dia mungkin hatinya di Barisan Nasional tetapi dia pun tidak ada kuasa untuk memberi peruntukan kepada konsekuensi ini memang tidak adil.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dengan perkataan tidak adil Yang Berhormat bagi Seputeh. Dari segi kerajaan kita memang adil kepada rakyat, kita cukup adil, yang tidak adil barangkali kepada Yang Berhormat sahajalah sebab kerajaan memperuntukkan juga sejumlah RM2 juta cuma tidak melalui Yang Berhormat sahaja. Jadi kalau Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti, nanti. Saya tidak jawab habis lagi minta penjelasan macam mana? Nanti, duduk. Kalau Yang Berhormat hendak tentukan benda ini masuklah Barisan Nasional.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jangan lupa Setiausaha Parlimen sahaja, haiyo!.. Ini peruntukan RM2 juta ini adalah wang rakyat dan apabila ada perbezaan prosedur di dalam untuk pengagihan peruntukan itu..., itu sudah diskriminasi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya wang rakyat kita pulangkan kepada rakyat, memang kita bagi kepada rakyat. Memang kita tahu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Yang Amat Berhormat selalu laung-laungkan Islam Hadhari, Islam Hadhari tetapi pemakaiannya untuk kepentingan sendiri sahaja. Itu akan menjejaskan nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa sendiri, kepentingan rakyatlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kita tidak ada diskriminasi kepada rakyat. Rakyat semua dapat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perbezaan prosedur ialah diskriminasi dan tidak adil.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Jadi Pengerusi OIC tetapi cakap lain, buat yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak adalah. Tidak faham sudahlah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak Islam Hadhari. Hati-hati akan dihukum masa akhirat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak adillah Yang Berhormat bagi Batu Gajah menghukum.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Duduklah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hendak jadi teladan yang baik, prosedur yang sama, baru boleh hapuskan diskriminasi dan hapuskan ketidakadilan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana boleh sama kerajaan sama pembangkang. Mana boleh sama!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mestilah diberi, diangkatkan, dipatuhi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh samalah kerajaan sama pembangkang. Mana boleh!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana ada?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Agama... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cakap banyak, Islam Hadhari.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Duduk, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah Yang Berhormat bagi Batu Gajah, jangan sentuh Islamlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Akan tetapi saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri hentikan diskriminasi dan ketidakadilan ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat kalau hendak cakap pasal Islam, kena tahu Islam dahululah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Setiausaha Parlimen sahaja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Masa ini tidak payah cakaplah, kuorum tidak ada.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak ada kuorum.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kuorumlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak payah cakaplah. Boleh balik, semua baliklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa? Kuorumlah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kuorum, kuorum.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kuorum ada kuorumlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak cukup, tidak cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Haiya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Semua baliklah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila jalanlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ada kuorum, Tuan Pengerusi, tidak kuorum. Peraturan Mesyuarat 13.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat 13, Tuan Pengerusi, 13. Tidak payah jawab. Kita semua boleh balik.

[Setiausaha Dewan membuat pengiraan kuorum]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* buang masalah, itu luar datang masuk sudah kuorumlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Sila bunyikan loceng.

[Loceng Dewan dibunyikan]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hei Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya bagi ingatan awal, awak jangan perli Islam Hadhari. Islam Hadhari, *you* fikir agama tau. *You* jangan perli Islamlah. *You* jangan perli Islam, Islam agama tau...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana boleh guna macam ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan main agama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh guna *mic* kah macam ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cakap tidak serupa bikin ma!

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup. Yang Berhormat, sila. Ya, sila jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga menimbulkan soal pengambilan tanah..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Belum lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hanya hendak bangkit satu *point* sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, apa pasal keluar?

Tuan Pengerusi: Biar dia jawab dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, bukan, bukan, ini dia sudah pergi kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya hendak bangkit isu ini yang mana saya hendak menunjukkan macam mana dana kerajaan iaitu peruntukan pembangunan kalau diberi kepada wakil rakyat Barisan Nasional, ia akan mencetuskan korupsi dan juga penyalahgunaan peruntukan itu. Saya hendak tunjuk satu gambar yang saya terima di sini. Ahli Parlimen bagi Kota Kinabalu, dia gunakan peruntukan pembangunan itu untuk membuat kerusi dan letak di tepi parit dengan namanya, bukan nama Barisan Nasional, namanya di mana kerusi itu diderma atau disumbangkan oleh beliau. Macam mana ini boleh berlaku? Ini sudah jadi satu berita besar dalam surat khabar di Sabah.

Tuan Pengerusi: Baik

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi ini adalah satu..., saya rasa kalau peruntukan seperti ini hanya diberi kepada Barisan Nasional, ia memang akan mencetuskan korupsi dan penyelewengan di kalangan wakil rakyat BN.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi ini memang tidak adillah. Ini tidak ada kena mengena dengan...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan ulang-ulang ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Kebajikan orang ramai.

Tuan Pengerusi: Jangan diulang-ulang, sudah faham. Sila jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya. Macam mana kerajaan akan mengatasi penyelewengan seperti ini?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Jangan diulang-ulang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan tadi, saya jawab tadi bahawa Ahli Parlimen Barisan Nasional, dia bukan luluskan projek. Dia mengenal pasti dan mencadangkan projek-projek kerana dia adalah wakil Kerajaan Barisan Nasional di kawasan Barisan Nasional... [Disampuk] Saya jawab tadi. Esok boleh tengok *Hansard* ya. Dia mencadangkan projek, lain. Kalau bagi projek, lain. Dia mencadangkan projek dan peruntukan itu bukan kepada Ahli Parlimen tetapi melalui pejabat yang saya sebutkan tadi, Pejabat Pembangunan Negeri dan juga Pejabat Pembangunan Persekutuan kalau di Kelantan, umpamanya.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah kerajaan membenarkan penyelewengan seperti ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagaimana peruntukan kerajaan yang mana wakil rakyat itu gunakan namanya sendiri?

Tuan Pengerusi: Dia sudah jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Bagilah peluang saya jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah ini dibenarkan? Jadi lain kali semua projek dan peruntukan yang diberi itu, Ahli Parlimen BN itu kata dia yang sumbangkan kepada masyarakat. Jadi ini satu bentuk korupsi. Ini memang tidak adil kalau hendak cakap tentang keadilan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Awak pun tidak adil juga. Awak tuduh melulu, tidak siasat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Belum tentu lagi kerusi itu siapa beli.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Belum tentu lagi. Awak tuduh orang macam-macam. Awak adilkah tuduh orang itu macam?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskanlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu gambar, belum tahu lagi. Siasat dulu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sri Gading ada menimbulkan soal...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, sebelum itu, penjelasan. Penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya tidak bagilah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengenai...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Cukuplah itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ini adalah isu yang penting.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya tidak sempat jawab lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini penting, mesti mahu bagi ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini isu yang penting mengenai mengaitkan peruntukan yang senang disalahgunakan. Biar saya mengadakan satu peluang. Tuan Pengerusi, wakil rakyat dipilih oleh rakyat. Jadi sesiapa yang menjadi kerajaan pun, dia mesti hormati pilihan dan keputusan rakyat. Seperti pihak sini selalunya menghormati bahawa rakyat telah pilih Barisan Nasional menjadi kerajaan tetapi pihak Kerajaan Barisan Nasional perlu menghormati juga, ada kawasannya yang rakyat telah buat keputusan untuk memilih pembangkang untuk mewakili mereka. Jadi kita di sini sebagai wakil Yang Berhormat di sini, gaji kita adalah sama kerana ini adalah keputusan rakyat.

Jadi apa yang kita nikmati adalah sama tetapi hanya polisi dasar Kerajaan Barisan Nasional yang tidak adil kepada wakil rakyat. Ini adalah seperti Kerajaan Barisan Nasional, tidak hormati pilihan dan keputusan pengundi dan rakyatnya.

Tuan Pengerusi: Ya, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi walaupun pembangkang mempunyai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau tidak hormat, takkan *you* duduk dalam Dewan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pembangkang mempunyai tanggungjawab yang berlainan daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah sebabnya kita perlu ada pembangkang di dalam Dewan ini. Kalau tidak perlu, kita terpaksa....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau DAP jadi kerajaan pun serupa jugalah.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi yang pentingnya ialah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu di Sarawaklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ialah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kelantan pun sama juga.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, saya ingat cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pembangkang merupakan... Saya belum habis lagi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Hendak minta penjelasan kah, hendak buat ucapan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pembangkang merupakan satu *check and balance* kepada sistem kerajaan.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dalam sistem yang berparlimen ini.

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Oleh kerana kerajaan tidak membenarkan pembangkang melakukan tanggungjawab, sebab itulah mengapa CPI, indeks korupsinya selalunya jatuh.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya rasa kalau kerajaan ini...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasihlah, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Betul-betul telus, mengapa dia tidak...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang telus.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dasar yang telus ini. Mana *check and balance* dalam peruntukan ini, siapa yang boleh *check*? Siapa yang boleh semakkan sama ada peruntukan ini dipakai dengan betul?...

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mananya *sistem check and balance*?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: *Point of Order*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana saya boleh tahu bahawa sama ada peruntukan ke Bukit Mertajam ini, bagaimana ia dibelanjakan? Bagaimana saya boleh tahu? Sila beritahu.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat sendiri sebut tadi bahawa Yang Berhormat dari pembangkang. Jadi kita di sini daripada kerajaan. Yang penting kepada kita ialah rakyat. Di kawasan pembangkang pun, kita peruntukkan juga tetapi melalui pejabat daerah. Jadi tidak ada diskriminasi dari segi keadilan, semua rakyat di seluruh pelosok negara ini dapat.

Beberapa Ahli: *So check and balance. Where is the check and balance?*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: *Apa check...*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana saya boleh tahu macam mana peruntukan itu dibelanjakan, bagaimana saya tahu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: *Check and balance* selagi Yang Berhormat kalau kawasan pembangkang, kita ada saluran dan pihak kerajaanlah yang tentukan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Takut cakap benarkah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, cakap benarlah itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Macam mana saya sebagai wakil rakyat bagi Bukit Mertajam, bantulah saya berhak untuk tahu macam mana peruntukan itu dibelanjakan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Masuk Barisan Nasional dahulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana saya boleh tahu?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau berani, berdirilah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya ingat itu tidak payahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa tidak payah? Saya rasa saya berhak tahu.

Seorang Ahli: Tidak payah taulah. *You check* di Pejabat Daerah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas itu, selalu mengatakan bahawa wakil rakyat...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pejabat Daerah banyak besar, pintu pun besar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana saya boleh tahu..., bagaimana?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Mana tempat yang ada buat projek, *you* pergi tengoklah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagi pihak penduduk di Bukit Mertajam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Okey, saya jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta dari Pejabat Daerah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita sebagai wakil rakyat ada banyak saluran. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati, Yang Berhormat boleh timbulkan dalam Dewan ini. Yang Berhormat diberi peluang untuk timbul di sini. Di kawasan Yang Berhormat boleh *check* dengan Pejabat Daerah, dengan Pegawai Daerah dan dengan semua agensi-agensi kerajaan yang memainkan peranan. Saya sebutkan tadi bahawa pihak wakil rakyat Barisan Nasional pun mereka mencadangkan projek-projek itu, bukan mereka bagi projek. Mereka mencadangkan dan Pejabat Daerah melalui peruntukan diperuntukkan, meluluskannya. Jadi apa lagi masalah? Tidak ada apa-apa masalah. Kalau masalahnya sekarang Yang Berhormat hendak juga, Yang Berhormat luluskan RM2 juta, masuk Barisan Nasional.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak ada masalah, bolehkah pihak kami juga mencadangkan dan juga diluluskan oleh DO?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Boleh, DO boleh lulus. Terpulang kepada DO. DO boleh lulus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cadangkanlah. Lulus atau tidak lulus tidak tahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang saya tahu ialah itu bukan cara ia lakukan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Barisan Nasional di Kelantan pun banyak cadang, banyak tidak lulus. Apa lagi mahu cerita panjang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mereka yang boleh dapat wang peruntukan dan boleh menggunakannya, dia tidak mahu cerita panjang kerana ini adalah satu ketidakadilan dan mereka tidak berani untuk mendengar kebenaran.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, memanglah dia tidak akan puas hati. Memang dia tidak akan puas hati, kita faham.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, beralih ke lain ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Okey, saya beralih kepada yang lain Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat bagi Sri Gading ada menimbulkan soal kajian pembinaan terusan di Johor Bahru. Beliau menggesa agar Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri membuat kajian mengenai cadangan pembinaan terusan di Johor Bahru tanpa meruntuhkan Tambak Johor yang membolehkan kapal-kapal yang menggunakan Selat Tebrau tanpa halangan. Oleh kerana perkara ini sangatlah baru Yang Berhormat timbulkan dan ini merupakan satu pandangan yang baru, maka kerajaan akan mengambil perhatian dan insya-Allah perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini akan diambil kira oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order.* Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mahu menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya dengar sekarang tidak ada, mana itu jawapan...? Sudah lupa?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Nanti saya jawab balik kerana gangguan banyak sangat tadi. Itulah, patutnya kita dapat jawab.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh ada timbulkan mengenai masalah rakyat berkaitan Projek Kuala Lumpur Linear City. Masalah penyediaan rumah untuk 200 setinggan yang terlibat dengan Projek Kuala Lumpur Linear City. Untuk makluman Dewan ini, Projek Kuala Lumpur Linear City adalah merupakan salah satu projek penswastaan. Walau bagaimanapun projek tersebut telah dibatalkan oleh kerajaan dan dengan itu tidak dapat dilaksanakan. Menurut perjanjian penswastaan, penempatan semula setinggan adalah tanggungjawab syarikat konsesi.

Oleh kerana projek tersebut dibatalkan, syarikat tidak lagi memikul tanggungjawab tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan surat tawaran kepada setinggan terlibat, setinggan berkenaan perlu merujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri untuk mendapatkan mana-mana rumah yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekiranya ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Yang Berhormat, tentang kes ini saya pernah pergi tanya Datuk Bandar dan juga pegawai kanan di DBKL. Mereka kata ini adalah tanggungjawab EPU kerana EPU yang meluluskan Projek Kuala Lumpur Linear City, ia terbengkalai. Jadi sebelum bekas Ketua Pengarah DBKL memberi surat jaminan bahawa mereka akan diberi rumah yang mana dijual kepada mereka itu, beliau pernah pergi berjumpa Pegawai Kanan EPU. Sekarang yang Perdana Menteri cakap banyak kali tentang sistem penyampaian kerajaan, saya lihat EPU sendiri yang paling tidak efisien dalam perkara ini. Sudah tiap-tiap tahun saya panggil dua, tiga kali tetapi selalu bila saya bangkit dalam kementerian ini, yang bola ini ditendang kepada DBKL, bila saya pergi DBKL, dia kata ini adalah tanggungjawab EPU.

Ada 200 setinggan itu mereka pindah kerana perjanjian yang mana Kerajaan Persekutuan jadikan saksi. Jadi macam mana kita boleh layan setinggan kita macam itu? Jadi ini adalah tidak sejajar dengan dasar dan juga arah kerajaan sekarang. Bolehkah Yang Berhormat memberi satu jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa ini akan diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang? Saya berharap dalam tahun yang akan datang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, untuk makluman seperti yang saya sebutkan tadi bahawa projek ini mulanya adalah merupakan projek penswastaan tetapi ianya telah dibatalkan. Sebagai maklumat, kita tahu bahawa pada mulanya mereka yang terlibat di dalam kawasan yang dicadangkan projek ini seramai 1,037 keluarga kalau saya tidak silap. Dan sekarang ini yang tidak dapat dilaksanakan ataupun mencapai matlamatnya hanya tinggal lagi 200 keluarga sahaja dan seperti mana Yang Berhormat sendiri pun berjumpa saya dalam sebelum bulan puasa yang lepas dan saya kata kita akan cuba menyelesaikan perkara ini secepat mungkin.

Alhamdulillah dalam bulan Julai yang lalu, Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai EPU telah pun meminta supaya pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyelesaikan perkara ini. Ini persetujuan dan arahan daripada pihak menteri kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun mengakui sekiranya pihak yang 200 ini datang kepada mereka, ada pilihan-pilihan tertentu umpamanya kalau ada kekosongan perumahan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga dengan pihak Syarikat Perumahan Negara.

Jadi saya harap mereka akan dapat menghubungi pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah mereka ini. Puncanya Yang Berhormat, kita faham bahawa ada pihak yang tidak mahu menerima pampasan. Yang mahu menerima pampasan dahulu, mereka telah dibayar oleh pihak swasta tetapi yang tidak mahu ini, ini yang sekarang ini kita terpaksa menyelesaikan sebegitu rupa. Insya-Allah mereka akan dapat tempat masing-masing-masing-masing.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi dalam arahan Yang Berhormat Menteri itu, adakah rumah itu dijual kepada mereka? Mereka tidak mahu rumah yang disewa macam rumah PPR DBKL sekarang kerana dalam surat jaminan daripada DBKL yang mereka telah berjanji bahawa EPU akan membina rumah pangsa dan menjual kepada mereka. Jadi adakah ini arahan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat, kalau kita hendak rumah kita, jangan banyak akal sangat. Kita setingan, jadi kalau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendak bagi rumah, pilihlah. Dia hendak rumah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Syarikat Perumahan Negara. Jadi kalau mereka yang terlibat dalam PPRT akan juga diberi bantuan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut ada menimbulkan tentang pegawai sementara N41 memohon diserap ke jawatan tetap. Beliau meminta supaya pegawai-pegawai sementara atau kontrak yang berpengalaman diserap ke jawatan tetap bagi mengisi jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Pelantikan secara kontrak atas Gred N41 dibuat di kalangan calon yang mempunyai kelayakan akademik yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Kerajaan berharap agar dalam tempoh pelantikan kontrak pegawai, mereka memperoleh pendedahan kerjaya dan pengalaman bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan tetap yang sesuai sama ada di sektor awam atau swasta.

Ini sepatunya memberi kelebihan kepada pegawai kontrak semasa mereka memohon sesuatu jawatan. Bagi pengambilan pegawai untuk tujuan lantikan tetap pertimbangan adalah tertakluk kepada kelayakan, kesesuaian dan merit calon semasa urusan pengambilan, penilaian temu duga jawatan yang dijalankan.

Pihak berkuasa melantik akan menjalankan urusan pengambilan secara terbuka yang bukan sahaja menimbangkan permohonan pegawai kontrak sedia ada tetapi permohonan calon-calon lain. Ini dilaksanakan demi keadilan kepada semua pemohon bagi sesuatu jawatan. Pegawai Kontrak, Gred N41 akan diberi pertimbangan sewajarnya untuk dilantik tetap dengan syarat mencapai merit yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga ada menimbulkan iaitu membangkitkan bahawa lebih kurang 70% kawasan perindustrian di Sabah terletak di daerah Tuaran. Adakah EPU sudah mengenal pasti industri-industri yang akan di majukan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan?

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sejumlah RM130 juta telah diluluskan untuk meneruskan pembangunan projek Kota Kinabalu Industrial Park atau KKIP yang terletak dalam daerah Kota Kinabalu dan Tuaran. Tumpuan utama adalah kepada kelompok industri berasaskan logam, plastik, pertanian dan industri sokongan seperti logistik. Walau bagaimanapun untuk daerah Tuaran, fokus adalah kepada kelompok industri berasaskan kayu. Ini disebabkan terdapat sumber bahan mentah yang mudah diperolehi di kawasan berhampiran. Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan sejumlah RM20 juta ringgit untuk membangunkan infrastruktur kawasan EPS di Sulaman, Tuaran yang akan memberi tumpuan kepada industri berasaskan pertanian terutamanya projek hiliran berasaskan getah yang boleh menyokong industri di kawasan Kota Kinabalu Industrial Park.

Yang Berhormat bagi Tanjung, ada menimbulkan bilakah perjanjian konsesi projek Penang Outer Ring Road akan di tandatangani? Perjanjian konsesi projek Penang Outer Ring Road akan ditandatangani setelah semua isu yang berkaitan dapat di selesaikan.

Yang Amat Berhormat bagi Tanjung juga bertanya mengapa Projek Jambatan Pulau Pinang tidak di tender dan mencadangkan supaya kerajaan memastikan kontraktor tempatan mendapat faedah daripada projek ini. Projek Jambatan Pulau Pinang tidak di tender kerana syarikat yang diberi konsesi adalah syarikat yang sama dan mempunyai pengalaman dalam membina Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kontraktor tempatan boleh menyertai sebagai pembekal bahan-bahan dan perkhidmatan yang diperlukan dalam pembinaan jambatan tersebut.

Yang Berhormat bagi Kuching, ada menimbulkan tentang peningkatan harga minyak mentah dunia telah menyebabkan kerajaan menaikkan harga petrol dan diesel berikutan kejatuhan harga minyak sekarang. Kerajaan di cadangkan menurunkan harga petrol dan diesel. Keputusan kerajaan untuk menaikkan harga minyak pada tahun 2005 dan berakhir pada Februari 2006 adalah disebabkan beban subsidi minyak dan kehilangan hasil cukai yang tinggi terpaksa di tanggung oleh kerajaan. Kerajaan berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya wang subsidi ini dapat di gunakan kepada sektor yang lebih produktif.

Sehubungan ini, walaupun harga minyak dunia sejak akhir-akhir ini telah menurun namun ianya masih berada di paras yang tinggi berbanding harga kedudukan minyak pada bulan Februari 2006 dahulu. Di samping itu, tidak ada tanda-tanda kukuh yang dapat menentukan penurunan harga minyak dunia ini akan berterusan dan bagi satu tempoh yang panjang. Sehubungan itu, kerajaan buat masa ini belum lagi dapat memberi pertimbangan untuk menurunkan harga keluaran petroleum dalam negara sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuching.

Yang Berhormat bagi Lipis ada menimbulkan tentang kajian semula elaun sara hidup pelajar di luar negara. Mencadangkan supaya kerajaan mengkaji elaun sara hidup di luar negara kerana pelajar-pelajar terpaksa bekerja disebabkan oleh kekurangan elaun. Kerajaan sentiasa...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan..

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Belum jawab lagi nanti kejap saya jawab dulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan. Tadi sudah jawab. Minyak, minyak, harga minyak. Tahu kah Yang Berhormat dalam seluruh dunia pengeluar minyak, di antara negara-negara pengeluar minyak, harga petrol dan diesel di Malaysia adalah termahal sekali. Kita tak mahu banding dengan Singapura, Indonesia atau jiran-jiran kita. Kerana mereka semuanya pengimport minyak mentah. Malaysia hanya Malaysia, satu-satu sahaja adalah pengeluar minyak, tetapi di antara negara-negara lain seperti Saudi Arabia dan lain-lain pengeluar minyak.

Malaysia harga domestik diesel dan petrol adalah termahal sekali. Pernah kah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu kajian antara negara-negara pengeluar minyak. Dan memandangkan situasi ini dan memandangkan kesengsaraan rakyat, bolehkah kerajaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat sudahlah. Tak payah berucaplah, cukuplah

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menurunkan itu harga petrol dan minyak? Untuk kebaikan rakyat bukan untuk kebaikan saya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, kita adalah merupakan hanya 5% peratus sahaja daripada pengeluaran minyak kita di seluruh dunia. Dan untuk makluman Yang Berhormat adalah tidak benar kalau mengatakan bahawa semua negara lain menaikkan tetapi saya di maklumkan bahawa Norway adalah merupakan sebuah negara pengeluar minyak tetapi harga minyaknya adalah yang paling tinggi sekali di kalangan pengeluar-pengeluar minyak. Jadi sudah tentulah kita perlu mengambil penyesuaian sama ada nak melihat, nak naik harga petrol diesel, nak menurunkan sebagainya. Sebab itu dalam jawapan saya tadi, saya sebutkan bahawa kita tidak dapat memastikan bahawa keadaan ini berterusan. Jadi kita tidak boleh membuat keputusan sekarang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat kata itu kawasan yang berterusan. Berapa bulan? Kalau harga minyak mentah antarabangsa mengekal di tahap ini, berapa bulan baru kerajaan nak turunkan harga petrol dan diesel di negara kita? Berterusan berapa lama..., berapa lama? Bolehkan Yang Berhormat beri satu jangka masa?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Amat terhormat Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberi jawapan tersebut. Saya tidak boleh buat keputusan itu.

Kita kerana dalam pengiraan minyak bukan sahaja kita lihat dari segi harga minyak. Jadi kita lihat juga perkara-perkara lain di seluruh dunia. Keadaan dunia bergolak atau tidak. Di mana negara minyak nanti terlibat dalam peperangan dan sebagainya semua kena ambil kira.

Yang Berhormat bagi Lipis mengenai elaun sara hidup pelajar, memang kerajaan saya rasa mengkaji elaun sara hidup pelajar di luar negara dari semasa ke semasa bagi memastikan pelajar-pelajar mengikuti pengajian dalam keadaan yang selesa. Elaun sara hidup yang telah di naikkan baru-baru ini, ialah bagi negara Australia, bagi negara New Zealand, bagi negara Indonesia, Korea dan Mesir. Elaun bagi bandar-bandar besar akan diberi dalam kadar yang lebih tinggi dalam bandar-bandar yang kecil.

Yang Berhormat bagi Lipis juga ada menimbulkan tentang soal kajian semula Penilaian Tahap Kecekapan atau PTK, beliau menggesa kerajaan mengkaji semula pelaksanaan PTK kerana ia dilihat lebih banyak mendatangkan kerugian dari segi pengurusan, perbelanjaan dan mencadangkan kemungkinan penghapusan PTK.

Kerajaan telah memutuskan untuk terus melaksanakan PTK yang memastikan pegawai awam mempunyai tahap kecemerlangan yang ditetapkan. Kajian penambahbaikan telah dilaksanakan pada tahun 2004 yang lalu bagi memantapkan pengurusan dan pelaksanaannya. Penambahan kekerapan PTK sehingga empat kali setahun adalah untuk memberi peluang kepada semua pegawai untuk merancang dan memilih masa yang sesuai untuk menduduki PTK.

Pertambahan kos pelaksanaan PTK perlu juga dibandingkan dengan kesan jangka panjang dalam usaha kerajaan membangunkan sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Melalui PTK, pegawai secara langsung telah mengambil daya usaha mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas masing-masing.

Yang Berhormat bagi Jasin ada menimbulkan tentang minda baru pegawai kerajaan. Beliau menggesa agar MAMPU dan INTAN mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi latihan, kursus dan seminar untuk memastikan pegawai-pegawai kerajaan mempunyai daya pemikiran berteraskan perniagaan. Beliau turut menyatakan langkah ini penting untuk memastikan negara kita menjadi *trading nation* yang maju dan berdaya saing.

Pelbagai langkah telah diambil dan akan terus dilaksanakan untuk membangunkan daya pemikiran pegawai-pegawai awam supaya berteraskan perniagaan. Pembangunan sumber manusia menerusi peningkatan tahap kompetensi serta menyediakan sistem dan prosedur yang konsisten dan jelas mampu meningkatkan sistem penyampaian kepada golongan perniagaan.

Penggunaan teknologi berasaskan ICT dapat membantu menyalurkan dan menghebahkan maklumat-maklumat penting kepada golongan peniaga, misalnya portal perkhidmatan awam menyediakan maklumat-maklumat penting untuk kumpulan peniaga. Dan ia merupakan *input* yang dicetuskan oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk membantu peniaga. Di samping itu, pegawai-pegawai kerajaan melalui gerakan budaya kerja cemerlang sentiasa digalakkan untuk mengurangkan kerenah birokrasi supaya proses kerja dapat dipercepatkan untuk manfaat kumpulan peniaga.

Kerajaan juga secara berterusan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme pegawai-pegawai kerajaan terhadap budaya perniagaan supaya pegawai menjadi lebih proaktif dan *business friendly* melalui latihan dan bimbingan. Pegawai juga secara *hands-on* terlibat dalam dialog dan perundingan dengan pelbagai pihak termasuk rakan niaga kerana sektor kerajaan menyedari bahawa sektor swasta adalah merupakan *engine of growth* dalam pembangunan negara.

Latihan secara berstruktur juga diberikan kepada semua peringkat pegawai khususnya yang perlu berurusan dengan pihak industri dan kewangan termasuk memberi peluang kepada pegawai peringkat tertinggi mengikut kursus yang dianjurkan oleh institusi antara seperti Universiti Harvard, Oxford dan Cambridge. Pada masa yang sama kerajaan bersama sektor swasta juga mengendalikan program sangkutan pegawai-pegawai kerajaan di industri-industri terpilih.

Yang Berhormat bagi Kepong, cadangan mengadakan sistem tender terbuka, beliau mencadangkan supaya diadakan sistem tender terbuka untuk semua projek oleh EPU termasuk tender untuk 880 projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pelantikan tender untuk semua projek pembangunan adalah bukan di bawah bidang kuasa EPU, urusan tender adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan kementerian berkaitan.

Oleh itu, Yang Berhormat bolehlah bertanya dalam sesi jawatankuasa nanti kepada Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, tadi sudah jawab mengenai minyak, sudah jawab. Yang Berhormat bagi Kepong pun sudah jawab.

Yang Berhormat bagi Serdang, ada mencadangkan iaitu terowong di Kajang Utama melintasi Lebuhraya SILK. Beliau mencadangkan agar dibina sebuah terowong di laluan Kajang Utama melintasi lebuhraya yang berkenaan. Projek ini tidak diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan dengan itu tiada peruntukan diberi untuk projek ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Adalah bagi projek-projek yang diberi keutamaan sahaja dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tambahan pula terdapat juga pusingan U atau *u-turn* disediakan di kawasan berhampiran lebuhraya yang tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga yang menimbulkan soal infrastruktur...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: ...Yang Berhormat sekejap ya? Infrastruktur di kawasan masing-masing supaya dapat kita masukkan di dalam *mid-term review* yang akan datang Yang Berhormat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan!

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa ini? Penjelasan!

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya rasa sedih sedikit kerana permohonan tidak dapat dipertimbangkan pada waktu ini, tetapi ini suatu komitmen Yang Berhormat Menteri di hadapan masyarakat setempat semasa pembukaan rasmi Lebuhraya SILK kita itu. Kalau komitmen sendiri daripada Yang Berhormat Menteri tidak dapat dipertimbangkan oleh pihak EPU, saya tidak tahulah apa caranya boleh dipertimbangkan kerana ini begitu terjejasnya sosioekonomi dan kestabilan politik di kawasan tersebut terutama sekali rakan saya di Dewan Undangan Negeri Bangi akan terjejas.

Perkara ini terlibat bukan satu kawasan, beribu-ribu rakyat dengan IKS semua sekali. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat dikaji semula perkara ini kerana komitmen yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan telah dinyatakan dalam surat khabar semua maka itu saya mintalah kalau boleh pihak EPU dapat menimbang semula mungkin ada cara lain kerana tambahan peruntukan yang turut dinyatakan itu tiada. Saya mintalah kalau boleh sebab ini suatu komitmen kerajaan melalui kementerian itu. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, bila kita *finalize* kan senarai-senarai projek mula-mulanya memang kita dapati banyak senarai projek tetapi kita telah minta kepada agensi-agensi yang berkenaan iaitu kalau di *state government* untuk pastikan bahawa siling yang diberikan itu adalah yang kita telah tetapkan. Selangor adalah merupakan satu negeri yang memperoleh peruntukan yang terbanyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebab itu kalau Yang Berhormat dapat balik ke negeri, minta supaya kerajaan negeri memperakukan kepada kita, kita akan bawa kepada *mid-term review* sekarang ini tentulah sudah tidak boleh, nanti DAP kata pasal apa kita lambat pula melaksanakan projek. Sebab itu kita minta Yang Berhormat bawa perkara ini dapat *support* daripada kerajaan negeri. Saya rasa itulah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ada bertanyakan mengenai jawatankuasa penyertaan bumiputera Pulau Pinang. Apakah pencapaiannya dan juga di bawah tajuk, "*Pembangunan Masyarakat dan Pembersihan Sungai Pelbagai Negeri*".

Adakah peruntukannya diberi kepada pembersihan sungai di Pulau Pinang? Kalau ada, berapa banyak dan sungai yang mana.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, memang bahagian penyelarasan penyertaan bumiputera Pulau Pinang bertanggungjawab merancang strategi pelaksanaan dasar dan taktikal pembangunan bumiputera Pulau Pinang. Dalam konteks ini, BPPB antara lain memantau dan melaksanakan pelan tindakan strategik agenda pembangunan bumiputera Pulau Pinang.

Di antara bidang hasil utama atau *key performance areas* dalam usaha untuk memperkasa bumiputera yang diberi penekanan oleh bahagian ini, iaitu:

- (i) peningkatan pemilikan hartanah, perumahan, premis perniagaan oleh bumiputera Pulau Pinang;
- (ii) peningkatan penyertaan bumiputera dalam sektor-sektor strategik ekonomi;
- (iii) penyediaan peruntukan yang mencukupi bagi pelaksanaan agenda pembangunan bumiputera Pulau Pinang;
- (iv) penjanaaan kecemerlangan bina upaya bumiputera Pulau Pinang; dan
- (v) pembasmian kemiskinan bumiputera Pulau Pinang.

Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, bahagian ini diperuntukkan sebanyak RM72.3 juta untuk melaksanakan program ataupun projek seperti berikut: ...Minta maaf tadi, Yang Berhormat, inilah tadi yang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor timbulkan tadi. Saya terjatuh jawapannya.

- (i) pembelian dan pengambilan balik tanah untuk pembinaan rumah mampu milik sebanyak RM32 juta;
- (ii) program pemuliharaan pemilikan bangunan warisan atas tanah wakaf sebanyak RM35.5 juta; dan
- (iii) projek-projek teras Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang sebanyak RM5 juta.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan yang diluluskan kepada bahagian ini sebanyak RM116.02 juta untuk projek-projek ataupun program seperti berikut:

- (i) pemuliharaan bangunan warisan atas tanah wakaf sebanyak RM21 juta;
- (ii) pengambilan balik pembelian tanah untuk pembinaan 7 bazar atau kompleks serta premis perniagaan sebanyak RM10 juta;
- (iii) pengambilan balik pembelian tanah untuk Projek Perumahan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera sebanyak RM70 juta;
- (iv) program khas pembangunan bumiputera di bawah Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang sebanyak RM10 juta; dan
- (v) program penyediaan premis mampu beli untuk bumiputera sebanyak RM5 juta.

Pembangunan perumahan komersial di Pulau Pinang diterajui oleh pemaju-pemaju swasta. Maklumat penjualan unit-unit perumahan komersial yang dibina oleh sektor swasta, menunjukkan bahawa antara tahun 1998 sehingga 2005, sejumlah 51,434 ribu premis kediaman tidak termasuk kos rendah dan sederhana rendah telah dibina di Pulau Pinang.

Selaras dengan ketetapan kerajaan sebanyak 30%, unit-unit kediaman komersial yang dibina telah diperuntukkan untuk dijual kepada bumiputera dengan diskaun 5% sehingga 2005. 13.4% unit perumahan komersial telah dimiliki oleh bumiputera berbanding 1998 iaitu 8.49% sahaja.

Berikutan dengan pengkorporatan UDA pada tahun 1995, JKP Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 1997 untuk mengambil alih harta JKP yang didaftarkan atas nama UDA. Prinsip JKP dalam pelaksanaan projek-projek perumahan ialah jenis perumahan yang mampu dimiliki oleh bumiputera dengan agihan pemilikan sekurang-kurangnya 70% kepada bumiputera. Sehingga 31 Ogos, JKP Sdn. Bhd. telah membina sebanyak 9,732 unit perumahan di mana majoriti peruntukan kepada bumiputera.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan! Saya juga ingin bertanya adakah usaha yang dibuat oleh penyertaan bumiputera Pulau Pinang ini telah meningkatkan daya pesaing para bumiputera? Adakah apa-apa penilaian telah dibuat? Ini yang pertama.

Yang kedua ialah banyak unit yang diperuntukkan kepada bumiputera 30% dalam setiap projek pembangunan perumahan adalah tidak diberi ataupun tidak ada pasaran dan pemaju perlu memberikan 5%, yang diskaun itu dalam wang tunai kepada Bumiputera Steering Committee di Pulau Pinang.

Jadi, saya lihat banyak duit juga, berjuta-juta diperuntukkan untuk membina rumah dan juga sepuluh buah bazar. Adakah ini merupakan satu *investment* yang bijak. Khususnya pada waktu sekarang, *there are a lot of over supply* dalam perumahan, juga dalam *shop houses* dan juga bazar. Banyak gerai yang dibina oleh MPSP kosong sahaja, tidak ada orang yang berniaga di situ. Adakah kerajaan akan membina lagi lebih banyak bazar yang tidak laku? Adakah memikir..., kalau ada duit belilah *shop houses* yang sedia ada, yang tidak dapat dijual sekarang? Adakah Yang Berhormat akan menjawab juga soalan yang saya timbulkan, iaitu pembersihan sungai di Pulau Pinang?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai projek-projek yang kita hendak laksanakan ini kita akan teruskan. Ini kerana kita yakin dari segi perancangan awal untuk melaksanakan projek-projek yang saya sebutkan tadi akan mencapai sasarannya. Kerana keyakinan itu, insya-Allah dengan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat negeri ditubuhkan dan di peringkat pusat, hendak memastikan bahawa impak projek-projek ini akan mencapai seperti yang kita harapkan, insya-Allah dan sebab itulah kerajaan yakin dan meneruskan projek-projek ini.

Di samping itu kita berharap juga supaya pihak yang melaksanakan pembangunan ini dapat sama-sama melihat dari segi *social obligation* kita untuk memastikan. Bukan sahaja dari segi keuntungan kerana kita faham bahawa matlamat utama mereka ialah untuk mencapai keuntungan, tetapi *social obligation* mereka juga adalah penting untuk memastikan kejayaan ini.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya saya tidak ada perangkaan di sini, tetapi kita tahu bahawa peruntukan ini diteruskan melalui kerajaan negeri...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah saya dapat maklumat secara bertulis? Saya juga ingin memaklumkan bahawa umpamanya.....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, Yang Berhormat saya berjanji akan beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Umpamanya Bandar PERDA yang dimajukan oleh UDA, ia sudah banyak tahun, ia masih banyak kekosongan belum diambil lagi. Jadi, saya khawatir di manakah sepuluh buah bazar itu akan dibina. Jangan ia menjadi gajah putih lagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada tanya soalan tetapi tidak jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat timbulkan tentang Bandar PERDA di Pulau Pinang. Saya tidak tahu daripada sumber mana Yang Berhormat dapat bahawa tidak ada ataupun masih banyak kekosongan, tetapi yang kita tahu bahawa bandar tersebut telah membangun.

Jika kita bandingkan beberapa tahun yang lalu, memang dari segi pertumbuhannya ia semakin meningkat, bertambah baik. Ini apa yang kita dapat maklumat daripada pihak PERDA sendiri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, Bandar PERDA dekat dengan Bukit Mertajam.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, saya tahu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerajaan terpaksa meminta MPSP dan banyak agensi kerajaan ke situ untuk menyelamatkan dan satu pasar yang besar masih belum digunakan walaupun sudah siap beberapa tahun yang lalu dan banyak kedai lagi tidak dipenuhi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, itu ialah maklumat *first hand*, bukan dari mana-mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tidak apalah Yang Berhormat, memang dalam perniagaan apa sahaja cara kita dapat capai matlamat, kita akan laksanakan. Jadi, bukan satu sudut sahaja yang kita lihat kerana kita tahu kalau mereka yang berniaga memang begitu ada sahaja cara untuk memastikan bahawa projek mereka mencapai kejayaan. Jadi, saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat tunggu sekejap. Oleh kerana ada beberapa perkara yang tidak dapat saya jawab, saya perhatikan dalam *Hansard* yang ini dan kita akan ambil tindakan...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya ada bangkitkan, saya sedang tunggu jawapannya berkenaan dengan subkontraktor. Semasa perbahasan saya ada bangkitkan berkenaan projek...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Petronas itu, ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Projek pembangunan, spesifik ialah Petronas tetapi dasar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya jawab, saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: *Okay*, Yang Berhormat, terima kasih. Mengenai perkara tersebut memang awalnya Petronas membuat perjanjian dengan kontraktor utama, tetapi oleh kerana subkontraktor ini dengan kontraktor utama menghadapi masalah maka Petronas secara sukarela telah mengambil inisiatif membawa di antara kontraktor utama dan subkontraktor ini berbincang mengenainya beberapa kali dan itulah yang boleh dibuat oleh Petronas kerana sudah tentu tiap-tiap subkontraktor yang hendak melaksanakan tugas kontraktor utama mereka ada perjanjian-perjanjian mereka, ada kepercayaan di antara satu sama lain tetapi di akhirnya mereka menghadapi masalah tidaklah boleh kita salahkan kepada Petronas tetapi Petronas hanya mengambil inisiatif merundingkan mereka ini supaya mereka dapat menyelesaikan masalah mereka.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu kes spesifik Petronas tetapi bagaimana dengan projek-projek yang bakal akan dilaksanakan? Walaupun menteri ada menyatakan bahawa akan membuat lantikan secara terus pada tahun depan untuk menjalankan projek dan bayar terus kepada subkontraktor tetapi saya ingin tahu apakah syarat subkontraktor terus yang akan dijalankan itu? Yang kedua, bagaimana pula dengan subkontraktor-subkontraktor?

Kalau kerajaan melantik subkontraktor dan subkontraktor itu melantik lagi subkontraktor apa perlindungan kepada sub-sub kontraktor ini yang seperti wujud dalam kes Petronas ini?

Saya sangat kecewa. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata Petronas ada mengambil inisiatif untuk berunding tetapi nampaknya nasihat itu tidak diendahkan dan ramai sekarang ini tidak menerima bayaran. Ini mencapai hingga berjuta-juta ringgit dan nama baik Petronas terjejas. Itu adalah kes yang *pending* sekarang dan yang pakar punya sub-sub kontraktor yang di mana kerana warna kulit..., warna kulit tidak dapat projek. Apa perlindungan kepada mereka jika ada wujud lagi sub-sub kontraktor ini yang tidak terima bayaran ekoran daripada projek yang telah diumumkan ini. Saya pohonlah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, saya agak sedih Yang Berhormat bagi Batu Gajah sanggup menyatakan kerana warna kulit...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu fakta.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Fakta juga bahawa banyak projek besar yang didapati oleh bumiputera tetapi tiris kepada bukan bumiputera. Ini kita timbul masalah ini. Jadi, Yang Berhormat, saya hendak sebutkan tadi perkara ini adalah merupakan pengalaman kita yang lepas. Dari pengalaman ini memang kita ambil maklum kerana itu dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, perkara-perkara ini juga diambil perhatian. Saya ingat ada baik oleh kerana perkara ini melibatkan pembayaran, esok Yang Berhormat timbulkan ketika membahaskan peringkat jawatankuasa Kementerian Kewangan kerana ini sebenarnya adalah dalam bidang Kementerian Kewangan dari segi pembayaran. Saya difahamkanlah memang ada peraturan-peraturan baru yang lebih baik di antara subkontraktor dengan kontraktor akan diamalkan. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ada bangkitkan mengenai perkara pengambilan pekerja kakitangan di *civil service*, kenal jawab mengenai perkara itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini di bawah Kementerian Kewangankah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut nama saya tetapi ada gangguan, dia hilang. Saya baca di sini, "*Pak Lah has sought attention span, claim Dr. M*". Janganlah kita semua di sini *sought attention span*. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri janji akan balik, cari jawapan untuk saya khususnya, "*Little Napoleon*", dan arahan Yang Amat Berhormat semua kerajaan negeri dan *local authority gazette open spaces* supaya apa yang berlaku di Tawau, Sabindo tidak berlaku. Mana jawapan itu atau semuanya *sought attention span*?

Kita Ahli-ahli Parlimen DAP di sini, semua Barisan Nasional ponteng. Sudah lari. Kita mahu, kita tunggu, kita sabar, kita mahu jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada semualah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita bukan semua Barisan Nasional. 92% Ahli Parlimen mana..., apa guna? Potong gaji semualah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, tengok. Kalau kita panggil*quorum*, *no quorum*. Kita mahu jawapan. Mana itu jawapan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana itu jawapan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Atau kita semua *sought attention span*. Apa kata semua pentadbiran *sought attention span*. Ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri ada jawapan atau hendak jawab secara bertulis?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengapa bertulis? Kalau bertulis tidak payah tunggu di sini? Kita tunggu di sini oleh kerana kita mahu dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, kita mahu dengar, kita tidak mahu bertulis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat bahawa saya boleh mengambil pendirian sama ada menjawab ataupun tidak. Tetapi tadi, di waktu saya mengakhiri jawapan saya, saya kata saya meneliti memang banyak perkara yang tidak dapat saya jawab pada hari ini ataupun kita ambil perhatian. Kita ambil peringatan, teguran, pandangan Yang Berhormat. Itulah tujuan kita membahaskan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna ambil perhatian, apa pandangan, kita mahu jawapan!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Kalau cadangan Yang Berhormat baik, kita akan laksanakan cadangan-cadangan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu jawapan kepada isu-isu yang kita bangkit bukan ambil perhatian.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Point of order. Point of order.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, apa Peraturan Mesyuarat?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 37(2). Pengerusi ada kuasa tidak membenarkan mana-mana Ahli bercakap, mengganggu mesyuarat kerana tidak ada masa... *[Dewan riuh]... 37(2)!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya benarkan dia bercakap tetapi saya juga menerima jawapan daripada Timbalan Menteri.... *[Disampuk]* Dia kata ambil tindakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah selesaikan jawapan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan isu-isu agama yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, perkara yang saya bangkitkan itu, adakah jawapan akan diberi secara bertulis atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi jawapan daripada Timbalan Menteri, kepada soalan yang tidak dapat dijawab akan diambil tindakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jawapan bertulis akan diberi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan daripada Timbalan Menteri. Teruskan Setiausaha Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya percaya pandangan-pandangan, teguran dan saranan daripada Yang Berhormat ini berniat baik untuk menambahbaikkan lagi perkhidmatan jabatan ini. Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan persoalan rombakan JAKIM dan hala tuju baru.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Adakah jawapan akan diberi ataupun tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa yang saya bangkit, adakah ia akan dijawab?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya berterima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan telah diberikan oleh...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Belum lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nantilah, Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dalam tindakan, akan mengambil tindakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan bila?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dan bila?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri hendak jawabkah atau...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolonglah bertanggungjawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, tadi saya katakan, memang ramai Ahli Parlimen yang menimbulkan masalah-masalah dan saya sendiri membaca dalam *Hansard*, ada perkara-perkara yang saya tidak dapat berikan jawapan pada hari ini dan pandangan-pandangan yang mana membina kita akan gunakan pandangan-pandangan itu. Tidak semestinya semua kita mesti beri jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kita protes. Apa itu..., ini mana boleh? Peraturan mesyuarat. Apabila ada isu dibangkit, apa pandangan-pandangan konstruktif akan ambil tindakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan. Ini jawapan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak boleh! Mana boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ambil tindakan. Apa jawapan? Ini *hide of responsibility*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri sudah menjawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Hide of responsibility*, mana boleh!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini macam apa yang Mahathir cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malulah ini. Tidak ada standard jawapan.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah selesaikan soalankah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya menerima baik dan mengalu-alukan jawapan yang akan dijawab oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi satu ingatan ataupun satu apa yang saya maksudkan satu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan mesyuarat. Atas apa dia berdiri? Saya mahu tanya atas apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Atas jawapan Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia sudah duduk. Habis... *[Dewan bertambah riuh]*

Seorang Ahli: Setiausaha Parlimen sedang jawablah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen sudah mula.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini lainlah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Ini kes lain. Itu sana sudah selesai. Ini buku barulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen sudah memulakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tunggulah, Ipoh Timor. Tunggulah sampai saya habis cakap. Pagi ini akhbar *Utusan Malaysia* menyiarkan beberapa perkara teguran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejap Tuan Pengerusi, sekejap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dengar teguran saya. Penjelasan sepatutnya minta ke atas perkara yang dibangkit ataupun dijawab oleh Setiausaha Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah. Pasal dia sudah menjawab saya hendak mulakan kerana *Utusan Malaysia* hari ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Tunggu, perkara ini belum disentuh lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Muka pertama menyentuh baru-beberapa perkara tentang teguran Ahli Parlimen kepada Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, tak apa cukup. Nanti, nanti boleh. Setiausaha Parlimen teruskan jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nantilah Tuan Pengerusi, sabarlah.

Saya berharap isu seperti ini seharusnya menteri datang menjawab bukan soal saya atau kita tidak percaya kepada Setiausaha Parlimen tapi kerana isu ini telah pun diambil oleh akhbar dan dibaca seluruh negara. JAKIM ini sepatutnya ini cadangan dan pandangan saya Tuan Pengerusi sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang menjawab bukan Setiausaha Parlimen tidak ada wibawa hendak menjawab. Saya percaya Setiausaha Parlimen boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat. Bagus, bagus. Setiausaha Parlimen boleh jawab. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ingatan kepada menteri-menteri supaya di lain masa kalau isu yang berbangkit dari segi kementeriannya itu dipaparkan secara jelas besar di muka hadapan akhbar sepatutnya menteri yang berkenaanlah yang menjawabnya tanpa hendak menafikan kebolehan Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi ini ingatan sayalah tapi tak tahulah kalau jawapannya agaknya menteri baru balik tengah malam tadi daripada Pakistan bersama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh kita pertimbangkan tapi sebagai ingatan di Dewan yang mulia ini lain-lain masa kalau isu berbangkit besar macam itu, Yang Berhormat Menteri yang seharusnya berdepan dengan kita menjawab masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kesabaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup, sila duduk.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Teguran Yang Berhormat akan diambil maklum atas ingatan ini. Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan isu rombakan JAKIM dan hala tuju baru. Sebenarnya isu-isu semasa yang berkaitan politik, sosial, ekonomi yang berkaitan dengan Islam semakin bertambah dan sudah tentu fungsi JAKIM juga turut bertambah dan menyedari tentang hal ini JAKIM telah membuat penyesuaian supaya selari dengan perkembangan semasa antaranya dengan mengambil langkah memperbesar bahagian, menambahkan fungsi-fungsi baru, menambah bilangan pegawai dan membuat pembaikan atau merombak semula *core-business* JAKIM supaya hala tuju JAKIM dapat memenuhi dan menunaikan perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat Islam.

Begitu juga Yang Berhormat membangkitkan isu seminar dan bengkel yang dijalankan oleh JAKIM dengan perbelanjaan yang besar. Sebenarnya seminar dan bengkel yang diadakan oleh JAKIM di luar pejabat adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Perbendaharaan dan diluluskan oleh JPM dan seminar dan bengkel ini biasanya diadakan di luar bagi tujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada golongan-golongan luar tertentu bagi menyelesaikan satu-satu isu. Misalnya seperti isu yang berkaitan dengan kurikulum KAFA dan sebagainya.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan isu berkaitan bayaran kepada penceramah agama jemputan yang dikatakan sangat tinggi khususnya bagi mengadakan forum perdana. Sekiranya forum itu adalah Forum Perdana Ehwat Islam terbitan JAKIM bayaran yang perlu dibayar kepada penceramah JAKIM adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Perbendaharaan berdasarkan kepada kelayakan penceramah.

Oleh itu, dakwaan yang mengatakan bayaran yang mencecah sehingga RM4,000 adalah tidak benar kecuali sekiranya bayaran itu adalah forum yang bukan dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam dan untuk makluman Yang Berhormat, bayaran itu pun berbulan-bulan baru dapat oleh penceramah-penceramah dan bayaran bagi Panel Forum Perdana bagi setiap program hanyalah sebanyak RM400 sahaja.

Yang Berhormat bagi Padang Terap membangkitkan isu peranan dan hala tuju pelaksanaan Islam Hadhari dan meminta penjelasan mengenai agensi Yayasan Islam Hadhari dan Jawatankuasa Islam Hadhari.

Yayasan Islam Hadhari sebenarnya Yang Berhormat diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Abdul Hamid bin Osman selaku Penasihat di Jabatan Perdana Menteri dan Jawatankuasa Islam Hadhari dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana JAKIM dilantik sebagai penyelarasan dan urus setia kepada jawatankuasa berkenaan dan jawatankuasa ini dianggotai oleh lapan agensi yang bertanggungjawab untuk memberi penerangan dan penjelasan tentang pendekatan Islam Hadhari kepada golongan sasaran yang telah ditetapkan. Misalnya JAKIM kepada kakitangan dan masyarakat awam, JASA kepada ahli politik, YADIM kepada agensi swasta, IKIM kepada golongan bukan Islam, KAGAT kepada anggota tentera, JPT kepada pelajar IPTA dan IPTS, pejabat penasihat agama kepada ahli korporat dan JPIM kepada pelajar dan guru.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau hendak dibaca sebagaimana Yang Berhormat baca tadi memang kita pun tahu tugas dan tanggungjawab tapi pada hari ini masyarakat dalam negara kita ini sedang menghadapi masalah. Masalah penagihan dadah, tidak selesai daripada dahulu sampai sekarang malah bertambah. Mat Rempit, masalah sosial dan yang satu yang menyedihkan bilangan besarnya ialah anak Melayu yang beragama Islam yang menjadi tanggungjawab kita bersama Yang Berhormat, tanggungjawab kita bersama. Pernah kah menteri, orang JAKIM turun ke bawah melihat keadaan ini?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak pernah!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ataupun hanya duduk pejabat, apabila timbul masalah pengaduan baru hendak keluar ataupun duduk sahaja menunggu kot-kot ada jemputan-jemputan ceramah yang boleh dapat pendapatan tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, faham lah. Cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi tapi saya hendak faham-fahamkan lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Masalah ini sudah besar dan kalau perkara ini berlarutan dan kita memperuntukkan kepada JAKIM, YADIM segala-galanya beratus juta Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, bila kita bercakap tentang masalah sosial ia bukan tanggungjawab kepada pihak JAKIM semata-mata tapi semua Kementerian adalah bertanggungjawab. Bahkan kalau kita lihat pada agensi yang mengetuai masalah sosial ini ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi JAKIM berada di sini untuk membantu dan kita lihat banyak sebenarnya program-program dakwah diadakan. Begitu juga dengan bila kita bercakap tentang program mereka yang terlibat dengan dadah diadakan program-program di masjid dan begitu juga program-program untuk memulihkan pengikut-pengikut ajaran sesat tetapi insya-Allah seperti mana saranan Yang Berhormat itu kita akan cuba menjadi jabatan yang lebih proaktif lagi.

Yang Berhormat bagi Setiu membangkitkan persoalan perkembangan status rang undang-undang, penggubalan undang-undang, pengawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam.

Sebenarnya undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam telah diluluskan oleh sepuluh buah negeri kecuali Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang mana bagi Wilayah Persekutuan undang-undang ini masih di peringkat penggubalan.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan persoalan penerimaan negeri terhadap Undang-undang Keluarga Islam yang diseragamkan. Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini sembilan buah negeri telah meluluskan dan menguatkuasakan Undang-undang Keluarga Islam yang seragam.

Dan tiga buah negeri pula telah meluluskan tetapi belum menguatkuasakan iaitu Perlis, Pahang dan Wilayah Persekutuan dan dua buah lagi negeri masih belum menerima dan masih dalam perbincangan iaitu Terengganu dan Negeri Kedah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang saya hormati. Tuan Pengerusi, saya hairan kenapa Wilayah Persekutuan sejak saya buat dahulu sampai sekarang tidak digazet. Dia tidak nama enakmen dia nama akta. Saya kata akta lebih senang kalau kita bawa ke Parlimen ini. Jadi saya hendak mendapat penjelasan kenapa Wilayah Persekutuan ketinggalan sedangkan *role model*, sebagai model kepimpinan pentadbiran Islam adalah JAWI. Saya tidak nampak kenapa terlewat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Wilayah Persekutuan masih dalam peringkat gubalan sebenarnya Yang Berhormat. Jadi kita tahu bahawa undang-undang ini di bawah kerajaan negeri yang mana lain-lain negeri yang saya sebutkan itu dia ada Majlis Agama Islam Negeri di bawah pentadbiran Sultan sendiri sedangkan Wilayah Persekutuan tidak ada dan memerlukan kepada peringkat wilayah Yang Berhormat untuk meluluskan perkara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan lagi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya merujuk kepada satu artikel di dalam majalah *Mangga* pada bulan ini yang melaporkan beberapa orang gadis kilang kita yang telah murtad dan seorang ustaz telah mengambil daya usaha untuk membawa orang-orang yang murtad ini kepada jalan Allah.

Saya nak tanya, bagaimanapun pula peranan JAKIM? Bagaimana juga peranan-peranan badan agama yang lain dalam membantu ustaz ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Setiausaha Parlimen..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Sedang membincangkan itu Akta Wilayah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lebih kurang itu Tuan Pengerusi. Ini dalam wilayah juga yang berlaku Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita membincangkan tentang isu murtad dan bagaimana tindakan yang telah diambil oleh pihak JAKIM dalam melindungi agama.

Kita mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh ustaz yang Yang Berhormat ceritakan tadi untuk membawa kepada *inabah* dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama, JAKIM telah mengadakan program dakwah dan kita lihat bahawa enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama setakat ini, di Negeri Sembilan sahaja telah ada prosedur...

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sekejap ya Yang Berhormat. Di Negeri Sembilan sahaja yang telah ada prosedur yang mana terkandung di dalam enakmen pentadbiran agama Islam.

Manakala enakmen kawalan ini pada peringkat-peringkat negeri, yang telah lulus baru Terengganu, Kelantan, Selangor, Perak, Melaka, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Perlis. Silakan Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kalau Yang Berhormat bagi Jasin menyentuh dalam majalah Mangga, di dalam keluaran terbaru Mastika baru-baru ini, berapa ratus ramai di Terengganu, anak-anak muda diKristiankan? Saya tidak tahu berapa betul, berapa tidak betulnya kenyataan tersebut?

Akan tetapi apakah pendirian JAKIM hanya sekadar membiarkan majalah ini dibaca ataupun siasatan dibuat? Sejauh manakah kenyataan ini benar ataupun tidak? Yang lebih mendukacitakan saya pula, kita dengar, kita baca dalam SMS, menyatakan Datuk Azhar Mansor ini telah masuk Kristian, telah tukar agama. Saya tidak tahu sejauh mana benarnya? Akan tetapi sekiranya tidak benar, ini adalah satu fitnah yang nyata yang kalau kita menyatakan Datuk Azhar Mansor ini telah Kristian, dan kita telah mengkafirkan orang Islam. Yang sudah pasti kita sudah... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Bahawa, sesiapa yang mengkafirkan orang Islam, dia orang itu menjadi kufur. Ini fitnah yang cukup besar. Sepatutnya saya mahu supaya JAKIM membuat siasatan dan membuat kenyataan. Kita tidak mahu mendengar fitnah-fitnah yang besar-besar, yang serius. Bukan kita nak bincang fasal agama, tetapi kita takut fitnah yang besar ini boleh memporak-perandakan kita sesama orang Islam. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Sebenarnya, kalau Yang Berhormat tanya tentang pendirian JAKIM, JAKIM sebenarnya sangat mengambil serius tentang hal ini. Apa lagi penubuhan JAKIM ini adalah bertujuan untuk menjaga akidah dan kemurnian agama itu sendiri. Bagaimanapun dakwaan-dakwaan tentang mereka-mereka yang murtad ini, kalau Yang Berhormat lihat kepada akhbar pada hari ini, sebenarnya perkara ini telah diambil serius oleh pihak polis untuk menyiasat sejauh mana kebenaran penyebaran daripada SMS ini?

Jadi saya rasa kalau benda ini telah diambil alih oleh pihak polis untuk membuat penyiasatan sejauh mana benarnya? Yang mana mereka-mereka yang telah didakwa akan dimurtadkan itu, ada orang-orang tertentu pergi menunggu kepada gereja, tetapi tidak berlaku seperti mana yang di'SMS'kan dalam telefon-telefon bimbit. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa adalah merupakan fitnah yang sengaja disebarkan Yang Berhormat. Saya ingin merujuk pula kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan sebelum itu, penjelasan, penjelasan. Saya tidak mahulah terlibat di dalam perkara murtad ini, tetapi saya pernah mengemukakan masalah anak kepada orang India yang dia *convert* kepada Islam. Semasa anak dia kecil, dia sudah masuk Islam tetapi dia tak pernah amalkan agama ini. Sekarang dia sudah menjadi dewasa dan ibu bapanya pun sudah tidak ada. Dia mahu keluar. Dia tak pernah masuk Islam tetapi dalam sijilnya, dalam dokumennya, dia adalah orang Islam. Jadi dia ingin memilih agama yang lain iaitu Hindu kerana dia sejak kecil lagi dia amalkan Hinduisme. Untuk orang seperti ini, apakah pendirian JAKIM? Bolehkah memulakan tolong beri nasihat kerana pegawai sudah beri nasihat tetapi tak jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia kata pergi kepada pejabat agama negeri, pergi kepada *Syariah Court*. Kedua-duanya tak boleh, tak jadi. Jadi apakah nasihat daripada JAKIM untuk orang seperti ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya Yang Berhormat, apabila seseorang itu memeluk agama Islam, dia tidak boleh sewenang-wenangnya untuk keluar meninggalkan agama Islam itu. Melainkan sekiranya dia mendapat pengisytiharan bagi maksud tersebut.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat, seseorang yang ingin keluar daripada agama Islam, mestilah membuat permohonan yang mana akan dipertimbangkan oleh Mahkamah Syariah. Sebab dalam kes-kes tertentu, misalnya kes Nyonya Tahir kita lihat ya? Bahawa mereka yang bukan berasal seperti Yang Berhormat sebut tadi *convert* ataupun memeluk agama Islam, dalam masa yang terdekat kes ini kita lihat akan dipertimbangkan oleh mahkamah.

Jadi dia mesti membuat permohonan yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah sendiri. Begitu juga kita tengok antara lainnya ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sendiri tentang orang India yang hendak mengikut kepada agama Hindu. Sedangkan emak bapanya tadi *convert* dan anak-anaknya automatik menjadi orang Islam. Jadi kes ini sebenarnya Yang Berhormat, masih lagi dalam proses mahkamah. Jadi saya tidak boleh menjawab kes ini terpaksa menunggu jawapan daripada mahkamah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, yang kes saya sebut itu belum masuk ke mahkamah kerana Mahkamah Syariah kata dia mesti memohon kepada pejabat agama Islam untuk membuat satu permohonan yang mengatakan dia sudah keluar dari Islam tetapi dia pergi ke sana untuk memohon, dia kata ini mahkamah syariah mesti membuat keputusan dahulu.

Jadi, di antara dualah. Mereka tidak mahu keluaran yang pertama. *Nobody want to initiate the first step*. Jadi mereka terperangkap di tengah-tengah dan tak boleh buat apa-apa dan sampai ke hari ini, ketiga-tiga adik-beradik ini sudah berumur 25, 27 dan 28 tahun. Tidak ada kad pengenalan kerana dia tidak mahu kad pengenalannya juga mencatatkan bahawa dia adalah seorang Muslim, orang Islam. Kalau dia membawa kad pengenalan seperti itu, pada Hari Raya Puasa, pada bulan puasa itu dia akan menjadi sangat susah. Dia mungkin akan ditangkap. Jadi mereka bukan orang Islam dari awal-awal, kecil lagi. Tetapi, semua dalam dokumen, dia dikira sebagai orang Islam. Ini menjadikan sangat susah kepada mereka. Mereka bukan orang Islam, mengapa...?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tujuan nasihat daripada...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya!!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, fahamlah. Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana nasihat yang diberi itu tak boleh jalan. Sudah cuba, tak boleh jalan. Tolong berikan satu nasihat yang boleh pakai punya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, nasihat ini memanglah boleh pakai. Apabila seseorang itu memohon untuk keluar agama, ia tidak semudah itu untuk diputuskan oleh mahkamah dia boleh keluar agama. Kerana ia melibatkan banyak aspek Yang Berhormat. Aspek harta pusaka dan sebagainya. Sebab itulah apabila ada satu-satu permohonan untuk keluar daripada agama Islam, maka pihak mahkamah harus menyemak dahulu kedudukan dan sebagainya. Jadi, bukanlah seperti mana tuduhan Yang Berhormat bahawa tidak ada pihak yang mahu *initiate first step* tetapi perkara ini tidak boleh dilakukan dengan segera, tetapi kita harus menyemak kedudukan yang sebenarnya. Itu yang menyebabkan proses ini agak lambat Yang Berhormat. Silakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya pun ada satu kes yang sama. *Convert* budak kecil, tidak pernah melafazkan tiga kali syahadah. Selepas itu dia ada sijil di *baptise* dia jadi Kristian. Persoalannya sekarang, sama. Apabila saya bawa dia ke mahkamah syariah, mahkamah syariah kata jabatan agama Islam tetapi jabatan agama Islam enggan keluar surat tetapi persoalannya, saya pernah tanya ke Parlimen. Apakah prosedur untuk keluar Islam bagi kategori yang ini? Yang pada dasarnya bukan Islam? Jawapan ialah, hanya Negeri Sembilan mempunyai undang-undang. Negeri lain tak ada.

Jadi, apa makna Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa memang ada. Ada prosedur pergi Mahkamah Syariah tetapi jawapan saya terima tidak ada prosedur lagi bagi negeri Perak. Hanya ada di Negeri Sembilan.

Jadi mengapa paksa kategori yang ini yang tidak faham agama Islam dari kecil lagi untuk tinggal jadi orang Islam. Saya percaya pegawai jabatan agama Islam dan mahkamah syariah, enggan. Bukan kerana proses lama, tetapi memang enggan untuk membenarkan mereka keluar Islam dan mengisytiharkan mereka bukan Islam kerana mereka melihat ini satu dosa. Dosa kalau mereka membenarkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi kalau kita tengok sebaliknya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah bukan satu dosa, memaksa kategori ini..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu ambil..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Untuk tinggal...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Masa ini untuk berucap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Dalam agama Islam apabila mereka tidak mempercayainya dan setiap hari minggu ke *church*, pergi ke gereja. Sejak kecil lagi, berpuluh tahun. Sekarang ini sudah berumur 30 tahun lebih. Budak ini, dia tidak berani kahwin sebab dia tak mahu isteri dia jadi Islam. Jadi, kategori ini yang langsung tak faham agama...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak minat lagi. Jadi apakah nasihat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah akan bagi satu tempoh...

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Untuk menasihati bagi negeri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa untuk Yang Berhormat berucap...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan terakhir....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah akan bagi satu tempoh nasihat bagi negeri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah jangan bersyarahlah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apakah akan bagi satu tempoh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Nasihat bagi negeri untuk memastikan enakmen...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sudah mengeluarkan soalan seumpama ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Untuk memastikan enakmen berkenaan prosedur ini diadakan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyebutkan budak kecil untuk memeluk agama Islam.

Jadi mungkin dalam kes ini tidak selesai kerana ini budak kecil tetapi kalau Yang Berhormat bagi Batu Gajah ingin bertanya tentang prosedur, saya telah sebut tadi bahawa memang benar bahawa hanya di Negeri Sembilan telah ada prosedur untuk mendengar mereka yang ingin menukar agama ataupun istilahnya murtad, kerana prosedur ini belum ada di negeri tetapi bagi mereka di negeri-negeri lain selain Negeri Sembilan, boleh mengemukakan permohonan ini di Mahkamah Syariah.

Itu dapat saya terangkan kepada Yang Berhormat. Saya ingin menjawab persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Lipis berkaitan dengan kebajikan Orang Asli yang mana Yang Berhormat telah membangkitkan tentang kemudahan surau yang sudah usang dan juga penggerak Orang Asli yang tidak turun padang dan mereka-mereka Orang Asli yang telah memeluk agama Islam. Sebenarnya pihak JAKIM telah mengambil tindakan dengan membaik pulih dan membaiki surau-surau di perkampungan Orang Asli yang telah usang dan rosak. Surau-surau di perkampungan Orang Asli kebanyakannya telah dibina semenjak 1991 lagi.

Jadi, bagi perkampungan yang belum ada surau, JAKIM akan membina surau-surau di perkampungan yang berkenaan dan JAKIM juga telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mengambil berat berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh Orang Asli. Setakat ini JAKIM telah melantik seramai 122 orang yang dinamakan sebagai penggerak masyarakat Orang Asli seluruh semenanjung. Walau bagaimanapun, pemantauan terhadap penggerak berada di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri yang mana berkuat kuasa sejak 17 Mei 2002 dan diselia oleh Pegawai Tadbir Agama daerah dan negeri-negeri yang ditempatkan.

Walaupun bagaimanapun, JAKIM sentiasa mengambil usaha untuk memajukan Orang Asli yang memeluk agama Islam dengan mengadakan beberapa aktiviti, antara lain seperti kelas fardu di perkampungan Orang Asli, kursus kepada remaja, kursus motivasi kepada belia, Bengkel Prestasi Belia Orang Asli, Seminar Keluarga Bahagia Orang Asli, Bengkel Keluarga Cemerlang, Program Masyarakat Berjiran, Program Ziarah Mesra dan Program Belia Kasih di antara yang dapat saya sebutkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen. Kita tahu JAKIM setelah menambah kakitangan, memperbesar lagi organisasinya, tetapi saya lihat masih tidak cukup lagi. Walaupun ustaz-ustaz ini mempunyai ilmu agama, tetapi ilmu agama dia sekadar hendak bagi ceramah di surau dan masjid sahaja. Hukum-hakam tetapi PR, *public relation* ini agak kurang sedikit Yang Berhormat. Kalau PRnya bagus, tidak menjadi macam dekat Langkawi ini dan Tok Batin Orang Asli di kawasan saya sendiri mengaku, Islam kampung kami Datuk, kata dia longgar.

JAKIM datang itu datang, tetapi jangan tidak datang sahajalah. Jangan tidak datang, pendek kata ambil *attendance* sahajalah, tetapi kerja-kerja memanglah cara kehidupan Orang Asli ini lain daripada kita tetapi adalah menjadi tugas dan tanggungjawab, *public relation* di antara ustaz-ustaz ini kenalah menghampirkan diri dengan Orang-orang Asli ini.

Tidak guna kita pada hari ini sekadar apabila mengislamkan Orang Asli, nah, surat khabar besar-besaran tetapi lepas itu tinggal. Itu yang dia kata dia hantar surat itu hendak makan 'celeng' katanya. Hantar surat hendak cuti sekejap daripada Islam katanya. Pun ada juga kita dapat cerita. Jadi kita berharaplah JAKIM, itulah sebab saya minta supaya JAKIM ini dirombak balik dengan keperluan keadaan agama kita masa kini. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi kah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sudah habis Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Kita akui bahawa masih lagi ada ruang-ruang untuk kita perbaiki keadaan ini dan sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita bercakap tentang kerja dakwah ini, ia bukan kerja satu hari dan bukan tanggungjawab pihak yang tertentu sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya habiskan sedikit sahaja. Berkenaan dengan PR itu, insya-Allah kita akan ambil maklum dan saya rasa JAKIM akan memperbanyakkan lagi kursus kepada pegawai-pegawai kita yang akan masuk kepada Orang Asli. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya sebenarnya membangkitkan isu tentang pendakwah, saya tidak panggil pendakwah tetapi sebagai penggerak agama Orang Asli ini kerana pertamanya di kawasan saya banyak perkampungan Orang Asli. Keduanya kawasan di sebelah saya, Parlimen Cameron Highlands pun memang ramai tetapi yang menyedihkan saya itu ialah kita boleh cakap tentang pelbagai kursus, pelbagai apa, tetapi penggerak ini tidak datang pun ke..., saya tanya sendiri tok batin, tengok surau usang, tidak ada apa. Ia punya elektrik pun sudah potong dan air pun sudah potong.

Saya tanya ini apa? Surau dia kata. Apa yang teruk macam ini? Sejadah atau apa langsung tidak ada. Dia kata penggerak ada datang. Adalah sesekali. Dua, tiga bulan sekali. Jadi rasa sayalah, pihak JAKIM, pihak yang bertanggungjawab kena pantau perkara macam ini. Jangan kita sudah Islamkan mereka, kita biarkan mereka. Lepas itu apabila orang lain masuk, kita hendak marah, barulah kita buat gempar. Macam-macam. Keluar surat khabar sana sini, tetapi yang sebenarnya JAKIM tidak melaksanakan tugasnya. Itu jawapan yang sebenarnya, sekian terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya ambil maklum tentang masyarakat Orang Asli di kawasan Yang Berhormat dan juga Cameron Highlands dan kita akan semak balik semula dakwaan yang mengatakan surau itu tidak diambil peduli dan ditinggalkan oleh penggerak. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Saya hendak sebut tempat itu, Kampung Teluk Gunung, ada di sebelah. Carilah tempat itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ada empat perkara. Yang tiga ini boleh ambil perhatian dan jawab kemudian, jawab bertulis atau terus ambil tindakan. Pertama, pemantauan ke atas sijil-sijil halal di restoran-restoran dan hotel-hotel yang dua, tiga tahun tidak diperbaharui, satu. Yang kedua, pemantauan ke atas tempat-tempat sembelihan di luar negara. Yang ketiga, wang Baitulmal berjuta-juta. Ke mana pergi belanjanya? Hendak cerita ini panjang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kasihanlah takut maghrib sudah habis, orang macam saya boleh jamak, tetapi orang macam Setiausaha Parlimen sudah tidak boleh hendak jamak. Saya jamak takhir boleh.

Yang keempat ini saya harap menteri, Setiausaha Parlimen dan sesiapa yang berkaitan dengan kuasa-kuasa agama Islam ini, tolong berhenti bercakap. Tolong jangan fikirkan hendak mengerjakan haji empat, lima hari ini. Tolong berhentikan. Makcik saya, bapa saudara saya, sepupu saya, datuk nenek saya, saudara mara kita di kampung-kampung marah. Dia sudah simpan duit 30 tahun, lepas itu hendak mengerjakan haji empat, lima hari. Ini apa hal ini? Hendak mengerjakan haji pun hendak berkira ini fasal apa? Yang orang kaya-kaya, yang berpangkat-pangkat besar, saudagar-saudagar besar hendak empat, lima hari, lantak dialah tetapi jangan jadi dasar Tabung Haji, jangan jadi dasar orang yang berkuasa dalam agama Islam mengerjakan haji empat, lima hari. Jangan jadi dasar! Kalau ada orang hendak buat kerja haji empat, lima hari, pedulikan dia. Dia berkira sangat tentang hendak berbelanja kepada agama ini, hendak menghabiskan masa, dia hendak kira.

Dia tidak hendak ziarah kepada Rasulullah, itu lantak dia. Jumlah 30, 40 hari itu mesti dikekalkan kerana orang hendak mengerjakan haji ini wajibnya sekali seumur hidup. Dia hendak sempurnakan betul-betul haji dia, wajib haji dia, rukun haji dia, sunat haji dia, ziarah dia. 40 waktu di Madinah itu kurang-kurang lapan hari. Dia hendak ziarah Rasulullah, Rasul yang begitu istimewa, Rasul pilihan, kekasih Allah. Pedulilah ini korporat-korporat keparat ini pedulikan. Yang ada pegawai tinggi konon tidak ada masa, "*I have no time*", pedulikan dia, mampus dia lah. Kita hendak supaya orang Islam yang benar-benar cinta kepada agama Islam hendak mengerjakan haji dengan segala jasad, roh, rohani, jasmani, fikiran, hati dia, jangan disekat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya faham Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen sudah faham Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak saya kadang-kadang geram Tuan Pengerusi. Orang tentang agama Islam ini pun kadang-kadang hendak dikira sangat dari segi ekonominya, masanya. Jangan. Datuk nenek kita dahulu enam bulan pergi haji ini tidak ada kisah pun. Keberkatan dialah kita hidup hari ini. Jadi saya tidak mahu dasar 30, 40 hari ini dipendekkan lagi. Siapa hendak kerja secara sendiri itu lantak engkau lah. Engkau tidak hendak ziarah Rasulullah, engkau punya hallah.

Akan tetapi jangan orang yang berkuasa membuat satu-satu hukum oh cukup, hendak jimatlah, jangan, jangan. Kalau empat hari Tuan Pengerusi orang perempuan macam Setiausaha Parlimen kita, datang bulan bila dia qada, bila dia hendak anu. Fikirlah. Minta maaf. Ini jangan main-main. Oh orang kaya bolehlah bayar dam dan sebagainya ini ada benda yang boleh bayar dam ada benda yang tidak boleh bayar dam. Kita sama-sama fahamlah Setiausaha Parlimen pun faham kita sedikit sebanyak tahu juga agama ini.

Baiklah saya hendak sarankan di sini mengerjakan haji empat - lima hari ini kena padamkan dia punya cerita. Tidak ada, tidak ada cerita lagi. Kita buat macam biasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk yang membuat haji lebih sekalilah Yang Berhormat. Ya cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudian dalam JAKIM ini jangan pula cerita hijau, putih, kuning, hijau putih kuning ini dibiarkan. Dia tidak ada hijau dalam JAKIM ini sepatutnya. Yang ada cuma satu warna sahajalah. Fahamlah Setiausaha Parlimen itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Anda memang seorang yang berkebolehan syabas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading berkenaan dengan tiga perkara yang dibangkitkan Insya-Allah akan dijawab secara bertulis. Bagaimanapun berkenaan saranan Yang Berhormat tentang mengerjakan haji dalam beberapa hari bagi wanita yang uzur ini tidak jadi masalah sudah sekarang Yang Berhormat. Teknologi moden banyak boleh melewati. Apa-apa hal pun ini baru dalam peringkat cadangan dan saranan dan belum lagi menjadi satu dasar bagi Tabung Haji. Dan Insya-Allah pandangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil kira dan akan saya maklumkan pada pihak yang akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi sekianlah jawapan saya bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab akan diambil maklum dan tindakan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM70,202,000 untuk Maksud B.1; RM1,577,600 untuk Maksud B.2; RM104,297,400 untuk Maksud B.3; RM49,010,800 untuk Maksud B.4; RM37,118,000 untuk Maksud B.5; RM2,705,007,500 untuk Maksud B.6; RM1,128,857,700 untuk Maksud B.7; RM90,171,000 untuk Maksud B.8; RM148,077,600 untuk Maksud B.9; dan RM16,432,400 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM70,202,000 untuk Maksud B.1; RM1,577,600 untuk Maksud B.2; RM104,297,400 untuk Maksud B.3; RM49,010,800 untuk Maksud B.4; RM37,118,000 untuk Maksud B.5; RM2,705,007,500 untuk Maksud B.6; RM1,128,857,700 untuk Maksud B.7; RM90,171,000 untuk Maksud B.8; RM148,077,600 untuk Maksud B.9; dan RM16,432,400 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,040,285,900 untuk Maksud P.6; dan RM70,229,700 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,040,285,900 untuk Maksud P.6; dan RM70,229,700 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi Rabu esok, 8 November 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.44 petang.